

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**2024**

**HARI SELASA : 9 JULAI 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 119 )**

**[SOALAN NO.9 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 83]**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
YANG KELIMA BELAS  
PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA 2024  
24 JUN – 18 JULAI 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Tuan Zahari bin Kechik  
[ JELI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 ( Selasa )**

**SOALAN**

**TUAN ZAHARI BIN KECHIK [ JELI ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang wujud di seluruh negara dan berapa jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) menjalankan aktivitinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak ditubuhkan pada tahun 1975, jumlah KRT telah meningkat dari semasa ke semasa dan sehingga kini terdapat sebanyak 8,438 Rukun Tetangga di seluruh negara.
  2. Permintaan komuniti untuk menubuhkan KRT dalam kawasan kejiranan masing-masing terus meningkat setiap tahun. Misalnya peningkatan bilangan penubuhan KRT sebanyak 93 KRT baharu pada tahun 2023 yang telah diluluskan penetapannya. Penubuhan KRT mengambil kira keluasan kawasan, jumlah penduduk, kepelbagai kaum dan keperluan menubuhkan KRT khususnya yang berkaitan dengan isu dan konflik dalam kawasan. Justeru, penubuhan KRT akan memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian dalam komuniti dan menjadi platform untuk menyelesaikan isu-isu setempat.
  3. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara menyediakan peruntukan geran sebanyak RM6,000 kepada KRT untuk melaksanakan gerak kerja di peringkat komuniti masing-masing. Pada tahun 2024, sebanyak RM47,322,000 peruntukan telah disalurkan kepada 7,887 Rukun Tetangga yang aktif di seluruh negara.
1. Kementerian berharap dengan peruntukan yang disediakan, KRT dapat melaksanakan fungsi dan tugasnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 8, Akta Rukun Tetangga 2012. Dengan peruntukan yang terhad ini, KRT perlulah lebih kreatif dan tidak boleh bergerak secara silo. Sebaliknya KRT perlu berkolaborasi dengan pelbagai pihak seperti Kementerian, agensi, NGO, swasta, korporat dan pertubuhan lain dalam komuniti agar program yang dilaksanakan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat secara optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN  
(JULAU)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah yang dijangka akan dibuat oleh Kementerian berkenaan dengan kajian hasil nadir bumi (Rare Earth Elements-REE) yang telah dilombong keluar tetapi tidak dibenarkan untuk dieksport ke luar negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian telah melaksanakan moratorium terhadap aktiviti pengeksportan bahan mentah unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) bermula daripada 1 Januari 2024 dan akan disemak setiap enam (6) bulan susulan daripada keputusan Jemaah Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Oktober 2023. Pada ketika ini, dasar moratorium ini masih berkuat kuasa dan akan disemak secara berkala setiap 6 bulan.
2. Dasar moratorium pengeksportan ini bertujuan memperkasa industri NR-REE khususnya aktiviti pemprosesan sumber di peringkat pertengahan dan aktiviti pembuatan di peringkat hiliran. Selain itu, pelaksanaan dasar ini menggalakkan eksport sumber NR-REE secara produk separa siap atau produk siap yang lebih bernilai tinggi.

## **SOALAN NO : 11**

3. Memandangkan industri NR-REE merupakan industri yang masih baru bertapak di Malaysia, Kementerian dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai rakan strategik telah membangunkan dokumen Kajian Model Perniagaan (*Business Model*) Pembangunan Industri NR-REE. Kajian ini dibangunkan secara komprehensif meliputi pelbagai aspek termasuk isu, cabaran, jurang, strategi dan sasaran dalam usaha membangunkan industri NR-REE negara di setiap peringkat rantai nilai iaitu huluan, pertengahan dan hiliran. Pada masa ini, tiada kajian secara khusus dijalankan bagi mengkaji hasil NR-REE yang tidak dibenarkan eksport. Namun demikian, Kementerian sedang membangunkan enam (6) pilihan model perniagaan yang akan diperhalusi dengan lebih lanjut bagi mewujudkan pilihan model perniagaan terbaik untuk membangunkan industri NR-REE khususnya di peringkat pertengahan.
4. Seterusnya, Kementerian dijadualkan untuk untuk membentangkan kertas dasar Hala Tuju Industri NR-REE dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dijangka akan berlangsung pada Ogos 2024. Melalui mesyuarat ini, Kementerian akan memperhalusi hala tuju pembangunan industri NR-REE termasuk langkah yang akan diambil untuk mengurus sumber NR-REE yang tidak dibenarkan eksport.
5. Saya telah melakukan sesi lawatan kerja ke Tapak Projek Perintis Perlombongan NR-REE di Mukim Kenering, pada 31 Mei 2024 baru-baru ini. Sesi lawatan kerja ini bertujuan memberi pendedahan menyeluruh terhadap pelaksanaan projek perlombongan NR-REE pertama di Malaysia yang telah mematuhi semua SOP yang ditetapkan. Selain itu, sesi ini turut membincangkan hala tuju pembangunan industri NR-REE di peringkat pertengahan dan hiliran pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD  
(JERLUN)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. ABD GHANI BIN AHMAD ( JERLUN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pembayaran Akaun Fleksibel (Akaun 3) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mulai 11 Mei 2024 kepada pencarum dan adakah kewujudan Akaun Fleksibel memenuhi kehendak pencarum agar pengeluaran KWSP dilakukan secara bersasar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Penstrukturan Semula Akaun KWSP dibuat adalah untuk **memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan** yang lebih mapan dan pada masa yang sama **mengimbangi keperluan semasa ahli**. Inisiatif ini juga dapat **membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli** supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

**Jumlah Ahli Yang Membuat Pilihan Amaun Permulaan Ke Akaun Fleksibel**

Ahli boleh membuat pilihan sama ada ingin mempunyai **Amaun Permulaan dalam Akaun 3** iaitu dengan memindahkan sebahagian simpanan dalam Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel **mulai 12 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024**. Untuk makluman, pindahan simpanan adalah daripada Akaun Sejahtera (Akaun 2) ke Akaun Persaraan (Akaun 1) dan Akaun Fleksibel (Akaun 3) sahaja. Pilihan amaun permulaan tidak melibatkan apa-apa pindahan simpanan daripada Akaun Persaraan (Akaun 1) ke Akaun Fleksibel (Akaun 3).

**Setakat 24 Jun 2024, seramai 3.61 juta atau 27.8% daripada jumlah 13.01 juta keseluruhan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun telah memilih untuk mempunyai amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel dengan jumlah perpindahan sebanyak RM11.52 bilion, manakala sejumlah RM5.12 bilion pula telah dipindahkan ke Akaun Persaraan. Seramai 3.16 juta ahli atau 24.3% daripada jumlah 13.01 juta keseluruhan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun telah membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel yang melibatkan amaun pengeluaran sebanyak RM7.81 bilion.**

Inisiatif ini adalah langkah proaktif untuk membantu rakyat menghadapi perubahan landskap pekerjaan, penuaan penduduk serta perubahan keperluan mengikut kitaran hayat ahli KWSP.

Dengan pengenalan Akaun Fleksibel ini, ahli boleh mengakses simpanan KWSP mereka pada bila-bila masa bagi apa-apa tujuan tanpa sebarang sekatan justeru dilihat tiada keperluan untuk meneruskan pengeluaran secara bersasar seperti yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menyalurkan dana daripada pihak Kementerian kepada badan-badan pelajar selaras dengan pindaan terbaru Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyediakan Peraturan Pengurusan Kewangan Pelajar oleh Majlis Perwakilan Pelajar Atau Kesatuan Mahasiswa dan Badan Pelajar. Selepas pindaan AUKU diwartakan, peraturan ini akan diedarkan ke Universiti Awam (UA) untuk dijadikan rujukan bagi pengurusan kewangan oleh pelajar.
2. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)/Kesatuan Mahasiswa (KM)/persatuan pelajar boleh merujuk kepada peraturan yang disediakan sebagai panduan pengurusan kewangan. Peraturan ini dapat membimbing pelajar untuk menguruskan kewangan dengan cara yang terpimpin, berhemah dan dapat mengelakkan sebarang salah laku kewangan.
3. Di dalam peraturan tersebut ada dinyatakan MPP/KM dan Badan Pelajar hendaklah memastikan semua dana luar yang diperolehi dimasukkan ke dalam akaun bank rasmi MPP/KM dan Badan Pelajar yang dibuka dengan kebenaran Universiti.
4. Di dalam peraturan itu juga turut menyatakan tatacara pengurusan pendapatan dana antaranya MPP/KM atau badan pelajar hendaklah:
  - a) membuka akaun semasa di bank tempatan berlesen yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia dengan pengesahan Universiti;
  - b) memaklumkan secara rasmi kepada Universiti berkenaan akaun bank yang telah dibuka;
  - c) semua pengurusan pendapatan dana luar hendaklah melalui akaun bank atas nama MPP/KM atau Badan Pelajar; dan
  - d) sebarang penerimaan hendaklah atas nama MPP/KM atau Badan Pelajar yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah mengenal pasti cabaran dan masalah yang dihadapi oleh murid tanpa dokumen kewarganegaraan untuk meneruskan persekolahan mereka serta strategi khusus Kementerian bagi membantu mereka supaya tiada murid yang tercicir.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat terhadap akses pendidikan murid tanpa dokumen warganegara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyediakan akses pendidikan bagi kanak-kanak ini melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009. SPI ini membolehkan kanak-kanak tanpa dokumen warganegara memasuki sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan dengan syarat salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak itu mestilah warganegara Malaysia.

Cabaran utama yang telah dikenal pasti ialah masalah ibu bapa yang tidak mempunyai sijil nikah atau sijil kahwin yang menyebabkan anak-anak mereka tiada dokumen kelahiran yang sah.

Antara strategi KPM bagi mengatasi masalah ini adalah dengan melaksanakan ziarah cakna dan jerayawara melalui sesi town hall seperti yang dilaksanakan oleh jabatan pendidikan negeri (JPN) Pulau Pinang dengan pengisian ceramah motivasi keibubapaan serta sesi bicara strategik bersama-sama agensi kerajaan seperti Pusat Zakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Majlis Bandaraya Seberang Jaya dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, GIATMARA Pulau Pinang, Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG), Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta (PIBKS), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Kolej Komuniti Kepala Batas, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Politeknik Seberang Perai, Institut Teknikal Jepun Malaysia, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Institut Kemahiran Tinggi PERDA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang. Pihak swasta serta badan-badan bukan kerajaan juga turut membantu seperti Bank Rakyat, Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, Chumbaka, Perlis Centre of Educational Excellence, Adabi, Lembaga

## **SOALAN NO : 14**

Pembangunan Industri Pembinaan, Sabah Electric Sendirian Berhad dan lain-lain.

Selain daripada itu, bantuan daripada semua pemimpin masyarakat termasuk Ahli Yang Berhormat juga diperlukan dalam memberikan kefahaman kepada rakyat agar mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa dengan mendaftarkan perkahwinan dan kelahiran anak-anak supaya masalah tiada dokumen warganegara atau pengenalan diri yang sah dapat diatasi.

Program lain yang dijalankan bagi mengatasi masalah keciciran murid tanpa dokumen warganegara adalah seperti Operasi Sifar Murid Cicir atau OPSCIS di negeri Sabah dan Program Sifar Murid Cicir (PSMC) di seluruh negara. Negeri Pahang juga sentiasa melaksanakan pelbagai program bagi menangani masalah keciciran dan mengenal pasti keberadaan anak-anak yang lahir di negeri Pahang mendapat pendidikan sama ada di sekolah kerajaan atau sekolah swasta. Antara program yang dilaksanakan oleh JPN Pahang ialah Program Intervensi Cicir Dan Risiko Cicir dengan PIBKS, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Bank Islam. Di samping itu, JPN turut melaksanakan Bengkel Verifikasi Data Enrolmen Murid dan Program Keberadaan dan Peningkatan Murid Menengah Atas bagi menangani masalah keciciran murid di negeri Pahang.

Seterusnya melalui JPN, pejabat pendidikan daerah dan pihak sekolah juga melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menyantuni murid dan keluarga mereka yang memerlukan bantuan selain daripada di atas. Antaranya ialah bantuan barang-barang keperluan harian seperti beras, gula, susu, garam, biskut, bantuan kewangan, peralatan asas persekolahan, pengangkutan dan lain-lain lagi termasuk khidmat nasihat dan sokongan moral dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan keanggotaan dan keberadaan pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk ditempatkan di kawasan sempadan Malaysia-Kalimantan termasuk di Parlimen Lubok Antu bagi membendung pelbagai aktiviti jenayah rentas sempadan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat kerana membangkitkan isu penempatan terkait agensi di bawah KDN iaitu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kawasan sempadan Sarawak dengan Kalimantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga (3) agensi di bawah KDN yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman di pintu masuk dan sempadan negara iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MBCA).

## **SOALAN NO: 15**

Pada masa ini, terdapat 20 pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA) di bawah PDRM dengan kekuatan 9 anggota bagi setiap 1 seksyen yang terlibat dalam penugasan kawalan sempadan Sarawak dengan Kalimantan.

Satu batalion baharu telah diluluskan di Briged Sarawak iaitu Batalion 23 PGA Sri Aman berkuat kuasa pada 17 Mei 2024 untuk memberi kawalan keselamatan dan pemantauan yang lebih khusus bagi kawasan di Bahagian Serian hingga ke Lubok Antu.

Kawalan pintu masuk di sempadan Sarawak dengan Kalimantan turut dikuat kuasakan oleh JIM di tiga ICQS dan tujuh Pos Kawalan Sempadan dengan 72 perjawatan pelbagai gred dan pangkat. Berkuat kuasa 1 Januari 2024, MCBA telah ditubuhkan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kawalan keselamatan serta memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan di pintu-pintu masuk dan pelabuhan-pelabuhan negara.

Kementerian sentiasa melaksanakan kajian penyusunan semula organisasi dan pengukuhan perjawatan secara menyeluruh melibatkan Jabatan / Agensi di bawah KDN di seluruh Malaysia. Menerusi kajian yang dijalankan, model dan keperluan perjawatan bagi semua peringkat akan diperhalusi bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia dapat dilaksanakan dengan maksimum.

Sehingga kini, kolaborasi antara Jabatan/Agensi yang ditempatkan untuk menjaga kawasan sempadan Sarawak dengan Kalimantan telah berjaya menumpaskan beberapa kes jenayah rentas sempadan antara dua kawasan ini seperti sindiket narkotik, pendatang asing tanpa izin, penculikan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [ BALING ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN SAAD [ BALING ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan untuk meningkatkan kadar produktiviti industri getah termasuk sektor pembuatan bagi memberikan pendapatan lebih tinggi kepada penoreh getah dan pemain industri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk memperkasakan industri getah tempatan, Negara perlu meningkatkan pengeluaran getah asli. Daripada 1.1 juta ha keluasan tanaman getah di Malaysia, 93% terdiri daripada pekebun kecil dan 7% adalah estet. 217,000 pekebun kecil terlibat dalam pengeluaran getah asli di Malaysia (195,000 pekebun kecil aktif yang memperbaharui kad PAT-G setiap 3 tahun).
2. Malaysia pada suatu ketika dahulu merupakan salah satu pengeluar utama getah asli dunia Kini, Malaysia menjadi *net importer* bagi getah asli. Pada tahun 2023, Malaysia menghasilkan 348,000 tan metrik getah asli (2022: 377,000 tan metrik). Negara mengimport 1 juta tan metrik (2022: 1.16 juta tan metrik) getah asli bernilai RM5.7 bilion (2022: RM7.2 bilion).
3. Jelas bahawa industri getah Malaysia masih memerlukan bekalan getah asli yang tinggi bagi menyokong industri hiliran getah Malaysia yang merupakan antara terbesar di dunia. Malaysia merupakan pengeluar sarung tangan getah terbesar dan pengeluar bebenang getah ketiga terbesar dunia.
4. Bagi meningkatkan produktiviti sektor huluan, pihak Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) sedang meneliti model konsolidisasi / penyatuan pekebun-pekebun kecil mengikut kluster (500 - 1,000 ha setiap kluster) bagi meningkatkan kapasiti, mengurangkan kos, melibatkan ketiga-tiga tahap dalam rantai nilai industri getah (huluan, *midstream* dan hiliran) dan menarik minat penoreh melalui pendapatan yang tetap dan stabil. Inisiatif ini juga sebagai salah satu kaedah bagi mengatasi sekitar 420,000 ha tanaman getah yang sudah matang tetapi tidak ditoreh.

## NO SOALAN: 16

5. Cadangan kluster ini dijangkakan akan dilaksanakan di 3 negeri yang dikenal pasti iaitu Kelantan, Kedah dan Perak. LGM akan bekerjasama dengan FELDA, FELCRA dan RISDA untuk membantu melaksanakan kluster ini termasuklah penyelarasan permohonan kuota pekerja asing bagi kerja-kerja penorehan.
6. Selain itu, LGM giat melaksanakan penyelidikan untuk menghasilkan klon-klon getah baharu yang berprestasi tinggi serta daya tahan penyakit yang tinggi. LGM juga membangunkan teknologi berkaitan stimulan seperti *RRIM Hydrobest* yang dapat meningkatkan produktiviti getah sebanyak 30 peratus.
7. Bagi sektor getah secara keseluruhan, pihak Kementerian bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memuktamadkan beberapa isu dasar bagi mendapatkan bekalan buruh yang secukupnya, terutamanya bagi subsektor getah yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
8. Bagi subsektor pengeluaran sarung tangan getah yang merupakan penyumbang terbesar produk hiliran getah, *Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association* (MARGMA) menjangkakan peningkatan permintaan bagi sarung tangan getah sekitar 12-15 peratus bagi tahun 2024-2025. Oleh itu, sektor ini memerlukan bekalan tenaga kerja bagi memenuhi kenaikan dalam permintaan. Kerajaan akan terus membantu syarikat pengeluar sarung tangan getah untuk mendapatkan pekerja bagi memastikan pengeluaran dan produktiviti terus meningkat dan memberikan sumbangan kepada ekonomi Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB Tuan Tan Kok Wai** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program peringatan yang akan dijalankan bersempena dengan 79 tahun berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 2026, dan jumlah peruntukan untuk program tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara tidak mempunyai perancangan atau peruntukan khusus untuk mengadakan program peringatan bersempena dengan 79 tahun berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun ini (2024).
2. Walau bagaimanapun, Kementerian menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) pernah menganjurkan satu pameran khas bagi memperingati Perang Dunia Kedua pada tahun lepas (2023). Pameran tersebut telah diadakan di Muzium Perak, Taiping bermula 15 Ogos hingga 30 September 2023 bersempena sambutan Bulan Kebangsaan.
3. Pameran ini memfokuskan kepada pengalaman hidup masyarakat setempat ketika zaman pendudukan Jepun (1941-1945) yang disifatkan

sebagai ‘silent years’ memandangkan tidak banyak rekod atau dokumentasi yang dapat dirujuk. Pameran tersebut diadakan dengan kerjasama Pennsylvania State University, Berks, Amerika Syarikat di mana mereka telah membangunkan kandungan naratif realiti maya melalui sumber sejarah lisan yang melibatkan 20 orang responden pelbagai kaum dari latar belakang yang berbeza.

4. Menerusi pameran ini, pelawat berpeluang mengimbau semula keperitan hidup yang dialami responden semasa perang tersebut yang divisualkan melalui pameran fizikal dan pameran maya menggunakan penceritaan sejarah lisan (*oral history*) secara *virtual reality*. Cerita lisan responden juga didokumenkan dalam sebuah penerbitan sebagai bahan rujukan.
5. Objektif pameran adalah bertujuan membangkitkan kesedaran sekaligus memberi iktibar betapa perang hanya membawa kepada penderitaan dan kesengsaraan. Pengalaman mangsa perang yang penuh tragis dan pahit ini dikongsi sebagai pengajaran kepada seluruh rakyat untuk kekal mempertahankan kedaulatan negara.
6. Bersempena pameran ini, Muzium Perak juga menganjurkan pelbagai aktiviti sampingan seperti Kayuhan Uniti, Senam Sihat Uniti dan pertandingan lagu-lagu patriotik di bawah program Semarak@Muzium. Program ini melibatkan penyertaan masyarakat dari pelbagai latar belakang bagi menyemarakkan nilai-nilai perpaduan dan membangkitkan patriotisme menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara berteraskan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:**

- a) apakah Kementerian akan mengambil tindakan tegas kepada kumpulan pelajar yang membantah kod etika pemakaian Universiti Malaya (UM) atas dakwaan bersifat konservatif, kononnya mahu UM kekal liberal; dan
- b) apakah usaha untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang prinsip rukun negara kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusaha?

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**a)**

1. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil serius setiap luahan suara atau lontaran pandangan daripada warga universiti termasuk mahasiswa dalam apa jua konteks termasuk pandangan berkaitan Kod Etika pemakaian pelajar Universiti.
2. Dalam hubungan ini, satu sesi pertemuan bersama kumpulan pelajar yang membantah kod etika pemakaian Universiti Malaya (UM) yang juga dikenali Kumpulan *New Generation* telah diadakan pada baru-baru ini. Pertemuan yang diadakan pada 14 Mei 2024 bersama-sama Kumpulan *New Generation*, pihak JHEP dan beberapa wakil daripada Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) dan Sekretariat Presiden Kolej UM (SPKUM) telah diadakan bagi membincangkan dan menjelaskan berkaitan dakwaan tersebut.
3. Selanjutnya, pada 24 Jun 2024 juga, satu sesi libat urus bersama-sama ahli Jawatankuasa Tatacara Pemakaian Pelajar Universiti Malaya yang turut dihadiri oleh wakil pelajar daripada Sekreteriat Presiden Kolej Kediaman (SPK) serta Timbalan-Timbalan Dekan Universiti telah diadakan bagi melihat pandangan daripada semua pihak berkaitan Kod Etika Berpakaian dan Penampilan Pelajar 2024 bagi memberi maksud yang lebih jelas dan selari dengan Arahan Pentadbiran.
4. Hasil daripada kedua-dua sesi libat urus tersebut, semua pihak mengambil maklum akan penerangan yang diberikan dan telah mencapai kata sepakat bahawa satu bengkel penambahbaikan tatacara berpakaian dengan penglibatan semua Jawatankuasa yang dilantik termasuk ahli KMUM dan SPK sebagai entiti yang mewakili suara mahasiswa akan diadakan kelak.

**b)**

1. Prinsip kelima Rukun Negara, Kesopanan dan Kesusilaan adalah asas penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan bertamadun. Untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang prinsip ini, pelbagai usaha boleh dijalankan oleh universiti dan pihak berkaitan. Antaranya;
  - a) Mempromosikan Buku Peraturan Universiti termasuk etika pemakaian yang selaras dengan prinsip kesopanan dan kesusilaan. Ini termasuk etika dan adab ketika berinteraksi dengan pensyarah, staf, dan rakan sebaya;
  - b) Melancarkan kempen kesedaran melalui poster, media sosial, dan aktiviti kampus dengan mengangkat tema nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan serta contoh praktikal dalam kehidupan harian;
  - c) Menggiatkan penglibatan pelajar melalui aktiviti kelab atau persatuan yang memberi fokus kepada nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan sebagai warga kampus. perbincangan, bengkel, dan aktiviti kesenian yang mengangkat tema kesopanan dan kesusilaan;
  - d) Menyediakan sistem sokongan seperti kaunseling atau bimbingan yang membantu pelajar memahami dan mengamalkan kesopanan dan kesusilaan dalam kehidupan mereka; dan
  - e) Memberikan pengiktirafan dan anugerah perhargaan kepada mahasiswa yang menunjukkan sahsiah terpuji dan beretika yang boleh menjadi motivasi kepada mahasiswa lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDY [ KALABAカン ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [ KALABAカン ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan di bawah Perkara 14 (Kehilangan Dalam Negara) bagi negeri Sabah; dan
- (b) langkah tuntas yang diambil dalam menyelesaikan lambakan permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan di Sabah yang membawa kepada punca keciciran pendidikan tinggi dan pekerjaan dalam kalangan belia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2019 hingga 2024, jumlah permohonan Pengesahan Taraf Kewarganegaraan yang telah diluluskan di bawah Perkara 14 (Kelahiran Dalam Negara) bagi negeri Sabah adalah sebanyak **461 permohonan**.
- (b) Kad Pengenalan merupakan dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaras dengan Seksyen 5, Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78]. Kad pengenalan adalah dokumen wajib bagi warganegara Malaysia sebagai dokumen pengenalan diri untuk membuktikan identiti seseorang individu dan tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya demi keselamatan negara.

Sebagai langkah tuntas bagi memudah cara penyelesaian kes Daftar Lewat Kad Pengenalan (DLKP), permohonan DLKP kini boleh diterima di semua Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) seluruh negara dan melalui program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) berbanding sebelum ini yang hanya boleh diterima di JPN Ibu Pejabat dan JPN Negeri sahaja. Arahan Jabatan telah dikemas kini dan ditambah baik pada awal tahun 2024 bagi menguruskan permohonan-permohonan DLKP melalui penurunan kuasa kepada JPN Negeri untuk membuat keputusan terhadap kes-kes permohonan lewat ini. Melalui penurunan kuasa dan membenarkan permohonan diterima dan dibuat keputusan di semua Pejabat JPN, permohonan DLKP ini akan dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan pantas berbanding sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN  
WAN JAN (TASEK GELUGOR)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN ( TASEK GELUGOR )**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai cecair *vape*, langkah untuk meningkatkan kutipan, dan mekanisme penyaluran semula kutipan tersebut untuk kegunaan penjagaan kesihatan rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cecair atau gel tidak bernikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dikenakan duti eksais pada kadar 40 sen per mililiter. Semua jenis peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape turut dikenakan duti eksais pada kadar *ad-valorem* 10%. Tarikh kuat kuasa pengenaan duti eksais ini ditetapkan mulai 1 Januari 2021.

Selain itu, cecair atau gel yang mengandungi nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dan vape juga dikenakan duti eksais pada kadar 40 sen per mililiter. Tarikh kuat kuasa pengenaan duti eksais ini telah ditetapkan mulai 1 Mei 2023.

Jumlah keseluruhan kutipan hasil cukai bagi cecair vape adalah sebanyak RM141.1 juta bagi tempoh dari 2021 hingga 2024 iaitu cecair tanpa nikotin sebanyak RM82.51 juta dan cecair vape yang mengandungi nikotin adalah sebanyak RM58.55 juta.

Langkah untuk meningkatkan kutipan hasil cukai vape/rokok elektronik boleh dilaksanakan melalui penguatkuasaan perundangan berkaitan produk merokok yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam [Akta 852] telah diwartakan pada 2 Januari 2024. KKM pada masa ini sedang memuktamadkan Peraturan Produk Merokok di bawah Akta tersebut yang merangkumi kawalan ke atas produk vape. Kedua-dua Akta dan Peraturan ini dijangka mula berkuatkuasa pada bulan Ogos 2024. Setelah peraturan ini berkuat kuasa, mekanisme kawalan ke atas produk vape akan menjadi lebih komprehensif dan berkesan.

Selain itu, penguatkuasaan ke atas produk vape/rokok elektronik yang dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan dapat meningkatkan hasil cukai vape/rokok elektronik. Antara

## **NO SOALAN :20**

kerjasama yang akan dilaksanakan adalah operasi bersepadu antara JKDM, KKM dan PBT bagi mengesan pengilang cecair vape/rokok elektronik yang tidak berdaftar. Penggunaan setem cukai ke atas produk rokok juga dicadang diperluas kepada produk vape/rokok elektronik supaya produk sah dan tidak sah lebih mudah dikenal pasti.

Berhubung mekanisme penyaluran semula kutipan cukai ke atas cecair vape, di bawah Artikel 97(1) Perlembagaan Persekutuan, telah dinyatakan bahawa segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh Persekutuan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Oleh yang demikian, kutipan hasil Kerajaan daripada pelbagai jenis cukai hendaklah diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Sebarang pengeluaran daripada kumpulan wang ini untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan termasuk program dan projek berkaitan penjagaan kesihatan rakyat perlu melalui proses penyediaan belanjawan tahunan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TS. ZAHIR BIN HASSAN  
( WANGSA MAJU )**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN TS. ZAHIR BIN HASSAN ( WANGSA MAJU )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menilai semula prosedur perolehan perbelanjaan mengurus Kerajaan termasuk dan tidak terhad kepada kaedah pembelian tiket kapal terbang melalui agen untuk mengurangkan beban kos berlipat kali ganda berbanding kos sebenar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan dan tatacara pembelian tiket kapal terbang untuk tujuan menjalankan tugas rasmi pegawai awam adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Pekeliling yang berkuat kuasa telah menetapkan bahawa pembelian tiket kapal terbang adalah melalui empat (4) kaedah yang dibenarkan, sama ada melalui Warap Perjalanan Udara Awam (WPUA), Kad Kredit Korporat, Pesanan Kerajaan (LO) atau Pembelian Sendiri oleh Pegawai. Pembelian tiket yang melibatkan agen adalah melalui kaedah WPUA dan LO sahaja.

Kad Kredit Korporat Kerajaan telah diwujudkan sebagai satu kemudahan tambahan saluran bayaran baharu serta langkah penjimatan dan kaedah alternatif untuk memudahkan pegawai Kerajaan membuat pembayaran secara dalam talian bagi pembelian tiket kapal terbang.

Sekiranya pembelian tiket kapal terbang dibuat dengan menggunakan Kad Kredit Korporat Kerajaan, ia hendaklah dibuat menggunakan kategori harga fleksibel (*flex fare*) yang membolehkan penukaran tiket dibuat sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian dalam menangani masalah kekurangan guru termasuk pengambilan khas guru baharu melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan/Diploma Pascasiswazah Pendidikan. Apakah penyelesaian pihak Kementerian berhubung isu penempatan guru khususnya melibatkan masalah infrastruktur atau kemudahan yang daif.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM sentiasa memastikan keperluan guru mengikut opsyen mata pelajaran mencukupi bagi memastikan setiap murid dapat menjalani proses pembelajaran yang optimum.

Beberapa strategi yang telah dilaksanakan untuk membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru seperti berikut:

- i. peluasan kluster mata pelajaran;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara;
- iii. pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswa Pendidikan (PDPP) mod Kursus Dalam Cuti (KDC) selama setahun di IPGM;
- iv. pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan PISMP lepasan STPM, STAM dan Program Matrikulasi dalam beberapa bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah bermula tahun 2024; dan
- v. penubuhan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melaksanakan penempatan guru baharu berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di setiap negeri. Urusan penempatan guru baharu juga dilaksanakan dengan mengambil kira peratus kekosongan jawatan setiap

## **SOALAN NO : 22**

negeri agar agihan yang dibuat adalah seimbang berdasarkan kekosongan sebenar jawatan di negeri tersebut.

KPM sentiasa prihatin dan mengambil berat berkaitan urusan kebijakan guru baharu dan akan mempertimbangkan perkara-perkara lain yang berkaitan seperti status perkahwinan serta perkara yang berkaitan status Orang Kurang Upaya (OKU), bagi memastikan proses agihan guru baharu ke seluruh negara dapat dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB (TENGGARA)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah terdapat sebarang Prosedur Operasi Standart (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sekiranya berlaku sebarang kecemasan berkaitan dengan ancaman haiwan liar seperti gajah yang berkeliaran dan melibatkan keselamatan orang awam berlaku.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia memandang serius ancaman hidupan liar seperti gajah yang menjelaskan keselamatan orang awam.
2. Bagi tujuan ini, Jabatan PERHILITAN telah mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Konflik Hidupan Liar yang merangkumi prosedur untuk menangani isu gangguan hidupan liar seperti gajah, harimau, babi hutan dan primat. SOP ini digunakan oleh semua barisan petugas hadapan Jabatan PERHILITAN di Unit Konflik Hidupan Liar, Pejabat PERHILITAN Negeri dan Pejabat PERHILITAN Daerah di

## **SOALAN NO : 23**

seluruh Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

3. Pada masa yang sama, Jabatan PERHILITAN turut memberikan khidmat nasihat bagi mengelakkan ancaman hidupan liar seperti berikut:

- (i) memastikan keadaan sekeliling selamat sebelum memulakan aktiviti di kawasan yang berdekatan dengan habitat hidupan liar seperti tidak terdapat kesan tapak atau najis hidupan liar yang baharu;
- (ii) mengelakkan daripada membuat provokasi atau cubaan mengganggu seperti menghalau, menjerit dan membaling objek sekiranya bertembung dengan hidupan liar;
- (iii) mencari perlindungan di sebalik pokok yang besar dan berbanir apabila terserempak dengan gajah dan segera melarikan diri sekiranya keadaan telah selamat; dan
- (iv) berdiam diri serta tidak melakukan pergerakan secara mengejut, berundur diri secara perlahan untuk menjauhi lokasi sekiranya bertembung dengan hidupan liar.

4. Selain itu, orang awam hendaklah memperlahangkan kenderaan apabila terdapat papan tanda kawasan lintasan hidupan liar terutamanya di kawasan berhampiran Hutan Simpanan Kekal atau Kawasan Perlindungan dan segera menghubungi Jabatan PERHILITAN sekiranya berhadapan dengan risiko ancaman hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN  
ABAS [ MERSING ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :**

- (a) status pembangunan dan perancangan masa depan bagi program wakaf tenaga lestari di Malaysia; dan
- (b) cabaran yang dihadapi untuk memperkasa wakaf Tenaga Baru (TBB) dan sejauh mana usaha tersebut telah dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mempunyai program spesifik yang dinamakan sebagai wakaf tenaga lestari. Namun, Kementerian menggalakkan pelaksanaan konsep wakaf dalam pembangunan tenaga boleh baharu seperti pemasangan sistem solar di masjid melalui sumbangan pewakaf solar yang terdiri daripada orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga pihak swasta, bagi membolehkan pihak masjid menjana sebahagian bekalan elektrik secara kendiri dan untuk mengurangkan jejak karbon penggunaan elektrik.
2. Program Rumah Ibadat Hijau (RIH) yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Malaysia Green Technology and Climate Change (MGTC), merupakan salah satu program yang telah menerapkan konsep pemasangan sistem solar di menerusi konsep wakaf di masjid terpilih bagi membantu memenuhi tuntutan kelestarian persekitaran, yang merupakan sebahagian daripada tuntutan agama Islam.
3. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak MGTC, pelaksanaan inisiatif wakaf di bawah Program RIH ini adalah berbentuk sukarela dan pelaksanaannya diterajui oleh sektor swasta, melalui Majlis Agama Islam Negeri dan juga Yayasan Wakaf Malaysia, yang bertanggungjawab memantau status pembangunan serta pelaksanaan program wakaf yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PM 22(5) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN PM 22(5)**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang lebih holistik berkenaan pengesanan calon tercicir dengan memberi peluang kepada mereka untuk mendaftar bagi menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara ulangan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited menangani isu ketidakhadiran murid dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 383,685 orang calon baharu mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran dan daripada jumlah tersebut, seramai 10,160 orang calon tidak hadir menduduki peperiksaan berbanding seramai 14,858 orang calon bagi tahun 2022. Angka ini menunjukkan penurunan seramai 4,698 orang iaitu 1.2 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 10,160 orang calon yang tidak hadir menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 8,676 orang merupakan calon sekolah KPM, 1,263 orang calon persendirian dan baki 221 orang adalah calon lain termasuk calon sekolah di bawah agensi kerajaan, Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan sekolah swasta.

Berdasarkan analisis KPM, antara punca ketidakhadiran luar kawalan KPM yang dikenal pasti adalah seperti bekerja, masalah keluarga, kemalangan dan sakit. KPM sentiasa berusaha meningkatkan kehadiran murid ke sekolah dengan melaksanakan langkah pencegahan dan intervensi yang bersesuaian seperti yang berikut:

- i. mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019: Panduan Pengurusan Rekod Sistem Kehadiran Murid Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Dokumen tersebut menegaskan bahawa rekod kehadiran tersebut dapat digunakan untuk membantu pihak pengurusan sekolah membuat keputusan dan tindakan berkaitan pembangunan, kebijakan, keselamatan termasuk kesejahteraan murid;
- ii. memberi peringatan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah untuk memantau kehadiran murid ke sekolah dan ke peperiksaan SPM melalui Task Force

## SOALAN NO : 25

Intervensi Kehadiran Murid berpandukan satu garis panduan yang akan diperincikan;

- iii. mengoptimumkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah melalui program pembangunan diri murid. Contoh aktiviti sesi konsultasi guru kelas, guru mata pelajaran bersama-sama Guru Bimbingan dan Kaunseling, program mentor mentee dan penghargaan kehadiran ke sekolah melalui konsep Amalan Sekolah Penyayang dan melaksanakan ceramah motivasi disertai aktiviti ceria, seronok dan bahagia selaras konsep sesi awal pembukaan sekolah bagi memupuk minat ke sekolah;
- iv. mengetengahkan pempengaruh pendidikan atau *Edufluencer* berpakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling bagi berkongsi ilmu pengetahuan, kemahiran belajar, maklumat pendidikan, hala tuju kerjaya dan pelbagai *content* (topik) berkaitan untuk menarik minat murid seterusnya meningkatkan motivasi calon SPM menduduki peperiksaan SPM; dan
- v. menyediakan ruang dan peluang kepada calon yang tidak menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023 termasuk calon yang tidak layak memperoleh sijil untuk menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) bagi memperbaiki keputusan SPM seterusnya mempunyai peluang cerah bagi kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam atau institusi latihan kemahiran awam.

Selain itu, KPM turut menawarkan perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang membolehkan beberapa keputusan peperiksaan yang terbaik calon digabungkan dalam satu sijil peperiksaan SPM sahaja. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada calon yang telah memperolehi sijil peperiksaan SPM kali pertama mulai tahun 2009.

KPM yakin dengan usaha berterusan dan komitmen semua pihak memastikan peningkatan kehadiran calon dalam peperiksaan SPM akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perkembangan terkini penglibatan koperasi-koperasi berkaitan dengan sektor agromakanan dan pertanian melalui federasi yang dibentuk dalam usaha membantu keterjaminan bekalan makanan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) komited dalam membantu Kerajaan untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan dalam negara melalui penglibatan koperasi dalam sektor agromakanan. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 169 koperasi telah terlibat secara khusus dalam sektor agromakanan yang meliputi aktiviti penternakan, perikanan, tanaman, pembekalan input pertanian serta pemasaran hasil pertanian dan asas tani.
  
2. Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan dan sumbangan koperasi dalam sektor agromakanan ini, KUSKOP melalui SKM telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:

## **SOALAN NO : 26**

- (i) menyediakan Pembiayaan Modal Pusingan Agromakanan (AFi) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta. Koperasi yang berkelayakan boleh memohon pembiayaan sehingga RM3 juta bagi mengembang atau memperluas projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama (*upstream*), pemprosesan atau pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain. Bagi tahun 2023 hingga 31 Mei 2024, sebanyak 12 koperasi telah diluluskan pembiayaan AFi berjumlah RM5.65 juta;
- (ii) menyediakan Geran Bantuan Pembangunan kepada koperasi yang berkelayakan bagi mengukuh dan mengembang aktiviti perniagaan koperasi termasuk aktiviti pertanian dengan bantuan sehingga RM300,000. Bagi tahun 2023 hingga 31 Mei 2024, sebanyak 17 koperasi telah diluluskan geran bantuan pembangunan dalam sektor agromakanan berjumlah RM1.3 juta merangkumi empat (4) program yang telah dilaksanakan iaitu
  - a) Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 (e-Fast);
  - b) Program Pemerksaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE);
  - c) Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER); dan
  - d) Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK).
- (iii) Kerjasama strategik KUSKOP dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk mengoptimumkan potensi sumber melibatkan kedua-dua Kementerian. Kerjasama strategik ini antaranya bertujuan menyokong transformasi dan permodenan projek pertanian oleh sektor koperasi yang akan menyumbang kepada keterjaminan pengeluaran makanan negara. Pada masa ini sebanyak 18 projek dipantau di bawah inisiatif ini yang menyumbang kepada rantaian bekalan makanan menerusi gerakan koperasi bagi jaminan sekuriti makanan negara.

**SOALAN NO : 26**

- (iv) Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad juga telah ditubuhkan dengan keanggotaan sebanyak enam (6) koperasi. Federasi ini menyediakan khidmat nashiat dalam bidang pertanian dan industri asas tani dan telah mengadakan kerjasama dengan koperasi-koperasi anggota yang menjalankan aktiviti pertanian bagi pembekalan dan pengedaran baja dengan sokongan dana permulaan sebanyak RM400,000.00 daripada SKM. Projek telah bermula dan federasi dalam proses untuk mengembangkan aktiviti ini ke pasaran yang lebih luas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapa panjang tempoh perbicaraan sehingga keputusan mahkamah dibuat bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan Akta Kualiti Alam Sekeliling. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menyingkatkan tempoh perbicaraan. Apakah pendirian Kementerian terhadap kewujudan *environmental court*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah berpengalaman dalam mengendalikan perbicaraan kes-kes pencemaran alam sekitar. Berdasarkan Arahan Amalan Bil. 7 Tahun 2015, kes-kes tuntutan alam sekitar (sivil) hendaklah diselesaikan dalam tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh ia mula-mula didaftarkan di mahkamah tersebut, manakala bagi kes jenayah alam sekitar hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tertuduh pertama kali dituduh di mahkamah selaras dengan Arahan Amalan Bil. 3 Tahun 2012. Namun begitu, tempoh perbicaraan akan dipanjangkan sekiranya kes tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut bergantung kepada prosedur-prosedur tertentu bagi sesuatu kes dan juga pihak-pihak termasuk mahkamah, pendakwa raya dan peguambela.
2. *Environmental Court* sememangnya telah wujud menerusi penubuhan Mahkamah Sesyen Khas yang mengendalikan kes berkaitan jenayah alam sekitar selaras dengan Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil 3/2012 manakala Mahkamah Alam Sekitar bagi kes sivil ditubuhkan melalui Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil 7/2015 bagi tujuan menyegerakan kes tuntutan sivil alam sekitar. Menerusi amalan ini, beberapa Mahkamah Tinggi, Sesyen Dan Majistret tertentu telah dipilih untuk mengendalikan prosiding tuntutan sivil alam sekitar.
3. Mahkamah ini mempunyai kepakaran khusus dalam undang-undang alam sekitar serta memastikan kes-kes berkaitan alam sekitar ditangani dengan lebih cekap dan adil. Di samping itu, Mahkamah Alam Sekitar juga akan dapat mempercepatkan penyelesaian kes-kes alam sekitar dan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN  
SHAARI (PASIR MAS)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI ( PASIR MAS )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil penjimatan yang dijangka akan diterima oleh Kerajaan selepas merasionalisasikan subsidi bahan api dan pelaksanaan subsidi bahan api bersasar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih menanggung keperluan subsidi diesel sebanyak RM10 bilion setahun merangkumi:

- i. Sebanyak RM4 bilion subsidi setahun bagi pengguna yang masih kekal menikmati harga diesel yang rendah iaitu pada kadar RM1.88 seliter kepada 10 jenis kegunaan kenderaan di bawah sektor pengangkutan awam dan RM2.15 seliter kepada 23 jenis kegunaan kenderaan diesel sektor logistik;
- ii. RM3.3 bilion subsidi bagi pengguna diesel di Sabah dan Sarawak yang masih kekal menikmati harga diesel RM2.15 seliter;
- iii. RM1.2 bilion subsidi diesel nelayan A, B dan C; dan
- iv. RM1.8 bilion bantuan tunai yang diberikan melalui BUDI Individu dan Budi Agri-Komoditi.

Ini bermakna, Kerajaan masih menampung RM10 bilion subsidi diesel setahun berbanding RM14 bilion pada tahun 2023 dan pelaksanaan penyasaran subsidi ini memberikan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD (SIMPANG RENGGAM)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGGAM]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 (MY AI NEXUS) termasuk dalam keperluan bagi penyediaan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk melengkapkan penilaian risiko sebelum menjadikan teknologi itu tersedia untuk khalayak umum.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 (MY AI NEXUS) merupakan inisiatif penting dalam memajukan ekosistem AI di Malaysia. MY AI NEXUS bertujuan untuk mempamerkan kesediaan Malaysia menerima teknologi AI sebagai pemacu baharu ekonomi negara, menjadi platform untuk bekerjasama pelbagai pihak berkepentingan, seterusnya berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang AI melalui kerjasama strategik melibatkan institusi akademik, pemain industri, dan pelbagai agensi Kerajaan.
2. Oleh itu, Kementerian ini berhasrat untuk menjadikan MY AI NEXUS sebagai inisiatif yang berterusan sebagai pemangkin untuk merancakkan lagi pembangunan teknologi AI tempatan seterusnya menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

## **SOALAN NO : 29**

3. Bersempena dengan majlis MY AI NEXUS pada 10 Mei 2024, Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diluncurkan selari dengan aspirasi YAB Perdana Menteri yang telah disampaikan melalui ucapan Belanjawan Negara 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu. Fakulti ini diwujudkan dengan tujuan untuk membangun bakat AI holistik yang diperlukan negara melalui program pendidikan, penyelidikan, dan inovasi. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada kerjasama strategik di bawah usaha kerajaan Malaysia untuk mengintegrasikan AI dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, pertanian, dan pertahanan negara.
4. Melalui penubuhan Fakulti AI di UTM dan kerjasama strategik bersama pemain industri serta pihak Kerajaan, aspek penilaian risiko berkaitan teknologi AI akan diperkuuh dan dilaksanakan secara menyeluruh melalui pendidikan dan penyelidikan yang komprehensif. Bakat AI negara yang bakal dihasilkan kelak akan didedahkan dengan mendalam berkaitan kemampuan jauh teknologi AI disamping memahami risiko yang wajar ditangani. Bakat AI yang kompeten ini akan membantu negara untuk memastikan setiap teknologi AI yang digunakan dalam negara kita adalah selamat serta tidak mendedahkan rakyat kepada risiko keselamatan yang mengancam kesejahteraan.
5. Ringkasnya, MY AI NEXUS adalah sebuah platform bagi menunjukkan kesediaan Malaysia menerima teknologi AI dan aspek penilaian risiko akan menjadi keutamaan dalam program pembangunan bakat AI yang dijalankan secara bersama oleh institusi akademik, pemain industri, dan pelbagai agensi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [ BAGAN SERAI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah jenis kebangsaan yang mengalami masalah kekurangan murid bagi bangsa yang menjadi teras penubuhan sekolah tersebut di seluruh Malaysia dan perancangan jangka masa pendek dan sederhana Kementerian terhadap isu ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah yang berenrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data seperti pada 31 Mei 2024 menunjukkan terdapat sebanyak 3,062 buah sekolah rendah yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah yang menepati definisi SKM. Bilangan sekolah rendah ini tidak mengambil kira SK Pendidikan Khas, SK (Asli), Sekolah Model Khas, Sekolah Model Khas K9, dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, daripada jumlah keseluruhan 3,062 SKM di seluruh negara, sebanyak 626 terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan sebanyak 383 buah adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil manakala selebihnya iaitu sebanyak 2,053 buah adalah Sekolah Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merangka beberapa strategi bagi menangani isu SKM di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM.

Pelaksanaan kelas bercantum dilaksanakan di sekolah berenrolmen 30 orang murid ke bawah dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dilaksanakan dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3 dan Tahun 4 dengan Tahun 5.

Strategi penggabungan sekolah pula melibatkan penggabungan dua atau lebih sekolah yang sama jenis dalam lingkungan 5 kilometer. Walau bagaimanapun, penggabungan SKM dalam kawasan penempatan yang sama ini tertakluk kepada persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga secara majoriti. Bagi SKM yang tidak boleh digabungkan atau dipindahkan seperti SKM di kawasan pedalaman dan pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid yang tinggal di lokasi berkenaan.

## **SOALAN NO : 30**

Strategi pemindahan atau penempatan semula SKM ke lokasi baharu di kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi dilaksanakan bagi membantu untuk meningkatkan enrolmen SKM. Strategi ini dilaksanakan sekiranya SKM memenuhi kriteria seperti tapak baharu telah dikenal pasti dan persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga murid secara majoriti diperoleh.

KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi yang telah digariskan dan dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju SKM tersebut, isu SKM akan dapat ditangani dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM dapat dioptimumkan serta dapat dimanfaatkan oleh murid. KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan aspirasi sistem pendidikan berkaitan akses, ekuiti dan kualiti yang dilaksanakan di semua institusi pendidikan termasuklah di SKM dapat direalisasikan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [  
TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status terkini berkenaan projek mengawal hakisan pantai di Kampung Paloh Lama. Pembinaan masih belum dijalankan walaupun peruntukan sudah diluluskan dan kerja-kerja penyiasatan tapak dan rekabentuk terperinci sudah disiapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek hakisan pantai di Kampung Paloh Lama adalah projek Kerajaan Negeri yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan jumlah kos RM6.4 juta. Objektif utama projek ini adalah untuk melindungi pesisiran pantai Kampung Paloh Lama dan kawasan sekitarnya daripada ancaman hakisan pantai dengan skop utama melibatkan pembinaan struktur lapis lindung batu (*rock revetment*). Proses perolehan dijangka bermula pada September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka panjang bagi menangani isu pelajar lepasan SPM yang cenderung tidak menyambung pelajaran ke peringkat universiti berikutan trending semasa yang memilih menjadi influencer sepenuh masa sebagai kerjaya pilihan berikutan ianya tidak memerlukan apa-apa sijil kelayakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tingkatan enam merupakan antara laluan utama kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. KPM telah melaksanakan penjenamaan semula pendidikan tingkatan enam melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Penjenamaan ini menyaksikan beberapa perubahan dari segi imej, tadbir urus, infrastruktur serta mod pembelajaran.

Pada 13 Mei 2024 Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Bilangan 1 Tahun 2024 telah meluluskan Pelan Hala Tuju Pendidikan Tingkatan Enam 2024 hingga 2030 (PPTE 2024 - 2030). PPTE 2024 – 2030 dirangka bagi menambahbaik, memperkasa dan menjamin kelangsungan pendidikan tingkatan enam di Malaysia. Pelan ini digarap dengan objektif agar:

- i. tingkatan enam menjadi laluan dan pilihan utama lepasan SPM untuk menyambung pengajian;
- ii. pengajian tingkatan enam diperkasakan dan menjadi lebih menarik serta setara dengan pendidikan prauniversiti yang lain;
- iii. lulusan STPM mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi di dalam dan luar negara;
- iv. lebih banyak ruang dan peluang kerjaya ditawarkan kepada lulusan STPM;
- v. penerapan nilai kepimpinan dalam diri murid tingkatan enam dapat ditingkatkan;
- vi. profesionalisme guru tingkatan enam dapat ditingkatkan; dan
- vii. prasarana di PTE ditambah baik.

Salah satu daripada strategi bawah PPTE 2024-2030 adalah pelaksanaan autonomi pengetua bagi penawaran kepada murid yang layak rayuan. Di bawah autonomi pengetua syarat rayuan kemasukan ke tingkatan enam telah dilonggarkan bagi menarik lebih ramai murid untuk menyambung pengajian ke tingkatan enam. Pada tahun 2023 langkah ini telah memberikan impak kepada peningkatan enrolmen sebanyak 3.80

## **SOALAN NO : 32**

peratus berbanding tahun sebelumnya. KPM sentiasa menggiatkan usaha bagi meningkatkan enrolmen murid tingkatan enam dari semasa ke semasa.

KPM turut mengambil pelbagai langkah untuk memberi pendedahan kepada murid berhubung laluan kerjaya serta pendidikan selepas tamat Tingkatan 5 seperti sesi bimbingan yang berfokus untuk memberikan maklumat yang terkini dan bersesuaian dengan kebolehan dan potensi murid.

KPM sentiasa komited untuk memperkasa dan memartabatkan pendidikan tingkatan enam dengan mengambil kira semua aspek agar laluan ini kekal menjadi salah satu pilihan utama lepasan SPM bagi meneruskan pengajian sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing yang masih berada dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan kegiatan mereka yang mana jika ketiadaan mereka menyebabkan kegiatan ekonomi menjadi lumpuh.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI). Bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 4 Julai 2024, sebanyak 557 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JIM

## **SOALAN NO: 33**

di Kuala Lumpur melibatkan tangkapan seramai 1,397 orang PATI dan 73 orang majikan atas pelbagai kesalahan imigresen.

Secara khususnya, JIM Kuala Lumpur turut melaksanakan strategi penguatkuasaan di sekitar ibu negara seperti berikut:

- (i) mengenal pasti lokasi-lokasi *hotspot* atau tumpuan awam dan warga asing termasuk PATI seperti pusat komersil dan lokasi tarikan pelancongan dengan melaksanakan penugasan berbentuk *omnipresence*. Kaedah ini memberi fokus kepada pemantauan, pemeriksaan, nasihat dan amaran kepada pihak-pihak yang mengajikan atau membenarkan keberadaan PATI di tempat mereka;
- (ii) menggariskan penguatkuasaan yang seimbang melibatkan tindakan undang-undang ke atas PATI, majikan yang mengajikan PATI dan pihak yang melindungi PATI. Sehubungan itu, JIM telah menetapkan sasaran kepada semua JIM Negeri untuk menggandakan bilangan operasi penguatkuasaan dan tangkapan terhadap majikan selain daripada tangkapan PATI; dan
- (iii) mengenakan tindakan menyenarai hitam majikan yang mengajikan PATI dan melindungi PATI serta menyekat kemudahan perjalanan kepada PATI yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN  
(PADANG SERAI)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' AZMAN BIN NASRUDIN ( PADANG SERAI )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya penjualan saham MAHB sebanyak 20-30% kepada Konsortium Black Rock dalam keadaan umum dunia mengetahui bahawa konsortium ini adalah pro kepada Israel dan membekalkan senjata untuk aktiviti *genocide* di Gaza.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merupakan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang berperanan untuk menguruskan rangkaian 39 lapangan terbang di Malaysia. Di sebalik prestasi memberangsangkan yang dicatatkan oleh MAHB bagi suku pertama 2024, kita tidak boleh menafikan masih wujud ruang untuk penambahbaikan, khususnya mengambil kira hasil tinjauan antarabangsa sejak kebelakangan ini di mana KLIA mencatatkan penurunan dari segi *ranking*.

Lapangan terbang memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, usaha pembaharuan dan **transformasi**

**MAHB wajar dilaksanakan** dengan kadar yang segera berdasarkan pada statistik berikut:

- i. Sebelum pandemik melanda, kemasukan pelancong ke Malaysia (tidak termasuk mereka yang melakukan perjalanan harian) dalam tempoh 10 tahun hanya berkembang pada kadar 1% setahun berbanding negara-negara jiran serantau pada kadar 8% setahun;
- ii. Bagi segmen penerbangan jarak jauh, Malaysia hanya menawarkan 22 laluan pada 2023, berbanding 40 yang ditawarkan Singapura dan 55 yang ditawarkan Thailand; dan
- iii. Dari segi pelaburan pula, MAHB hanya membelanjakan RM1.4 bilion dalam tempoh 5 tahun yang lalu berbanding RM6.6 bilion oleh Thailand dan RM12 bilion oleh Indonesia.

Atas dasar inilah, **konsortium tersebut yang diterajui oleh Khazanah dan KWSP, selepas ini akan memiliki majoriti 70% pegangan bersama dalam MAHB.** Mereka telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih dan menswastakan MAHB untuk memudahkan pembaharuan yang diperlukan ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

**Baki 30% pegangan di bawah konsortium ini pula akan dimiliki oleh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan GIP** yang hadir dengan pengalaman dan kepakaran teknikal dalam pengendalian operasi lapangan terbang antarabangsa.

Konsortium tersebut beranggap bahawa penswastaan MAHB merupakan langkah yang terbaik kerana ia membolehkan sebarang keputusan dan pelaburan jangka panjang dibuat pada kadar yang lebih pantas. Antara fokus utama yang akan diberikan tumpuan oleh konsortium berkenaan adalah seperti berikut:

- i. Menyiapkan projek bermodal berkeutamaan tinggi;
- ii. Meningkatkan pengalaman penumpang di semua lapangan terbang;

- iii. Bekerjasama dengan syarikat penerbangan;
- iv. Mempercepatkan pelaburan modal; dan
- v. Membangunkan perniagaan sampingan di sekitar lapangan terbang.

Kerajaan percaya usaha transformasi MAHB ini sekiranya membuaikan hasil nanti akan dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan dan penumpang, sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memberi pulangan kepada Kerajaan.

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan ini merupakan urusan transaksi komersial. **Perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil konsortium juga tidak melibatkan BlackRock.** Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada konsortium bahawa **meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, pengurusan GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab terhadap hala tuju strategik GIP serta syarikat-syarikat yang dilabur.**

**Ini bermakna GIP akan terus beroperasi secara berasingan daripada BlackRock.** ADIA bersama GIP juga akan memiliki pegangan minoriti 30% dalam MAHB. Segala keputusan penting berkenaan MAHB hanya akan dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama ahli-ahli konsortium. Justeru itu, transaksi ini tidak melibatkan BlackRock sama sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) statistik bilangan dan peratusan pelajar yang belajar di SJKC dan SJKT mengikut pecahan kaum berdasarkan tahunan dari tahun 2004 hingga 2024; dan
- (b) statistik bilangan dan peratusan pelajar yang belajar di SK, SJK, SJKC, SJKT dan sekolah antarabangsa mengikut pecahan tahun dan kaum dari 2004 hingga 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi tempoh 10 tahun kebelakangan ini, sekolah kebangsaan (SK) menunjukkan peningkatan enrolmen murid Bumiputera dari 93.81 peratus pada tahun 2014 kepada 95.12 peratus pada 2024, manakala murid Bukan Bumiputera pula menunjukkan penurunan dari 6.19 peratus pada tahun 2014 kepada 4.88 peratus pada tahun 2024.

Bagi murid sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) pula, terdapat peningkatan murid Bumiputera dapat dilihat daripada 11.67 peratus pada tahun 2014 kepada 18.52 peratus pada 2024. Murid Bukan Bumiputera di SJKC menunjukkan penurunan daripada 88.33 peratus pada 2014 kepada

81.48 peratus pada tahun 2024.

Di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), terdapat peningkatan enrolmen murid Bumiputera dari 0.38 peratus pada tahun 2014 kepada 0.49 peratus pada tahun 2024. Kadar murid Bukan Bumiputera di SJKT adalah sekitar 99 peratus dari tahun 2014 sehingga 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah antarabangsa menerima masuk murid warganegara dan bukan warganegara. Perkara ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan berhubung dasar kemasukan murid warganegara ke sekolah antarabangsa seperti yang dimaklumkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 1 Tahun 2012 : Pelaksanaan Dasar Kemasukan Murid Warganegara Malaysia ke Sekolah Antarabangsa bertarikh 18 Jun 2012.

Sehingga 31 Mei 2024, jumlah murid di sekolah antarabangsa adalah seramai 88,951 dengan pecahan warganegara seramai 59,726 (67.1 peratus) dan bukan warganegara seramai 29,225 (32.9 peratus). Pecahan warganegara mengikut kategori bumiputera adalah 19.9 peratus dan bukan bumiputera sebanyak 80.1 peratus.

Enrolmen murid warganegara ke sekolah antarabangsa meningkat 34 peratus dari tahun 2019 ke tahun 2024. Dalam tempoh tersebut, enrolmen murid bumiputera turut meningkat sebanyak 49.4 peratus dan murid bukan bumiputera meningkat sebanyak 30.6 peratus.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [ DUNGUN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kajian perolehan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang diluluskan di bawah Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia ke-12 Tahun 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) berfungsi sebagai sistem rangkaian radar 24 jam yang digunakan bagi mengawasi pergerakan kapal dan bot di perairan negara dan maklumat tersebut disalurkan secara *real time* kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi tujuan penguatkuasaan keselamatan perairan negara. Pada masa kini, operasi SWASLA adalah merangkumi kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia (11 buah radar) dan di kawasan Pantai Barat Sabah (3 buah radar).

Bagi mewujudkan pemantauan radar yang lebih komprehensif di seluruh perairan negara terutamanya di Pantai Timur Semenanjung, APMM telah diluluskan projek Kajian Perolehan SWASLA Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan kos sebanyak RM10 juta di bawah *Rolling Plan Keempat* (RP 4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Tahun 2024. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti lokasi yang bersesuaian bagi pelaksanaan projek SWASLA Pantai Timur kelak. Pembangunan SWASLA di kawasan Pantai Timur ini adalah imperatif mengambil kira kadar kemasukan bot nelayan asing yang tinggi di kawasan perairan tersebut selain daripada kepentingan utama melindungi banyak pelantar-pelantar minyak dan gas di luar pantai Terengganu dan Kelantan.

Bagi memanfaatkan peruntukan yang telah diluluskan tersebut, APMM sedang dalam tindakan mengenal pasti lokasi yang strategik dan bersesuaian untuk pembangunan *Remote Sensor Site* (RSS) dan *Main Control Centre* (MCC) di kawasan Pantai Timur Malaysia yang mana RSS dan MCC adalah merupakan komponen utama di dalam SWASLA. Beberapa cadangan lokasi telah dikenal pasti dan lawatan tapak (*survey*) juga telah dilaksanakan oleh pihak APMM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB (BERA)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB ( BERA )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai status penjualan saham Malaysia Airport Holding Bhd (MAHB) kepada konsurtium yang turut melibatkan syarikat berkaitan Israel, Blackrock dan jika benar dijual, berapa jumlah syer saham mengikut pecahan pegangan dan nilai penjualan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merupakan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang berperanan untuk menguruskan rangkaian 39 lapangan terbang di Malaysia. Di sebalik prestasi memberangsangkan yang dicatatkan oleh MAHB bagi suku pertama 2024, kita tidak boleh menafikan masih wujud ruang untuk penambahbaikan, khususnya mengambil kira hasil tinjauan antarabangsa sejak kebelakangan ini di mana KLIA mencatatkan penurunan dari segi *ranking*.

Lapangan terbang memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, usaha pembaharuan dan **transformasi**

**MAHB wajar dilaksanakan** dengan kadar yang segera berdasarkan pada statistik berikut:

- i. Sebelum pandemik melanda, kemasukan pelancong ke Malaysia (tidak termasuk mereka yang melakukan perjalanan harian) dalam tempoh 10 tahun hanya berkembang pada kadar 1% setahun berbanding negara-negara jiran serantau pada kadar 8% setahun;
- ii. Bagi segmen penerbangan jarak jauh, Malaysia hanya menawarkan 22 laluan pada 2023, berbanding 40 yang ditawarkan Singapura dan 55 yang ditawarkan Thailand; dan
- iii. Dari segi pelaburan pula, MAHB hanya membelanjakan RM1.4 bilion dalam tempoh 5 tahun yang lalu berbanding RM6.6 bilion oleh Thailand dan RM12 bilion oleh Indonesia.

Atas dasar inilah, **konsortium tersebut yang diterajui oleh Khazanah dan KWSP, selepas ini akan memiliki majoriti 70% pegangan bersama dalam MAHB.** Mereka telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih dan menswastakan MAHB untuk memudahkan pembaharuan yang diperlukan ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

**Baki 30% pegangan di bawah konsortium ini pula akan dimiliki oleh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan GIP** yang hadir dengan pengalaman dan kepakaran teknikal dalam pengendalian operasi lapangan terbang antarabangsa.

Konsortium tersebut beranggap bahawa penswastaan MAHB merupakan langkah yang terbaik kerana ia membolehkan sebarang keputusan dan pelaburan jangka panjang dibuat pada kadar yang lebih pantas. Antara fokus utama yang akan diberikan tumpuan oleh konsortium berkenaan adalah seperti berikut:

- i. Menyiapkan projek bermodal berkeutamaan tinggi;
- ii. Meningkatkan pengalaman penumpang di semua lapangan terbang;

- iii. Bekerjasama dengan syarikat penerbangan;
- iv. Mempercepatkan pelaburan modal; dan
- v. Membangunkan perniagaan sampingan di sekitar lapangan terbang.

Kerajaan percaya usaha transformasi MAHB ini sekiranya membuaikan hasil nanti akan dapat menarik lebih banyak syarikat penerbangan dan penumpang, sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memberi pulangan kepada Kerajaan.

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan ini merupakan urusan transaksi komersial. **Perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil konsortium juga tidak melibatkan BlackRock.** Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada konsortium bahawa **meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, pengurusan GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab terhadap hala tuju strategik GIP serta syarikat-syarikat yang dilabur.**

**Ini bermakna GIP akan terus beroperasi secara berasingan daripada BlackRock.** ADIA bersama GIP juga akan memiliki pegangan minoriti 30% dalam MAHB. Segala keputusan penting berkenaan MAHB hanya akan dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama ahli-ahli konsortium. Justeru itu, transaksi ini tidak melibatkan BlackRock sama sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOBI [ GERIK ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOBI [ GERIK ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan Kompleks ICQS Bukit Berapit dan apakah perancangan keseluruhan serta garis masa bagi memulakan proses pembinaan kompleks tersebut memandangkan kenaikan kadar trafik pelancong keluar dan masuk Ke Thailand semakin meningkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks ICQS Bukit Berapit adalah merupakan salah satu Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) darat yang menghubungkan daerah Hulu Perak di Malaysia dan daerah Betong di Thailand, dengan catatan angka pergerakan pengembara yang signifikan pada tahun 2023 iaitu seramai 1,219,999 orang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa meneliti keperluan pembangunan baharu atau menaik taraf kemudahan imigresen di pintu-pintu masuk dari semasa ke semasa termasuklah di Kompleks ICQS Bukit Berapit, Pengkalan Hulu. Buat masa ini, Kementerian Dalam Negeri masih dalam proses merundingkan

**SOALAN NO: 38**

perolehan tanah dengan Kerajaan Negeri Perak sebelum proses permohonan peruntukan dibuat bagi pembinaan baharu kompleks tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perkembangan pengeksportan tenaga boleh baharu (TBB) :

- (a) adakah Kementerian akan mengkaji mekanisme lain seperti third-party-access (TPA) atau tripartite contract (TPC) selain daripada Enegem untuk memudahkan eksport TBB; dan
- (b) adakah Kementerian terbuka dengan cadangan pembinaan undersea cable oleh pihak swasta selain TNB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan mekanisme ENEGEM sebagai kaedah untuk mengeksport TBB merentas sempadan setelah mengambil kira manfaat nilai ekonomi serta menjaga kepentingan pemain industri tenaga dan negara dalam urusniaga yang akan dilaksanakan, berbanding kaedah lain termasuk TPA dan TPC.
2. Pendirian ini berdasarkan dapatan perbandingan yang telah dilakukan Kementerian ini semasa membangunkan dasar dan rangka kerja ENEGEM, di mana penjualan tenaga menerusi kaedah ini akan memberikan manfaat yang optima kepada negara.
3. Manakala mengenai keterbukaan Kementerian dengan cadangan pembinaan *undersea cable* oleh pihak swasta selain TNB, Kementerian sentiasa terbuka dengan apa-apa cadangan yang berdaya maju, tidak menyebabkan kenaikan tarif pengguna yang ketara serta tidak menjelaskan keselamatan dan keterjaminan bekalan serta infrastruktur bekalan elektrik negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jumlah pendapatan diperoleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud (SJS) Kenyir di Hulu Terengganu sejak ia mula beroperasi sehingga 2023. Apakah keistimewaan atau sumbangan tanggungjawab sosial korporat yang telah diberikan oleh TNB kepada penduduk Hulu Terengganu selepas TNB menjana keuntungan daripada SJS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud (SJS) Kenyir di Hulu Terengganu berkapasiti 400MW telah mula beroperasi mulai tahun 1985. Pihak TNB menjana pendapatan melalui kontrak penjana tenaga bebas yang dimeterai melalui Perjanjian Pembelian Tenaga (Power Purchase Agreement-PPA) dengan Pembeli Tunggal (Single Buyer-SB). Pihak Kementerian bukanlah pihak yang terlibat dalam pemeteraian PPA tersebut.
2. Berdasarkan kepada seksyen 28B Akta Bekalan Elektrik 1990, kuasa untuk meluluskan PPA adalah terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Tenaga (ST). Secara lazimnya, PPA hanya akan ditandatangani setelah semua terma teknikal dan komersial diluluskan dan dipersetujui oleh pihak Kerajaan termasuklah kadar tarif.
3. Penetapan kadar tarif adalah berbeza-beza mengikut loji janakuasa yang dibina. Secara amnya, kadar akhir tarif ini ditentukan dengan mengambil kira kos keseluruhan pembangunan projek, termasuk kos operasi loji sepanjang tempoh konsesi. Pihak ST akan mengesyorkan kepada Kementerian cadangan kadar tarif tersebut sebelum ia diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri. Purata tarif asas terkini bagi loji janakuasa di Semenanjung adalah 26.20sen/kWj.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pembinaan Empangan Kenyir, TNB turut membina sebuah jambatan yang kini dikenali sebagai Jambatan Kuala Berang. Jambatan ini masih utuh dan kukuh sehingga kini dan merupakan laluan utama bagi penduduk-penduduk di Kampung Tanjung Baru, Kampung Kuala Pueh, Kampung Dura dan Kampung Jenagor untuk ke Pekan Kuala Berang yang merupakan pusat pentadbiran dan tumpuan utama penduduk di daerah Hulu Terengganu.
5. Di samping itu, pelbagai program Corporate Social Responsibility (CSR) telah dilaksanakan oleh pihak TNB di Negeri Terengganu, khususnya di Hulu Terengganu yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat, mempromosikan kelestarian alam

## **SOALAN NO : 40**

dan mendukung pendidikan. Antara program-program CSR yang telah dilaksanakan termasuklah:

- i. Projek Baiti Jannati (PBJ). Di bawah projek ini sebanyak 82 buah rumah telah dibina dengan kos hampir RM4 juta di Negeri Terengganu;
  - ii. Program Ceria ke Sekolah (CKS). Dianggarkan seramai 300 orang murid telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program ini;
  - iii. Sumbangan Kewangan. Dianggarkan sebanyak RM 540,000.00 telah disumbangkan oleh TNB untuk daerah Hulu Terengganu sejak tahun 2018. Sumbangan ini telah disalurkan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), komuniti setempat serta jabatan dan agensi tempatan.
6. Secara amnya, TNB sentiasa mengambil berat akan keperluan masyarakat setempat bukan sahaja dalam memastikan bekalan tenaga elektrik yang berdaya harap malah TNB juga turut prihatin akan keperluan dan kebajikan masyarakat setempat melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif CSR yang seiring dengan tunggak kelestarian (sustainability pillars) syarikat.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kadar kegagalan tinggi dalam mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan di peringkat SPM.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) diurus dengan berkesan bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran agar murid yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lulus dalam mata pelajaran yang diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian murid dalam semua mata pelajaran SPM termasuk Matematik dan Matematik Tambahan. Justeru, pada tahun 2024 ini KPM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan bengkel kerja amalan terbaik pedagogi dan intervensi bagi meningkatkan prestasi mata pelajaran Matematik sekolah menengah. Melalui bengkel kerja ini, amalan terbaik pedagogi dan intervensi guru dalam PdP Matematik dikenal pasti dan akan dikongsikan dengan semua guru Matematik sekolah menengah KPM.

Langkah menyeluruh telah diambil oleh KPM adalah dalam aspek meningkatkan kualiti guru dan menambah baik lanskap pembelajaran melibatkan pengukuhan asas matematik dalam kalangan murid. Untuk memastikan peningkatan kualiti guru di samping meningkatkan minat murid terhadap Matematik, KPM telah menyediakan Modul Bimbingan (MOBIM) Matematik, di peringkat sekolah rendah dan menengah.

KPM juga telah menyediakan Program Bimbingan (PROBIM) 2.0 untuk memastikan penguasaan konsep asas matematik di peringkat sekolah menengah dan *Modul Basic Essential Additional Mathematics Skills* (BEAMS) untuk mengukuhkan kefahaman dan kemahiran murid dalam bidang algebra. Bahan Sumber Inkiri Matematik pula membantu guru melaksanakan PdP yang menuntut penglibatan aktif murid, membolehkan mereka membentuk konsep secara kendiri, serta membentuk kefahaman konsep yang lebih mendalam dan bermakna.

KPM melalui jabatan pendidikan negeri (JPN) sentiasa cakna dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan murid yang menduduki peperiksaan SPM lulus dalam mata pelajaran yang diambil. Pendekatan yang telah dan sedang dilaksanakan dalam usaha meningkatkan peratus lulus calon SPM, antaranya ialah melaksanakan pemantapan pedagogi guru Matematik dan Matematik Tambahan melalui strategi dan kaedah PdP menggunakan pedagogi terbeza dan pembelajaran yang menyeronokkan supaya menepati situasi dan pelbagai kecerdasan murid serta penyelesaian masalah yang berkaitan kehidupan seharian. Usaha turut dilakukan di peringkat pejabat pendidikan daerah (PPD) melalui pemerksaan pegawai SISC+ supaya guru dapat diberikan bimbingan dalam aspek pedagogi terbeza bagi menghadapi murid pelbagai kebolehan agar pengajaran lebih menarik dan berkualiti.

KPM yakin bahawa melalui usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM, JPN dan PPD akan dapat membantu sekolah bagi memastikan peningkatan peratus calon lulus Matematik dan Matematik Tambahan dalam SPM tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah inisiatif bagi menangani gangguan kera liar dan anjing liar di kawasan kediaman taman-taman perumahan bandar dan kampung di Kuala Sepetang dan Trong.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia mengambil perhatian serius terhadap konflik manusia dan hidupan liar termasuk gangguan kera di kawasan perumahan di Kuala Sepetang dan Trong, Perak.
2. Pihak Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani konflik kera di kawasan tersebut melalui tindakan-tindakan seperti berikut:
  - (i) menjalankan program penakaian kera di kawasan yang berisiko melibatkan sebanyak 1,597 ekor kera sepanjang tempoh 2019 hingga 2023;
  - (ii) menjalankan 198 aktiviti pemantauan dan kawalan apabila menerima aduan daripada penduduk setempat pada tahun 2019 hingga 2023; dan
  - (iii) menjalankan 6 program bersepadu dengan agensi seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan penduduk setempat bagi membasmi musuh tanaman pada tahun 2021 sehingga 2022.
3. Isu melibatkan gangguan haiwan domestik seperti anjing liar pula adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pihak-pihak ini boleh dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci status pemberian baucar buku kepada murid Sekolah Rendah (Tahun 4 ke atas) dan Sekolah Menengah. Berapa syarikat buku yang terbabit dalam pembekalan buku, senaraikan nama syarikat terbabit dan kaedah pemilihan syarikat pembekal ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyambut baik inisiatif pemberian baucar buku untuk menyemai dan meningkatkan amalan membaca dalam kalangan generasi muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baucar buku bernilai RM50 adalah bagi murid Tahap 2 Sekolah Rendah, manakala baucar buku bernilai RM100 diperuntukkan kepada murid Sekolah Menengah, Kolej Tingkatan 6, Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru.

Status terkini pemberian baucar buku setakat 25 Jun 2024 adalah seperti berikut:

- i. Sekolah Rendah (baucar bernilai RM50)

Jumlah bilangan baucar yang telah ditebus adalah sebanyak 64,987 baucar dengan nilai sebanyak RM3,249,350.00

- ii. Sekolah Menengah (baucar bernilai RM100)

Jumlah bilangan baucar yang telah ditebus adalah sebanyak 175,858 baucar dengan nilai sebanyak RM17,585,800.00

Secara keseluruhan, sehingga 25 Jun 2024, terdapat sebanyak 526 pemain industri yang terlibat dalam pembekalan buku yang terdiri daripada penerbit, penjual, kontraktor buku, agen dropship dan penulis sendiri.

Pendaftaran sebagai penjual di platform Kota Buku Digital adalah terbuka kepada semua pembekal. Kesemua penjual ini telah mula mendaftar bermula setahun yang lalu melalui hebahan kepada kesemua pemain industri yang prolifik dan juga melalui persatuan-persatuan perbukuan terutama melalui Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

Pemberian baucar buku yang memberi manfaat kepada lebih 4 juta murid dan mahasiswa ini sudah pasti akan dapat melahirkan lebih banyak pembaca baharu yang akan dapat memacu pencapaian gagasan Madani.

**SOALAN NO : 43**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZAHARI BIN KECHIK [ JELI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peranan khusus RELA di dalam membantu keselamatan dan ketenteraman awam dan sejauh manakah keberkesanannya setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Peranan Jabatan Sukarelawan Malaysia RELA dilihat semakin relevan dalam membantu agensi keselamatan lain dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara misalnya ketika negara berhadapan dengan wabak penyakit berjangkit COVID-19 pada tahun 2020. Berdasarkan kepada Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 [Akta 752] subseksyen 5(1) menjelaskan peranan RELA seperti berikut:

- a) Membantu pasukan atau pihak berkuasa keselamatan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis;
- b) Memberikan bantuan pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor;
- c) Mengambil bahagian dalam khidmat masyarakat; dan
- d) Membantu melindungi bangunan, pepasangan atau harta lain yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta.

Pada tahun 2022, RELA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk melaksanakan tugas kawalan sempadan negara menerusi kolaborasi bersama Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia (PGA PDRM) seperti kawalan dalam kawasan komuniti di *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE), kawalan sempadan darat Sabah dan Sarawak bersama *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) serta kawalan di enam (6) sempadan negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Selangor, Perak dan Johor. Sehingga tahun 2023, seramai 490 anggota RELA terlibat dalam penugasan bersama PGA PDRM. Manakala seramai 123 anggota terlibat dalam penugasan bersama ESSCOM bagi menjaga keselamatan sempadan negara.

## SOALAN NO: 44

RELA juga turut terlibat dalam penugasan rondaan komuniti bersama Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) PDRM, penugasan Monsun Timur Laut (MTL), kawalan premis di Jabatan/ Agensi Kerajaan dan juga penugasan-penugasan lain yang melibatkan keselamatan dan ketenteraman awam. **Sehingga Jun 2024, hampir 146,000 anggota RELA aktif** di seluruh negara yang boleh diarahkan untuk penugasan melibatkan keselamatan dan ketenteraman awam.

Selain itu, Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON), KDN telah menjalankan Kajian Keberkesanan Rondaan Komuniti RELA di 157 Kawasan Berfokus Tahun 2020 untuk menilai tahap keberkesanan rondaan komuniti RELA di 157 kawasan berfokus RELA. Hasil kajian mendapati sebanyak 98.8% responden yang terdiri daripada orang awam beranggapan rondaan RELA di 157 kawasan berfokus RELA adalah berkesan (Journal of Public Security & Safety Vol. 12. No.2/2021). Manakala, hasil kajian daripada Jabatan RELA sendiri berkaitan kepuasan pelanggan yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 terhadap penugasan RELA bersama PDRM turut mendapati sebanyak 83.3% responden berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh RELA khususnya dalam pelaksanaan penugasan rondaan yang secara tidak langsung mewujudkan perasaan rasa selamat dalam komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG  
(AYER HITAM)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG ( AYER HITAM )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini cukai barang bernilai tinggi (HVGT) akan dilaksanakan dan apakah penambahbaikan butiran yang sedang diperincikan oleh Kerajaan berbanding yang diumumkan sebelum ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh mula pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) yang pada asalnya dicadangkan pada 1 Mei 2024 telah ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang memperkemas dasar dan perundangan berkaitan HVGT supaya cukai ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan prinsip percukaian semasa serta tidak menjelaskan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada wujud lambakan pelancong-pelancong dari luar yang memilih untuk terus tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh visa mereka serta nyatakan statistik terkini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Majoriti dari pelawat asing datang ke Malaysia adalah untuk tujuan pelancongan dan aktiviti sosial yang lain. Namun, ada segelintir dari mereka yang tinggal lebih masa atas pelbagai faktor. Bagi memastikan senario ini terkawal, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan Imigresen serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Sepanjang tahun 2023, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melaksanakan 10,173 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan seramai 27,739 orang daripada pelbagai negara daripada jumlah tersebut seramai 5,148 orang telah tinggal lebih masa di negara ini iaitu di bawah kesalahan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].

Manakala bagi tahun 2024 iaitu setakat 6 Jun 2024, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melaksanakan sebanyak 7,240 operasi penguatkuasaan dengan tangkapan seramai 18,309 orang daripada jumlah tersebut seramai 2,919 orang telah tinggal lebih masa di negara ini iaitu di bawah kesalahan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) juga turut mempertingkatkan usaha untuk membanteras masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) seperti:

- i. melaksanakan **operasi penguatkuasaan** secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963;
- ii. membuat **naziran ke premis-premis** yang terdapat warganegara asing seperti premis majikan yang mengaji pekerja asing, institusi

## **SOALAN NO: 46**

yang mengambil pelajar antarabangsa, kawasan pasar dan pasar borong serta kawasan kediaman rakyat tempatan;

- iii. melaksanakan “*omnipresence*”;
- iv. memperketatkan **kawalan dan pemeriksaan** di pintu masuk negara; dan
- v. pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan **mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka** (*return ticket*).

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut memberi tumpuan kepada **224 lokasi “hotspot”** seluruh Malaysia yang dikenalpasti menjadi tumpuan warga asing dan seterusnya menjalankan operasi secara bersepadu dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi **“hotspot”** tersebut.

Tindakan penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bukan sahaja tertumpu kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan pekerja asing, tetapi turut memberi fokus kepada majikan bagi memberikan mesej bahawa **majikan tidak boleh menggajikan pekerja asing tanpa dokumen perjalanan dan pas yang sah**.

Namun begitu keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab suatu pihak sahaja sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak, termasuk rakyat negara ini. Semua rakyat Malaysia perlu turut serta dalam membanteras kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka atau menyewakan premis atau harta benda kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau menggajikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI  
[ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [ BATANG LUPAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek gantian baharu SMK Sebuyau dan menyenaraikan perincian bangunan sekolah-sekolah daif lain yang telah, sedang dan akan dinaik taraf di Parliment Batang Lupar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan gantian penuh Sekolah Menengah Kebangsaan Sebuyau, Sarawak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* 1 tahun 2016. Skop projek ini meliputi pembinaan 36 bilik darjah, asrama untuk 350 pelajar dan lain-lain kemudahan. Tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan.

Pada tahun 2017 perolehan projek ini telah mendapat kelulusan untuk dilaksanakan secara tender terhad. Namun begitu, pada tahun 2018, Kerajaan telah mengarahkan bahawa semua projek rundingan terus dan tender terhad yang belum dilaksanakan adalah dibatalkan termasuk bagi projek SMK Sebuyau.

## **SOALAN NO : 47**

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mendapati bahawa SMK Sebuyau adalah di bawah Zon Bencana Seismik berdasarkan Peta Zon Bencana Seismik Malaysia Bagi Pengurusan Bencana yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia yang telah dikeluarkan pada Mac 2022. SMK Sebuyau terletak di dalam kawasan Zon Kuning (PGA 4 peratus - 5.9 peratus) yang memerlukan reka bentuk seismik. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan tersebut, KPM telah mengarahkan perunding sivil dan struktur untuk mengemukakan anggaran kos tambahan bagi penerapan reka bentuk seismik dan menyediakan lukisan struktur bagi tujuan tender.

Dalam tempoh yang sama, perunding jurukur bahan yang telah dilantik, telah diisyiharkan bankrap melalui surat bertarikh 28 Februari 2023. KPM telah membuat perolehan perkhidmatan perunding jurukur bahan dan telah melantik perunding jurukur bahan yang baharu pada 2 Ogos 2023.

KPM telah mengemukakan permohonan kenaikan kos kepada Kementerian Ekonomi dan seterusnya KPM akan melaksanakan proses tender setelah kelulusan diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi perincian projek pembangunan semula bangunan sekolah yang daif, sebanyak 17 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah dalam kawasan Parlimen Batang Lutar dengan jumlah kos sebanyak RM119.99 juta. Sehingga 13 Jun 2024, status terkini pelaksanaan projek adalah 13 projek telah siap, 1 projek di peringkat pembinaan, 2 projek di peringkat pra bina dan 1 projek dimohon semula dalam *Rolling Plan* 5 tahun 2025 RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA  
[ PASIR SALAK ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [ PASIR SALAK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- a) apakah perancangan terkini Kementerian berhubung pembangunan Kurikulum Persekolahan 2027 mengambil kira kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 agar tidak menjelaskan kurikulum persekolahan yang sedia ada ; dan
- b) sejauh manakah keberhasilan penerapan konsep 'karamah insaniah' secara menyeluruh khususnya dalam kalangan murid, guru dan ibu bapa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha bagi memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan murid semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Persekolahan 2027 melibatkan beberapa perkara baharu dan juga kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM mengambil kira 6 aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Kurikulum Persekolahan 2027 bermatlamat melahirkan insan sejahtera yang mengamalkan kehidupan seimbang, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, menghargai perpaduan dan keharmonian, menghormati kepelbagaian dan boleh berdaya saing di peringkat global. Selain itu, Reka Bentuk Kurikulum Persekolahan 2027 mengandungi tujuh kompetensi yang disampaikan melalui kandungan, pedagogi dan pentaksiran. Kompetensi ini juga mengambil kira semua elemen merentas kurikulum dan enam tunjang dalam kerangka KSSR dan KSSM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tahap Persekolahan dan fokus kurikulum disusun semula bagi memudahkan guru memberi fokus pembelajaran sejajar dengan kematangan usia murid. Untuk itu, pendidikan rendah akan dibahagikan kepada tiga tahap. Pembahagian ini merupakan suatu pendekatan baharu bagi kejelasan fungsi fokus utama pembelajaran.

KPM juga memperkenalkan Pendidikan Karakter bermula dari Prasekolah sehingga ke peringkat Menengah Atas sebagai satu slot masa yang khusus dan berfokuskan kepada pembelajaran sosio-emosi secara amali. Pendidikan ini bertujuan untuk membentuk individu yang dapat menyumbang kepada pembentukan negara Malaysia yang sejahtera melalui kurikulum yang terancang dan berstruktur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesinambungan PPPM 2013-

## **SOALAN NO : 48**

2025 turut diambil kira dengan memastikan murid menguasai literasi dan numerasi. Penguasaan ini penting bagi membolehkan mereka bersedia mengikuti pembelajaran pada tahap seterusnya

KPM juga memperkenalkan pembelajaran bersepada pada Tahap I dan Tahap II sekolah rendah yang dimasukkan dalam jadual waktu bagi membolehkan pelaksanaan yang lebih berstruktur dan lebih berkesan. Selain itu, KPM turut memperkasa pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dan bagaimana pengajaran dan pembelajaran diubah suai bagi meningkatkan tahap penguasaan murid.

KPM yakin usaha ini dapat memastikan kurikulum pendidikan sentiasa relevan dengan perkembangan pendidikan pada masa kini dan masa depan.

KPM sentiasa menitikberatkan pembangunan adab, akhlak dan integriti dalam kalangan murid selaras dengan konsep Malaysia Madani yang telah diperkenalkan. Penekanan aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti ini bukan sahaja diterap dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, malah turut diterapkan dalam pembelajaran di luar bilik darjah melalui aktiviti kokurikulum yang dibimbing oleh guru dan mendapat sokongan ibu bapa secara tidak langsung. Aspek karamah insaniah dalam diri murid, guru dan ibu bapa dapat dilihat melalui aktiviti/program seperti berikut:

- i. Kejohanan Sukan Tahunan Sekolah;
- ii. aktiviti Gotong Royong Perdana;
- iii. Hari Terbuka Sekolah;
- iv. Majlis Berbuka Puasa; dan
- v. Hari Anugerah Cemerlang

Pelibatan dan kerjasama semua pihak termasuk murid, guru dan ibu bapa dalam kelima-lima program tersebut dapat melahirkan nilai murni seperti hormat-menghormati, berkasih sayang dan membina disiplin murid bagi pembentukan adab, akhlak dan jati diri serta nilai diri yang tinggi melalui amalan murni yang dipamerkan oleh guru dan ibu bapa.

KPM turut menekankan penerapan aspek karamah insaniah melalui pengajuran Program Kem Perpaduan Peringkat Kebangsaan yang dilaksanakan setiap tahun. Melalui program ini, nilai perpaduan dapat dipupuk dengan saling hormat-menghormati perbezaan antara kaum dan agama bagi membentuk adab dan akhlak yang tinggi. Selain itu, Program Pembinaan Karakter Generasi MADANI (GenMADANI) anjuran KPM juga mampu memupuk nilai jati diri yang tinggi dalam diri murid dan menjadikan murid lebih berdisiplin ke arah melahirkan murid yang mempunyai nilai integriti yang tinggi.

Selain itu, KPM telah menyediakan instrumen penilaian berkaitan aspek karamah insaniah yang perlu dilengkapkan oleh guru setiap kali melaksanakan aktiviti/program sukan, kurikulum dan kesenian di pelbagai peringkat. Aspek karamah insaniah dinilai melalui amalan baik yang dipamerkan oleh murid sepanjang menyertai aktiviti/program.  
Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN  
[ SRI GADING ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [ SRI GADING ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam usaha mengurangkan beban kerja guru supaya dapat ditumpukan lebih untuk proses P&P di dalam kelas berbanding urusan lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus komited untuk melaksanakan usaha yang terbaik dalam menjaga kebajikan guru sepanjang perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil pendekatan holistik bagi memastikan guru kekal bermotivasi menerusi inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan khusus di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Inisiatif yang dilaksanakan seperti pelaksanaan Tujuh Langkah Segera Ke Arah Kesejahteraan Guru memberi kesan yang positif terhadap tugas guru, antaranya pelantikan sukarelawan pengawas peperiksaan awam terbuka kepada orang awam bagi SPM 2023 berjumlah 6,300 orang dapat mengurangkan beban tugas guru yang perlu menjalankan tugas pengawasan peperiksaan awam. Guru juga dapat memberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran apabila diberi kelonggaran untuk mengunci masuk rekod kehadiran murid yang lebih fleksibel serta tidak perlu menguruskan pertandingan atau sambutan yang tidak memberi impak besar terhadap pembelajaran murid.

Selain inisiatif Teras 5, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara untuk memperkasa kebajikan guru antaranya memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, KPM turut memantapkan kompetensi guru menerusi peluang pembangunan profesionalisme berterusan agar guru sentiasa bersedia dan bermotivasi untuk menjalankan tugas dan berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan masing-masing. Selaras dengan keperluan tersebut, pelaksanaan latihan kepada guru melalui Pelan Operasi Latihan (POL) setiap tahun mengambil kira isu dan cabaran pendidikan seperti literasi dan numerasi, penguasaan Bahasa Inggeris, pentaksiran bilik darjah, kemahiran kreativiti dan kemahiran berfikir aras

tinggi (KBAT). Perancangan latihan guru turut menumpukan keperluan latihan yang komprehensif bagi mendukung pelaksanaan dasar semasa seperti Kurikulum Baharu 2027 dan Dasar Pendidikan Digital.

KPM juga telah mengumumkan enam inisiatif khas bagi memperkasakan guru sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2024, iaitu Kursus Pemerkasaan Teknologi, Kursus 'Apple Teacher', Sijil Profesional Digital, Geran Penerbitan, Program Cuti-cutii Cikgu dan Indeks Kesejateraan Guru. Bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi guru, KPM melaksanakan latihan berkaitan kemahiran pengurusan emosi, kawalan diri dan amalan harian yang positif berdasarkan tahap kesejahteraan psikologi yang dinilai melalui Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi).

Usaha KPM untuk meminimumkan tugas pengurusan dan pentadbiran bukan profesional kepada guru diteruskan dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

KPM juga telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum. Selain menjadi rujukan rasmi struktur pengurusan dan pentadbiran sekolah, MySG menjelaskan kompleksiti tugas guru dan anggota kumpulan pelaksana (AKP). Ini dapat mengelakkan pertindihan tugas antara guru dan AKP seperti tugas pengkeranian yang tidak sepatutnya dilakukan oleh guru.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru terjamin dan fokus utama mereka kepada pengajaran dan pembelajaran dapat dioptimumkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[ BENTONG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [ BENTONG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menyediakan akses pendidikan yang lestari kepada murid yang bersekolah di kawasan pesisir pantai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan akses pendidikan yang lestari kepada semua murid bagi memastikan akses pendidikan berkualiti dapat dinikmati secara saksama kepada semua murid tanpa mengira lokasi bandar dan luar bandar, status sosio ekonomi, etnik dan jantina.

Strategi yang mampan telah dilaksanakan KPM bagi memastikan akses kelestarian pendidikan kepada semua sekolah termasuk sekolah pesisir pantai di Malaysia. Secara umumnya, pelaksanaan tersebut meliputi perkara berikut:

i. **Penyediaan Infrastruktur Fizikal:**

Memastikan terdapat sekolah yang mencukupi dan berkualiti di seluruh kawasan, termasuk kawasan luar bandar dan terpencil. Ini termasuk pembinaan, pemeliharaan, dan pengembangan fasiliti pendidikan seperti bangunan sekolah, makmal, perpustakaan, dan kemudahan lain yang diperlukan.

ii. **Aksesibiliti Kewangan:**

Memastikan pendidikan yang terjangkau dan mampu dibayar oleh semua lapisan masyarakat. Inisiatif termasuk penyediaan bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah, pemberian biasiswa atau pinjaman pendidikan kepada murid yang memerlukan, dan pengurangan atau penghapusan yuran pendidikan di sekolah-sekolah awam.

iii. **Inklusiviti dan Kesaksamaan:**

Memastikan pendidikan dapat diakses oleh semua murid tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, keupayaan fizikal atau mental, atau faktor-faktor lain yang boleh menjadi halangan termasuk zero *reject policy* dan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Ini termasuk peningkatan kebolehcapaian pendidikan khas, sokongan kepada

## **SOALAN NO : 50**

murid berkeperluan khas, dan memastikan semua sekolah mematuhi prinsip kesaksamaan dan inklusiviti.

**iv. Teknologi dan Akses Digital:**

Memperluas akses kepada teknologi dan internet di sekolah-sekolah untuk menyokong pembelajaran digital dan meningkatkan akses kepada bahan-bahan pendidikan dalam talian. Ini termasuk penyediaan komputer atau tablet kepada murid dan guru, serta memastikan infrastruktur digital yang memadai di sekolah-sekolah.

**v. Pendidikan Awal Kanak-Kanak:**

Menyediakan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, kerana pendidikan awal kanak-kanak yang baik dapat memberi asas yang kukuh kepada perkembangan murid.

KPM sentiasa komited dalam menyediakan pendidikan secara holistik serta merangkumi pelbagai aspek bagi memastikan akses pendidikan yang lestari dapat dipertingkatkan secara menyeluruh dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH  
[HULU LANGAT]

**TARIKH :** 9 JULAI 2024 (SELASA)

**SOALAN**

**TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH [HULU LANGAT]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program dan usaha yang disusun untuk melibatkan anak muda dalam dialog antara agama bagi menjadi pemangkin perpaduan antara agama negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. KPN komited dalam memastikan pelaksanaan inisiatif yang digerakkan adalah meliputi semua peringkat lapisan masyarakat termasuklah generasi muda. Bagi memastikan generasi pewaris negara ini akan menjadi pemangkin perpaduan antara agama, KPN melibatkan **generasi muda dalam menggerakkan agenda keharmonian antara pengikut agama khususnya di bawah inisiatif Harmoni MADANI** yang telah dilancarkan pada 27 April 2024. Inisiatif ini adalah usaha ke arah mengukuhkan keharmonian dalam kalangan pengikut agama di Malaysia.

2. Antara **pendekatan utama** yang dilaksanakan dalam inisiatif Harmoni MADANI ialah **wacana ilmu** yang merupakan perkongsian maklumat seperti dasar-dasar kerajaan, kajian dan penerokaan ilmu, tatacara dan amalan terbaik (*best practice*) dalam menguruskan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, budaya dan agama. Perkongsian disampaikan menggunakan pendekatan wacana yang santai dan harmoni, meliputi dialog, seminar, persidangan atau forum yang turut melibatkan tokoh-tokoh terkemuka dalam dan luar negara yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran berkaitan dengan perpaduan dan keharmonian beragama.

3. Sehingga Jun 2024, Kementerian telah melaksanakan beberapa **siri wacana seperti dialog, forum dan bual bicara** iaitu:

Bil.	Perkara	Tarikh Pelaksanaan	Penyertaan
1	Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang. “Kepelbagaian dan Perbezaan Bukan Halangan Memupuk Perpaduan Masyarakat”.	9 Mac 2024	1000 orang
2	Bual Bicara Harmoni MADANI “Faham, Hormat dan Terima: Prinsip Asas Pengukuhan Integrasi Nasional dan Keharmonian Masyarakat Malaysia”.	27 April 2024	500 orang
3	<i>International Interfaith Peace and Harmony Forum</i> Anjuran Persatuan Dhammaduta Malaysia (BMSM) dan Amitabha Group Malaysia dengan kerjasama KPN.	8 Jun 2024	300 orang
4	Dialog Harmoni Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. “Adat Tradisi Sebagai Jati Diri Rakyat Malaysia”	29 Jun 2024	250 orang

4. KPN juga akan meneruskan pelaksanaan **wacana yang telah dirancang antaranya di Sabah pada September 2024**. ini bagi memastikan objektif mengukuhkan perpaduan dan keharmonian akan dapat dipertingkatkan khususnya melalui penyertaan generasi muda.
5. Selain itu, KPN turut menggerakkan penglibatan generasi muda secara bersasar melalui beberapa platform utama kementerian antaranya **Kelab Rukun Negara (KRN)** dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** yang ditubuhkan di sekolah dan Universiti melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Sehingga kini terdapat sebanyak **6,849 KRN** dan **189 SRN** di seluruh negara.

Jadual 1: Kelab Rukun Negara

BIL.	NEGERI	SK	SJKC	SJKT	SR (SWASTA)	JUMLAH SK	SMK	SM (SWASTA)	JUMLAH SM	JUMLAH KRN
1	SELANGOR	349	80	55	-	<b>484</b>	273	-	<b>273</b>	<b>757</b>
2	SABAH	301	35	-	-	<b>336</b>	220	-	<b>220</b>	<b>556</b>
3	SARAWAK	178	38	-	-	<b>216</b>	192	-	<b>192</b>	<b>408</b>
4	JOHOR	557	152	64	-	<b>773</b>	266	-	<b>266</b>	<b>1,039</b>
5	PERAK	249	50	33	-	<b>332</b>	263	-	<b>263</b>	<b>595</b>
6	PAHANG	304	56	32	-	<b>392</b>	200	-	<b>200</b>	<b>592</b>
7	PULAU PINANG	149	67	21	-	<b>237</b>	130	-	<b>130</b>	<b>367</b>
8	TERENGGANU	290	10	-	-	<b>300</b>	151	-	<b>151</b>	<b>451</b>
9	KEDAH	279	48	27	-	<b>354</b>	206	-	<b>206</b>	<b>560</b>
10	KELANTAN	280	12	1	-	<b>293</b>	174	-	<b>174</b>	<b>467</b>
11	NEGERI SEMBILAN	150	38	23	-	<b>211</b>	126	1	<b>127</b>	<b>338</b>
12	WP KUALA LUMPUR	143	42	15	1	<b>201</b>	101	1	<b>102</b>	<b>303</b>
13	MELAKA	131	33	18	-	<b>182</b>	77	-	<b>77</b>	<b>259</b>
14	PERLIS	63	10	1	-	<b>74</b>	30	-	<b>30</b>	<b>104</b>
15	WP PUTRAJAYA	14	-	-	-	<b>14</b>	12	-	<b>12</b>	<b>26</b>
16	WP LABUAN	15	2	-	-	<b>17</b>	10	-	<b>10</b>	<b>27</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>3,452</b>	<b>673</b>	<b>290</b>	<b>1</b>	<b>4,416</b>	<b>2,431</b>	<b>2</b>	<b>2,433</b>	<b>6,849</b>
<b>%</b>		<b>78</b>	<b>15</b>	<b>7</b>	<b>-</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>-</b>	<b>100</b>	

Jadual 2: Sekretariat Rukun Negara

BIL.	NEGERI	IPTA	IPTS	POLITEKNIK	KOLEJ MATERIKULASI	KOLEJ KOMUNITI	INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)	JUMLAH SRN
1	SELANGOR	5	15	3	1	6	1	31
2	SABAH	2	1	2	-	4	4	13
3	SARAWAK	-	-	2	1	4	4	11
4	JOHOR	3	1	3	2	5	2	16
5	PERAK	2	3	2	1	6	1	15
6	PAHANG	2	-	2	2	5	1	12
7	PULAU PINANG	2	-	2	1	3	2	10
8	TERENGGANU	5	1	3	-	1	2	12
9	KEDAH	2	2	2	4	6	2	18
10	KELANTAN	2	1	2	1	1	1	8
11	NEGERI SEMBILAN	1	1	2	1	5	2	12
12	WP KUALA LUMPUR	1	8	-	-	-	3	12
13	MELAKA	1	2	2	1	4	1	11
14	PERLIS	2	1	1	1	1	1	7
15	WP LABUAN	-	-	-	1	-	-	1
16	WP PUTRAJAYA	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>30</b>	<b>36</b>	<b>28</b>	<b>17</b>	<b>51</b>	<b>27</b>	<b>189</b>
<b>%</b>		<b>16</b>	<b>19</b>	<b>15</b>	<b>9</b>	<b>27</b>	<b>14</b>	<b>100</b>

6. Seterusnya penglibatan generasi muda melalui **Yayasan Sukarelawan Siswa** dalam pelbagai aktiviti terus dipergiatkan. Sehingga Jun 2024 terdapat pelbagai aktiviti yang telah digerakkan melibatkan golongan ini antaranya seperti persidangan Meja Bulat, Masa Depan Muda, Masa Depan Malaysia; Program Pembangunan Koperasi Melalui Pembangunan Modal Insan; dan Bengkel Pembangunan Modul Kem Anak Malaysia serta banyak lagi aktiviti yang telah dilaksanakan (**Lampiran Maklumat Tambahan**).

7. Usaha untuk melibatkan kelompok lapisan masyarakat ini dilaksanakan dengan pelbagai pendekatan antaranya **pendekatan promosi** melalui **pelbagai medium sosmed, kerjasama dengan agensi-agensi** tertentu untuk menggalakkan penyertaan generasi muda seperti Kementerian Belia dan Sukan, Universiti-universiti tempatan dan juga Pertubuhan-pertubuhan Belia dan Agama. Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN  
AHMAD KAMAL [ MACHANG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) rasional dan justifikasi arahan pengecualian syarat kemasukan di semua pintu masuk negara bagi warganegara dari Republik China dan India di bawah Pelan Liberalisasi Visa (PLV) oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) awal Mei 2024 lalu; dan
- (b) memandangkan terdapat lebih 1.2 juta pelancong dari China yang tidak keluar dari negara pada 2022 dan kesan terhadap jaminan keselamatan dan keharmonian sosial masyarakat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu inisiatif di bawah Pelan Liberalisasi Visa adalah pemberian kemudahan pengecualian visa dengan tempoh keberadaan selama 30 hari kepada warganegara Republik Rakyat China (RRC) dan India berkuat kuasa mulai 1 Disember 2023 hingga 31 Disember 2024. Antara rasional dan justifikasi berkaitan adalah seperti berikut:

**PERTAMA:** Timbal balas Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan RRC kerana memberikan kemudahan pengecualian visa dengan tempoh keberadaan selama 15 hari kepada warganegara Malaysia.

**KEDUA:** Menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi terutama dalam sektor pelancongan, food and beverages, perhotelan serta peruncitan. Ini mengambil kira kuasa beli kelas menengah warganegara RRC yang berjumlah 707 juta orang dengan pendapatan tahunan di antara USD43,000 hingga USD62,500 setahun. Pengumuman YAB Perdana Menteri pada 19 Jun 2024 bahawa Malaysia berhasrat untuk menyertai BRIC, di mana RRC adalah pemain utama selain Russia dan India akan memberikan impak positif kepada ekonomi negara. Di samping mengukuhkan kedudukan Malaysia di dalam inisiatif global One Belt One Road.

**KETIGA:** Bersempena sambutan ulang tahun ke-50 jalinan hubungan diplomatik antara Malaysia dan RRC pada tahun 2024. Oleh itu, Kerajaan berpeluang meningkatkan hubungan diplomatik yang lebih erat bagi membentuk jalinan kerjasama yang lebih bermanfaat;

**KEEMPAT:** RRC juga merupakan rakan dagang utama Malaysia dengan jumlah dagangan setahun adalah RM487.13 billion. Perdagangan dengan RRC adalah melibatkan pelbagai sektor seperti

## **SOALAN NO: 52**

minyak sawit, elektrikal dan elektronik, machineries dan chemical product. Selain itu, Malaysia merupakan rakan dagang utama bagi negara-negara ASEAN mengatasi pesaing-pesaing terdekat seperti Indonesia, Thailand dan Singapura.

**KELIMA:** Malaysia sebagai ahli kepada Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) turut terlibat dalam kepengerusian ASEAN *Plus Three* (ASEAN+3) pada tahun 2025. ASEAN+3 adalah melibatkan pemimpin dan delegasi dari 10 negara ahli dan penglibatan negara RRC, Jepun dan Korea Selatan;

**KEENAM:** Ketetapan kerajaan bagi Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026 (*Visit Malaysia-VM2026*). Pelanjutan kemudahan pengecualian visa kepada warganegara RRC ini berupaya menyokong VM2026 terutama dalam sektor pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat, **kemudahan pengecualian visa ini bukan sahaja terpakai kepada RRC dan India namun kepada 151 Negara lain juga** dan ianya diperluaskan kepada warganegara India kerana negara tersebut adalah antara rakan dagang utama negara dan memiliki jumlah pelajar yang keempat tertinggi di Malaysia berbanding pelajar antarabangsa dari negara-negara yang lain.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa melaksanakan langkah kawalan dan penguatkuasaan bagi memastikan jaminan keselamatan dan keharmonian sosial masyarakat Malaysia adalah diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [ SEMBRONG ]**  
minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi; dan
- (b) peluang yang boleh diambil oleh Kementerian dengan kemunculan kursus latihan dalam talian yang disediakan oleh universiti luar negara dan pemain industri global bagi menarik bakat secara langsung untuk berkhidmat di syarikat mereka.

**JAWAPAN**

**a)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Persaingan Global;
- ii. Kualiti dan Pengiktirafan;

- iii. Penyesuaian Kurikulum dengan teknologi dan kehendak industri; dan
- iv. Mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran dalam menyokong pembelajaran digital (e-pembelajaran) dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

**(b)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Kementerian sentiasa mengambil perhatian serta menyarankan Institusi Pendidikan Tinggi untuk mengambil peluang terhadap kemunculan kursus-kursus dalam talian sama ada dari universiti luar negara dan pemain industri global.
3. Antara langkah yang dijalankan oleh kementerian dalam menjalinkan kolaborasi dengan pemberi kursus dalam talian seperti yang dinyatakan adalah seperti berikut:
  - a. Kementerian telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Microsoft Malaysia serta melancarkan Talent in Tech Accelerator Nationwide Program.
  - b. Kementerian turut bekerjasama dengan TalentCorp, Digital Nasional Berhad dan Ericsson Malaysia bagi melaksanakan Program Pendedahan Awal Industri P2AI sebagai modul pengisian sesi minggu induksi pelajar.
  - c. Kementerian juga telah menjalinkan kolaborasi melalui pelaksanaan MoU antara KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk melaksanakan inisiatif Program investED. Program ini menyediakan pakej latihan yang lengkap dan bernilai tinggi yang mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam merancakkan industri pasaran modal dan sekuriti negara.

**SOALAN NO : 53**

- d. Kementerian juga melaksanakan Program PENJANA KPT-CAP yang menyediakan dan menawarkan pelbagai latihan dalam talian untuk meningkatkan kemahiran digital pelajar.
4. Selain itu, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.
5. Bagi memastikan kualiti program yang ditawarkan secara dalam talian dan jarak jauh adalah setanding dengan program yang dikendalikan secara konvensional, MQA telah membangunkan Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practise for Programme Accreditation: Open and Distance Learning*, COPPA-ODL) sebagai rujukan kepada Institut Pendidikan Tinggi (IPT).
6. Dokumen jaminan kualiti ini juga dibangunkan bagi tujuan penilaian dan menjadi panduan kepada IPT dalam melaksanakan amalan berkaitan pengendalian program ODL di IPT masing-masing. Justeru, penggunaannya adalah terpakai kepada semua IPT tempatan termasuk Kampus Universiti Luar Negara di Malaysia dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.
7. Pihak Kementerian sentiasa mendukung sepenuhnya hasrat kerajaan untuk melaksanakan pengajian terbuka ke arah pendemokrasian pendidikan tinggi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD  
[ JERLUN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk membendung aktiviti keganasan yang semakin berleluasa mutakhir ini yang boleh mengancam nyawa dan menggugat ketenteraman awam serta apakah langkah segera untuk menamatkan aktiviti keganasan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kerajaan amat menitikberatkan usaha ke arah memerangi dan membanteras aktiviti penyebaran ideologi radikal daripada terus menjalar dan bertapak dalam masyarakat hari ini. Langkah-langkah yang diketengahkan mencakupi tindakan dari sudut perundangan, pencegahan dan pemulihian.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- i) **Tindakan Perundangan:** Malaysia telah menguatkuaskan peruntukan undang-undang bagi memerangi keganasan iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas (SOSMA) 2012, Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, The Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLAFATPUAA) dan *Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015*. Menteri Dalam Negeri mengikut Seksyen 66B(1)

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] telah membuat Perintah bagi mengisyiharkan (24) kumpulan sebagai Entiti Ditentukan. Menteri Dalam Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisyiharkan entiti itu sebagai entiti ditentukan jika Menteri Dalam Negeri berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seorang pegawai polis bahawa:

- (a) suatu entiti telah dengan disedarinya melakukan, mencuba untuk melakukan, mengambil bahagian dalam perlakuan atau memudahkan perlakuan, suatu perbuatan keganasan; atau
- (b) suatu entiti sedang dengan disedarinya bertindak bagi pihak, mengikut arahan, atau dengan bersekutu dengan, suatu entiti yang disebut dalam perenggan (a).

Senarai (24) kumpulan yang telah diwartakan sebagai Entiti Ditentukan boleh diakses di laman web rasmi KDN.

ii) **Langkah-langkah Pencegahan:** PDRM aktif dalam menjalankan operasi risikan dan pengawasan dalam usaha untuk mengesan dan menggagalkan sebarang perancangan atau cubaan serangan kumpulan penganas di negara ini. Kawalan sempadan negara termasuk pemeriksaan di pintu masuk negara terus diperkuuh dan ditingkatkan untuk menghalang kemasukan penganas asing yang cuba menjadikan negara ini sebagai negara transit atau *safe haven*. Selaras dengan projek *National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism* (MyPCVE), Kerajaan melalui agensi di bawah KDN bekerjasama dengan agensi di bawah kementerian lain seperti Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan dalam menjalankan program *outreach* dan *engagement* dengan pelbagai lapisan masyarakat bagi mendidik dan memupuk kesedaran berkaitan impak negatif ideologi radikal terhadap keselamatan dan keamanan negara.

iii) **Langkah-langkah Pemulihan:** Kerajaan telah membangunkan program deradikalisasi yang komprehensif bertujuan untuk memulihkan

individu yang radikal. Program-program ini melibatkan kaunseling psikologi, pendidikan agama dan latihan vokasional untuk mengintegrasikan semula individu terlibat ke dalam masyarakat. Ahli keluarga bekas tahanan juga turut dilibatkan dalam aktiviti ini untuk memberi sokongan kepada individu yang terlibat.

iv) **Kerjasama Dua Hala, Serantau dan Antarabangsa:** Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif memerangi keganasan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan negara-negara berkepentingan, ASEAN, PBB dan INTERPOL. Ini termasuk perkongsian maklumat dan perisikan, latihan bersama dan operasi yang diselaraskan, penyertaan dalam forum global dan pematuhan kepada protokol pencegahan keganasan antarabangsa.

v) **Teknologi dan Siber:** Istilah dunia tanpa sempadan yang digunakan oleh penyedia perkhidmatan Internet memudahkan aktiviti penyebaran ideologi radikal melalui media sosial. Oleh itu, untuk memerangi aktiviti ini, kerajaan telah melabur dalam industri keselamatan siber untuk menentang radikalisme dalam talian dan penyebaran propaganda pengganas seperti menggunakan teknologi pengawasan, termasuk pemantauan digital dan langkah keselamatan siber untuk mengesan rangkaian pengganas dan bekerjasama dengan syarikat teknologi untuk mengalih keluar kandungan tersebut dari platform media sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah Kementerian:

- (a) meningkatkan literasi tenaga dalam kalangan masyarakat; dan
- (b) mempercepatkan agenda peralihan tenaga pasca-pengenalan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan literasi tenaga di kalangan masyarakat, pelbagai program literasi telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan pemahaman terhadap landskap dan sistem tenaga seperti berikut:
  - i. peluncuran program *Malaysia Energy Literacy Program* (MELP) pada 1 Mac 2023, sebagai satu inisiatif nasional bertujuan untuk meningkatkan tahap kepekaan dan kesedaran rakyat dan merupakan salah satu *enabler* bagi merealisasikan agenda peralihan tenaga negara seperti yang digariskan dalam *National Energy Transition Roadmap* (NETR).
  - ii. Kempen Pengiklanan ‘Gaya Hidup Lestari Bermula dari Rumah’ yang merupakan kempen pengiklanan di media massa termasuk TV, Radio, dan Surat Khabar bagi mempromosikan Gaya Hidup Lestari seperti amalan Kecekapan Tenaga, program NEM dan SAVE, sebagai usaha Kerajaan dalam mencapai sasaran TBB;
  - iii. Kempen kesedaran media sosial yang dijalankan melalui platform Tiktok. Kempen ini memberikan tumpuan terhadap penerapan amalan penjimatan tenaga dan kelestarian alam sekitar melalui video pendek dan santai yang berdurasi kurang daripada dua (2) minit, bagi menarik perhatian golongan muda;
  - iv. Program ‘Young Energy Explorer’ (YEEPE) yang dilaksanakan bersama Petrosains, yang bertujuan memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada golongan pelajar mengenai bidang Tenaga Lestari, melalui empat (4) program yang iaitu SEDA Sustainability Studio, SEDA Sustainability Visit Experience & Renewable Energy Video Competition, SEDA Roadshow dan Petrosains RBTX Challenge 2023; dan
  - v. Program Outreach melalui penyertaan Program MADANI Rakyat yang bertujuan mempromosikan pelaksanaan inisiatif tenaga lestari kepada masyarakat umum yang dilakukan menerusi taklimat ringkas, aktiviti dan kuiz-kuiz berkaitan Tenaga Lestari, bagi meningkatkan kesedaran awam.

2. Mengenai usaha Kerajaan dalam mempercepatkan agenda peralihan tenaga di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau NETR, Kerajaan telah mengambil pendekatan dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- i. penawaran kuota tambahan di bawah Program Net Energy Metering (NEM) iaitu sebanyak 100MW untuk NEM Rakyat dan 300MW untuk NEM NOVA bagi membolehkan pengguna elektrik melakukan penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) untuk kegunaan sendiri melalui pemasangan sistem solar PV di bumbung premis kediaman;
- ii. penyesuaian dan penambahbaikan Program Large Scale Solar (LSS) untuk pembangunan loji jana kuasa solar dengan tawaran kuota 2,000MW melalui kaedah *Request for Proposal (RFP)*, termasuk mewujudkan kategori khas bagi pembangunan loji jana kuasa solar terapung dengan jumlah kuota 500MW agar badan air boleh dimanfaatkan untuk pembangunan loji jana kuasa;
- iii. pengenalan Program Penjanaan Tenaga Rendah Karbon (Low Carbon Energy Generation Programme) menerusi mekanisme *New Enhanced Dispatched Arrangement (NEDA)* untuk pembangunan projek penjanaan daripada sumber bukan solar seperti angin, hidro kecil, biogas, biojisim, hidrogen dan sebagainya;
- iv. pelaksanaan Projek Rintis Sistem Penstoran Tenaga (Battery Energy Storage System- BESS) dengan jumlah kapasiti 400MWj bagi pengukuhan sistem rangkaian grid bekalan elektrik; dan
- v. menjalankan kajian bagi mengenal pasti sumber TBB lain seperti kajian sungai-sungai yang berpotensi di Semenanjung Malaysia serta kajian kebolehlaksanaan penyatuan sumber biotenaga di Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [  
POKOK SENAI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Senai ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah pembersihan sungai di kawasan sekitar Parlimen Pokok Senai yang menyebabkan saliran tersumbat serta kejadian bencana banjir di sesetengah tempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa konsisten memulihara sungai sebagai langkah mitigasi dan mengurangkan risiko banjir melalui Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir termasuklah di Negeri Kedah.
2. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM26 juta telah diperuntukkan kepada Negeri Kedah. Pada tahun 2022 hingga 2024, sebanyak 205 kerja-kerja kecil telah dilaksanakan merangkumi kerja-kerja pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai serta menaiktaraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kapasiti air sungai.
3. Khusus di Parlimen Pokok Sena, sebanyak RM2.4 juta telah disalurkan dalam RMKe-12. Sehingga kini, 12 kerja-kerja kecil telah siap sepenuhnya dan satu kerja dijangka siap pada penghujung tahun 2024 melibatkan Mukim Bukit Pinang, Alor Malai, Gajah Mati, Langgar, Kuala Kedah, Lepai, Mergong dan Pumpung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah usaha dan tindakan Kementerian untuk pastikan para mahasiswa atau pelajar menguasai ilmu teknologi AI dan lain-lain teknologi semasa bagi menampung keperluan industri.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha untuk memastikan para mahasiswa menguasai teknologi kecerdasan buatan (AI) serta teknologi semasa lain yang diperlukan oleh industri, telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:
  - i. Penubuhan Fakulti AI: Kementerian ini dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah membangunkan Fakulti Kecerdasan Buatan pertama di negara ini. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja mahir dalam bidang AI dan teknologi canggih seiring dengan permintaan industri.
  - ii. Pembentukan *Malaysia AI Consortium (MAIC)*: inisiatif ini bertujuan untuk merancak usaha Kerajaan dalam membangun bakat AI yang diperlukan negara melalui kerjasama strategik melibatkan institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan, dan pemain industri. Kerjasama strategik ini akan dapat membantu negara untuk mempercepat usaha pembangunan bakat AI yang diperlukan negara.
  - iii. Kerjasama Antarabangsa: KPT juga bekerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* untuk memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini termasuk dalam bidang AI, *Internet of Things (IoT)*, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), yang mana pelbagai universiti dan politeknik tempatan akan mendapat manfaat daripada kerjasama ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN  
(PADANG SERAI)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' AZMAN BIN NASRUDIN ( PADANG SERAI )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan jangka masa panjang atas penarikan subsidi diesel bersasar kepada golongan maha kaya. Seperti sedia maklum, diesel banyak digunakan kenderaan besar seperti lori, hilux dan sebagainya yang mungkin memberi kesan kepada kenaikan harga transportasi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi kepenggunaan adalah yang terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion yang merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur ayam.

Perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial yang semakin meningkat ini telah mencetus risiko negatif kepada kemampunan fiskal jangka panjang negara dan boleh menyebabkan peruntukan untuk sektor yang lebih penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan terpaksa dikurangkan.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyasaran semula subsidi secara berfasa bagi membendung ketirisan yang kian berleluasa dan menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara. Setelah penyasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan darat barang melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0). Antara kenderaan pengangkutan darat barang yang layak untuk menyertai SKDS 2.0 ini adalah lori rigid kargo am, lori rigid *refrigerated*, penggerak utama dan *articulated vehicles* serta lori, van dan bas *food catering*.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Berdasarkan data perbelanjaan isi rumah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan dianggar memadai untuk menampung perbelanjaan tambahan untuk sekurang-kurangnya 80% pengguna kenderaan diesel persendirian. Amaun bantuan tunai tersebut dilihat mencukupi untuk membiayai perubahan harga diesel bagi pengguna yang melakukan perjalanan secara purata sejauh 75 kilometer sehari berdasarkan kadar penggunaan bahan api oleh kebanyakan kenderaan diesel seperti *pickup truck*.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha untuk menjelaskan kestabilan bekalan barang dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM ( SERIAN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha untuk mengembalikan kestabilan ekonomi negara yang ketika ini terus menekan rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Ekonomi Malaysia berada pada kedudukan yang baik dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dijangka berkembang pada kadar unjuran rasmi antara 4 peratus hingga 5 peratus bagi tahun 2024.** Pertumbuhan KDNK ini juga sejajar dengan unjuran oleh pihak Bank Dunia seperti yang dilaporkan dalam *Global Economic Prospects*, terbitan 11 Jun 2024. Dalam laporan tersebut, **ekonomi Malaysia dijangka meningkat sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2024 dan seterusnya kepada 4.4 peratus pada tahun hadapan.**

Pertumbuhan ekonomi tahun ini akan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh dan permintaan global yang semakin pulih. Bagi merealisasikan perkara ini, **Kerajaan akan mempergiat usaha untuk merangsang sektor swasta agar lebih rancak dan dinamik.** Usaha tersebut merangkumi penyediaan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif serta disokong oleh pelaksanaan menyeluruh kerangka Ekonomi MADANI. Pelaksanaan strategi dan langkah di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), serta inisiatif-inisiatif Rancangan Malaysia Ke-12 kekal menarik pelaburan bernilai tinggi dalam industri bernilai tambah tinggi, sekali gus mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi yang meningkatkan kualiti hidup rakyat.

**Kerajaan juga telah melaksanakan penyasaran subsidi diesel sebagai langkah pembaharuan fiskal bagi memastikan kestabilan kedudukan ekonomi Malaysia. Namun, kenderaan logistik yang berkelayakan, pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba, serta nelayan masih boleh menikmati pembelian diesel bersubsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).** Kerajaan telah dan akan terus memantau dan mengawal harga barang keperluan terpilih serta menyalurkan bantuan tunai kepada rakyat yang memerlukan dalam menampung kos sara hidup. Melalui inisiatif bantuan tunai BUDI

Individu, sebanyak RM200 sebulan diperuntukkan kepada warganegara Malaysia pemilik kenderaan diesel individu dengan syarat kelayakan tertentu. Sementara itu, bantuan tunai **BUDI Agri-Komoditi** memperuntukkan sebanyak RM200 sebulan kepada golongan petani, penternak dan pekebun kecil komoditi yang berdaftar.

**Penjimatan yang diperoleh** daripada pemberian subsidi bersasar ini mampu mengurangkan beban fiskal Kerajaan dan **seterusnya dapat digunakan semula bagi tujuan pembangunan ekonomi rakyat serta infrastruktur.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [  
TUARAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha-usaha Kementerian ke arah memastikan Sabah Electricity Sdn Bhd. (SESB) tidak lagi bergantung kepada sokongan tarif subsidi daripada Kerajaan Persekutuan dan reserve margin mencapai lebih 30% menjelang tahun 2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah siling indikatif subsidi daripada Kerajaan Persekutuan kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi tahun 2024 hingga 2030 yang merangkumi subsidi bahan api, subsidi solar berskala besar, subsidi sokongan tarif dan subsidi Tenaga Baru Bahan Baru (FiT) adalah sebanyak RM3.54 bilion. Jumlah ini adalah berdasarkan analisis yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) sekiranya Kerajaan Negeri Sabah melaksanakan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh tersebut. Subsidi ini perlu dimohon oleh SESB melalui Kerajaan Negeri Sabah dan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Kementerian Kewangan.
2. Bagi mengurangkan kebergantungan SESB kepada subsidi daripada Kerajaan Persekutuan, tarif asas elektrik di Sabah perlu dikaji semula supaya mencerminkan kos sebenar. Walau bagaimanapun, berikutnya penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024, penetapan tarif elektrik serta segala perancangan untuk pelan pembangunan penjanaan elektrik, perolehan, pemantauan dan penyeliaan projek serta penyelesaian isu-isu dan masalah berkaitan pembekalan elektrik di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah sepenuhnya.
3. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Energy Commission of Sabah (ECoS), beberapa projek penjanaan yang besar sedang dirancang antaranya ialah pembelian tenaga dari Sarawak menjelang tahun 2025, pembangunan loji jana kuasa baharu berkapasiti 100MW masing-masing pada tahun 2026 dan 2027, serta pembangunan ladang solar berskala besar berkapasiti 100MW pada tahun 2026. Kerajaan Negeri Sabah juga akan mengemas kini perancangan ini melalui Pelan Pembangunan Penjanaan Elektrik Sabah setiap tahun melalui mesyuarat Majlis Tenaga Sabah yang dijangka akan diadakan pada suku kedua tahun 2024.
4. Difahamkan juga bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan potensi penjanaan elektrik

## **SOALAN NO : 60**

melalui sumber hidro di Negeri Sabah melalui hasil kajian Pelan Pembangunan Hidro yang sedang dibangunkan oleh pihak ECoS, meneroka perancangan talian penghantaran melalui sambungtara Sabah dan Kalimatan Utara, penerokaan teknologi dan sumber penjanaan baharu seperti geoterma, angin dan hidrogen. Perancangan-perancangan tersebut juga akan diperhalusi dibincangkan melalui Majlis Tenaga Sabah.

5. Selain itu, langkah-langkah tambahan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui ECoS ialah pengenalan skim insentif *Demand Side Management* (DSM), pelancaran program SELCO-PV SABAH untuk meningkatkan penggunaan PV solar serta menggalakkan kecekapan dan konservasi tenaga. Kempen ini telah bermula dengan premis Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Sabah yang dimudah cara oleh pihak ECoS.
6. Dengan pendekatan strategik oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui ECoS dan SESB bagi meningkatkan kapasiti penjanaan dan mengurangkan permintaan tenaga semasa waktu puncak, Kerajaan Persekutuan percaya bahawa masalah bekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan dan dapat mencapai 30% *reserve margin* menjelang tahun 2030.
7. Kerajaan Persekutuan komited dan menyokong agenda pembangunan penjanaan elektrik di negeri Sabah agar rakyat dapat manfaatnya serta sistem pembekalan elektrik menjadi lebih stabil dan terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha tuntas yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam mengurangkan bebanan tugas yang ditanggung oleh pensyarah terutamanya melibatkan perkara di luar keutamaan tugas mereka iaitu pengajaran dan penyelidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa sentiasa berusaha meningkatkan kualiti Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.
2. Dalam memastikan kualiti pensyarah terjamin, MQA telah menyediakan Garis Panduan Beban Staf Akademik sebagai rujukan kepada IPT untuk menentukan jumlah jam mengajar pensyarah secara bersesuaian.
3. Pada amnya, pengajaran formal setiap minggu adalah **tidak melebihi 18 jam kontak** dan jumlah ini perlu diselaras semula secara bersesuaian sekiranya pensyarah terlibat dalam tugas-tugas berkaitan dengan aktiviti ilmiah (*scholarly activities* seperti penyelidikan, khidmat perundingan serta tugas pentadbiran lain).
4. Ini bertepatan dengan ketetapan standard dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) perkara 4.1 seperti berikut:
  - 4.1.4 *The department must have adequate and qualified academic staff responsible for implementing the programme.*
  - 4.1.5 *The policy of the department must reflect an equitable distribution of responsibilities among the academic staff.*
5. Beban mengajar juga tertakluk kepada standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan. Dalam hal ini, IPT bertanggungjawab untuk menyediakan sokongan kepada pensyarah yang terlibat dalam aktiviti ilmiah dari segi agihan beban

## SOALAN NO : 61

mengajar yang bersesuaian, pelepasan cuti sabatikal untuk menjalankan penyelidikan dan penajaan.

6. Pelaksanaan ini selaras dengan ketetapan standard dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) perkara 4.2.6:

*'The HEP **must provide opportunities** for academic staff to participate in professional, academic and other relevant activities, at national and international levels to obtain professional qualifications to enhance learning-teaching experience.'*

7. Dengan Garis Panduan Beban Staf Akademik yang telah disediakan, IPT haruslah sentiasa bertanggungjawab dalam memastikan beban tugas pensyarah adalah seimbang dan bersesuaian di antara mengejar *Key Performance Indicators* (KPI) yang ditetapkan pihak universiti dan dalam masa yang sama melaksanakan tugas mengajar.
8. Perkara ini akan disemak semula oleh MQA ketika menjalankan penilaian Akreditasi dan teguran penambahbaikan akan dibuat sekiranya terdapat risiko kualiti berkaitan beban pensyarah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG  
[TANJUNG PIAN]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah penilaian rapi telah dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung ketidakcukupan aset PDRM khususnya di balai-balai polis dan bilakah anggaran PDRM dapat menerima gantian aset-aset baharu yang diperlukan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dalam negara memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

KDN dan PDRM turut menyediakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang *Rolling Plan* Rancangan Malaysia dalam melengkapkan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan dengan aset-aset strategik yang terkini.

**Penyediaan Aset dan Kelengkapan PDRM**

PDRM sentiasa membuat perancangan untuk membuat penggantian kepada aset dan kelengkapan PDRM yang telah uzur serta tidak ekonomik untuk dibaiki. Sejumlah RM39.78 juta telah diperuntukkan di dalam *Rolling Plan 3* (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) Tahun 2023 di bawah bajet Belanja Pembangunan (DE) bagi penggantian 221 buah kenderaan jenis pacuan empat roda untuk kegunaan mengangkat mayat bagi tujuan siasatan dan Unit *Light Strike Force* (LSF) di balai-balai polis.

Perolehan aset yang telah diluluskan dalam RP4 RMK-12 pula adalah perolehan kenderaan jenis lori, kenderaan jenis *pickup*, kenderaan operasi operatif taktikal, perolehan kelengkapan kamera digital DSLR, perolehan *mobile jammer* untuk kegunaan unit tindakhas PDRM, kelengkapan keselamatan *anti riot* untuk kegunaan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dan kenderaan van tempur bagi kegunaan FRU. Semua perolehan aset ini dijangka dibekalkan bermula selewat-lewatnya pada suku keempat tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI MAT TAIB [ PARIT ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [ PARIT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian mengusahakan agar kebolehan berbahasa Melayu secara fasih dijadikan sebagai salah satu syarat utama untuk memperoleh kewarganegaraan negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Pemerolehan kewarganegaraan Malaysia telah diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan (PP). Dalam hal ini, pemerolehan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 16 dan pemerolehan kewarganegaraan secara naturalisasi di bawah Perkara 19, PP telah menetapkan syarat berkaitan pengetahuan dalam Bahasa Melayu.

Dalam melaksanakan pemerolehan kewarganegaraan ini selaras dengan ketetapan pada Perlembagaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah melaksanakan Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM). Ujian ini melibatkan beberapa proses saringan antaranya ujian bertulis, temuduga secara lisan dan bersemuka terhadap pemohon kewarganegaraan di bawah Perkara 16 dan 19 Perlembagaan Persekutuan. Seperti mana yang telah disyaratkan dalam Perlembagaan Persekutuan, pemohon kewarganegaraan di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan hendaklah mempunyai **pengetahuan asas** Bahasa Melayu manakala pemohon kewarganegaraan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan hendaklah mempunyai **pengetahuan yang mencukupi** dalam Bahasa Melayu.

Pelaksanaan Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) ini dijalankan secara individu mengikut kategori permohonan kewarganegaraan dan pemohon diberikan tempoh persediaan sebelum ujian tersebut dilaksanakan. Modul pelaksanaan ujian ini adalah berlandaskan asas penggunaan Bahasa Melayu yang mudah difahami oleh pemohon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan penguasaan matematik memandangkan 85,706 pelajar gagal dalam matematik dalam SPM 2023. Mengapa Kementerian memaksa satu kelas bukan DLP bagi Sains dan Matematik di SMJK dan SM.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program dan inisiatif dengan mengambil kira pencapaian murid untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam setiap mata pelajaran yang dipelajari.

KPM mempunyai strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan penguasaan murid sekolah menengah dalam Matematik. Strategi jangka pendek melibatkan pengukuhan asas matematik dalam kalangan murid. Strategi ini dilaksanakan melalui penggunaan modul dan bahan sokongan dalam bilik darjah. Modul yang telah disediakan oleh KPM ialah Modul Bimbingan (MOBIM) yang mengandungi cadangan strategi pengajaran, teknik penyelesaian masalah dan lembaran kerja yang sesuai dengan tajuk dan keupayaan murid agar mereka tidak ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

KPM juga telah menyediakan Program Bimbingan (PROBIM) 2.0 untuk memastikan penguasaan konsep asas matematik di peringkat sekolah menengah dan *Modul Basic Essential Additional Mathematics Skills* (BEAMS) untuk mengukuhkan kefahaman dan kemahiran murid dalam bidang algebra. Bahan Sumber Inkiri Matematik pula membantu guru melaksanakan PdP yang menuntut penglibatan aktif murid, membolehkan mereka membentuk konsep secara kendiri, serta membentuk kefahaman konsep yang lebih mendalam dan bermakna.

Strategi jangka panjang pula melibatkan perubahan kurikulum Matematik sekolah rendah dan menengah dalam Kurikulum Persekolahan 2027. Kurikulum tersebut akan disusun selaras dengan pengaplikasian teknologi dalam membina konsep, menguasai kemahiran, menyiasat dan meneroka idea matematik serta menyelesaikan masalah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah yang melaksanakan Program DLP perlu memastikan peluang turut disediakan kepada murid untuk mengikuti matapelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa

## **SOALAN NO : 64**

Kebangsaan atau Bahasa Ibunda masing masing. Pihak sekolah hendaklah memastikan terdapat sekurang-kurangnya satu kelas di setiap Tahun/Tingkatan yang melaksanakan PdP dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan/bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 untuk sesi persekolahan baru mulai tahun 2024/2025.

Pelaksanaan Program DLP adalah tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan, yang mana prestasi dalam Bahasa Melayu adalah penting bagi memastikan pelaksanaan DLP selaras dengan perundangan sedia ada dan dasar pendidikan kebangsaan iaitu Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996. Kriteria prestasi dalam bahasa Melayu juga bertujuan memastikan murid sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memperkuat bahasa Inggeris selaras dengan dasar MBMMBI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [ KUBANG PASU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dari jumlah 383,685 pelajar yang menduduki peperiksaan SPM bagi tahun 2023 berapa jumlah pelajar yang mengambil aliran STEM A (Matematik tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi) dan aliran STEM B (Matematik tambahan, Fizik, Kimia dan satu mata pelajaran elektif sains gunaan dan teknologi).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pelaporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 adalah berdasarkan semua calon baharu yang pertama kali menduduki peperiksaan SPM dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Bagi peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 69,347 orang calon mengambil mata pelajaran elektif STEM A merangkumi mata pelajaran Sains Tulen dan Matematik Tambahan. Manakala seramai 20,307 orang calon mengambil mata pelajaran elektif STEM B merangkumi mata pelajaran Sains Gunaan dan Teknologi serta Matematik Tambahan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI  
HAJI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif pembaharuan Kerajaan dalam menangani isu kesesakan penjara dengan jumlah banduan melebihi 5.6 peratus daripada kapasiti sebenar di mana 60 penjara di seluruh negara kini dihuni kira-kira 75,000 banduan berbanding kapasiti sebenar iaitu 71,000 banduan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Isu kesesakan dalam penjara merupakan perkara yang sentiasa diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia komited untuk melaksanakan pelbagai usaha untuk menangani isu kesesakan dalam penjara khususnya melalui program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Sistem Parol;
- ii. Rumah Perantaraan;
- iii. Perintah Kehadiran Wajib (PKW);
- iv. Program Reintegrasi Penghuni;
- v. Program “*Corporate Smart Internship*”;
- vi. Program Reintegrasi Penghuni Industri;
- vii. Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL); dan
- viii. Pelepasan Penghuni Sekolah Henry Gurney Secara Lesen.

Kementerian Dalam Negeri juga sedang meneliti pelaksanaan program tahanan rumah kepada individu yang layak sebagai salah satu usaha untuk menangani isu kesesakan dalam penjara. Dalam hal ini, kaedah pelaksanaan program tahanan rumah sedang diperhalusi dari sudut perundangan dan peraturan sedia ada bagi memastikan pelaksanaan program ini mengikut peruntukan undang-undang semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain program PDK, Jabatan Penjara Malaysia juga telah menambahbaik dan mewujudkan beberapa fasiliti baharu seperti Penjara Satelit dan Pusat Transit Penerimaan (PTP) dikenali sebagai Admission Prison bertindak sebagai tempat saringan awal keselamatan dan penyakit berjangkit sekaligus menambah kapasiti dan mengurangkan kesesakan di penjara-penjara utama.

## **SOALAN NO: 66**

Selain itu, terdapat 17 bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah diubahsuai dan diwartakan dengan enam (6) daripadanya dijadikan Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) atau “*Resettlement Prison*” manakala 11 lagi berfungsi sebagai Penjara Satelit. Kedua-dua fasiliti ini mampu menampung kapasiti seramai 8,030 orang. Sebagai tambahan, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan 41 Pusat Transit Penerimaan (PTP) dengan kapasiti seramai 7,576 orang. Hasilnya telah menunjukkan pengurangan lebihan kapasiti daripada melebihi 30% kepada kurang daripada 10%.

Seterusnya, Penjara Lahad Datu, Sabah yang telah diwartakan pada 1 Oktober 2023 boleh menempatkan 1,500 orang banduan pada satu-satu masa. Dengan pengoperasian Penjara Lahad Datu ini, ianya akan mengurangkan kesesakan dalam penjara khususnya di Sabah. Jabatan Penjara Malaysia juga telah diluluskan permohonan penggantian Penjara Sibu, Sarawak yang kini sedang dalam proses untuk ditender oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengenal pasti 13 buah penjara usang di seluruh negara untuk tujuan penggantian atau dinaik taraf iaitu:

- i. Penjara Pusat Sibu;
- ii. Penjara Pulau Pinang;
- iii. Penjara Negeri Kelantan (Penjara Pengkalan Chepa);
- iv. Penjara Alor Setar;
- v. Penjara Seremban;
- vi. Penjara Taiping;
- vii. Pusat Pemulihan Akhlak Muar;
- viii. Penjara Sungai Petani;
- ix. Penjara Pusat Kota Kinabalu;
- x. Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah;
- xi. Penjara Tawau;
- xii. Sekolah Henry Gurney Keningau; dan
- xiii. Penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI  
[ IGAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan pasangan guru jarak jauh di Sarawak yang telah memohon pertukaran ke tempat lain atas alasan berjauhan dengan isteri atau suami masing-masing. Apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk menangani isu guru "duka lara" ini. Nyatakan jumlah permohonan pertukaran sejak tahun 2017 hingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan kepada permohonan pertukaran yang melibatkan permohonan dari kategori pasangan berjauhan. Bagi setiap sesi pertukaran, kategori pasangan berjauhan merupakan peratus kelulusan tertinggi berbanding lain-lain kategori. Jumlah permohonan pertukaran kategori pasangan berjauhan di Sarawak pada sesi Jun 2024 adalah seramai 85 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 18 permohonan telah berjaya diluluskan.

Dalam melaksanakan urusan pertukaran guru, KPM telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 7/2021 Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional. Turut dilampirkan bersama-sama surat pekeliling ini ialah Garis Panduan

Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022. Garis panduan tersebut menjelaskan perkara berkaitan Dasar Pertukaran Guru yang digunakan sebagai rujukan kepada pelaksanaan permohonan pertukaran guru.

KPM turut membuat penambahbaikan dalam garis panduan tersebut. Penambahbaikan adalah seperti yang berikut:

- i. permohonan dibuka sepanjang tahun;
- ii. tempoh sah permohonan adalah satu tahun dari tarikh permohonan;
- iii. permohonan dalam talian dibuka kepada semua kumpulan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP);
- iv. kelulusan pertukaran dilaksanakan sepanjang tahun bagi penyandang jawatan Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Kanan Mata Pelajaran dan Guru Tingkatan 6;
- v. kelulusan pertukaran bagi PPP yang lain dilaksanakan mengikut sesi penggal persekolahan iaitu sebanyak empat (4) kali setahun;
- vi. keutamaan pertimbangan kelulusan pertukaran adalah kepada PPP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun di negeri semasa bagi negeri-negeri di semenanjung atau sekurang-kurangnya tiga tahun di negeri semasa bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- vii. sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke negeri yang dimohon, pertimbangan pertukaran akan diberikan kepada negeri pilihan kedua atau ketiga pemohon serta kepada negeri yang berdekatan.

Prinsip asas pertukaran guru adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di sesebuah negeri atau daerah yang dimohon. KPM juga memaklumkan kepentingan dan keperluan perkhidmatan juga diambil kira dalam menguruskan pertukaran guru, terutamanya bagi guru yang mengajar mata pelajaran khusus atau memerlukan kelayakan khas. Dalam menguruskan pertukaran guru kategori-kategori berikut diberi pertimbangan sewajarnya:

- i. Kategori kesihatan
- ii. Kategori keselamatan
- iii. Kategori pasangan berjauhan; dan
- iv. Kategori lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan pertukaran guru yang telah diluluskan mulai tahun 2017 sehingga Jun 2024 adalah sebanyak 45,336. Jumlah ini mewakili 35 peratus daripada jumlah keseluruhan permohonan.

Mulai tahun 2022 didapati trend peningkatan kelulusan berbanding permohonan seperti berikut:

- i. 41 peratus permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2022;
- ii. 58 peratus permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2023;
- iii. 34 peratus permohonan pertukaran guru telah diluluskan **sehingga Jun** tahun 2024;

KPM yakin dengan penambahbaikan kaedah dan sistem pertukaran guru ini, proses pertukaran guru dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. KPM juga sentiasa komited untuk memastikan kebijakan guru diberi keutamaan bagi mempertingkatkan produktiviti pendidikan negara tanpa menjaskankan pengajaran dan pembelajaran murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI  
ABDULLAH ( LANGKAWI )**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH ( LANGKAWI )**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan  
Kerajaan berkaitan nilai Ringgit Malaysia memandangkan nilai Ringgit  
berada di tahap paling rendah berbanding Dolar Singapura dalam  
pasaran tukaran wang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Sebelum 26 Februari 2024, prestasi dolar Singapura merosot sebanyak 1.8 peratus manakala ringgit menyusut sebanyak 3.8 peratus berbanding dolar AS.** Prestasi dolar Singapura yang lebih baik daripada ringgit telah didorong oleh kenaikan dasar monetarinya yang lebih agresif dan seterusnya meningkatkan nilai mata wang tersebut. Untuk makluman, dasar monetari Singapura yang berasaskan kadar pertukaran (*exchange rate-based monetary policy*) telah diketatkan sebanyak lima kali sejak Oktober 2021.

Tindakan bank pusat Singapura yang agresif ini didorong oleh inflasi yang lebih tinggi di Singapura (Mei 2024: 3.1 peratus) berbanding dengan Malaysia (Mei 2024: 2.0 peratus). Susulan itu, Purata Kadar Semalam Singapura (*Singapore Overnight Rate Average, SORA*) telah meningkat sebanyak 326 mata asas (basis points, bps) kepada 3.56 peratus sejak Januari 2022 sehingga kini, berbanding Kadar Dasar Semalam (OPR) yang hanya meningkat sebanyak 125 mata asas bagi tempoh yang sama.

Bagi menguruskan tekanan jangka masa pendek terhadap ringgit, pihak Kerajaan dan BNM telah mengambil langkah terselaras bermula 26 Februari 2024 untuk menggalakkan aliran yang lebih konsisten ke dalam pasaran kewangan domestik. Langkah ini termasuk menggalakkan penghantaran balik dan pertukaran pendapatan pelaburan asing oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC/GLICs) yang telah memberikan kesan yang positif terhadap prestasi ringgit. **Sejak pelaksanaan langkah tersebut, nilai ringgit telah mengukuh berbanding kesemua mata wang serantau. Setakat 25 Jun 2024, ringgit telah mengukuh sebanyak 2.2 peratus berbanding dolar Singapura.**

Oleh itu, pihak BNM akan terus mengambil langkah yang wajar untuk memastikan kestabilan mata wang dan pasaran pertukaran asing domestik. Langkah ini termasuk melakukan intervensi untuk membendung pergerakan mata wang yang dianggap berlebihan. Di

## **NO SOALAN :68**

samping itu, BNM juga giat menjalankan sesi libat urus dan pemantauan penukaran hasil eksport kepada ringgit terhadap syarikat pengeksport. BNM akan meneruskan usaha untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam penyelesaian eksport bagi mengurangkan kebergantungan terhadap mata wang dolar AS.

Dalam jangka masa panjang, Kerajaan kekal komited dan fokus dalam usaha pelaksanaan polisi-polisi pembaharuan struktur dan pengukuhan fiskal. Hal ini dijangka dapat meningkatkan daya tarikan jangka masa panjang Malaysia kepada pelabur asing yang seterusnya akan menyumbang terhadap pengukuhan nilai ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LO SU FUI ( TAWAU )**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI ( TAWAU )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah peningkatan geran pemberian khas kepada Sabah pada kadar RM53.4 juta, sebagaimana dibentangkan dalam Belanjawan Persekutuan 2020 pada 11 Oktober 2019 dan telah disahkan dalam pembentangan Belanjawan Negeri Sabah pada 16 November 2019, tidak disertai dengan pengeluaran warta/perintah undang-undang sebagaimana yang disyaratkan dalam Perkara 112D(5) Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 112D, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah bersama menyemak dan berunding bagi mengkaji semula kadar tersebut. Hasilnya satu kadar baharu telah dipersetujui pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM125.6 juta yang dikuatkuasakan melalui pewartaan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2022 [P.U.(A) 119/2022] bertarikh 20 April 2022 bagi tempoh 5 tahun. Pewartaan P.U.(A) 119/2022 telah menggantikan kadar pemberian lama yang berjumlah RM26.7 juta yang telah diwartakan pada 18 September 1970 seperimana diperuntukkan dalam Perentah Pemberian Khas Sabah (Ulangkaji Pertama) 1970 [P.U.(A) 328/1970].

Seterusnya, kadar amaun pemberian khas baharu untuk Sabah dinaikkan kepada RM300 juta bagi tahun 2023 melalui pewartaan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2023 [P.U.(A) 364/2024] pada 24 November 2023. Pembayaran keseluruhan pemberian khas pada tahun 2023 telah disempurnakan melalui penyaluran kepada pihak Sabah pada 28 November 2023.

Kerajaan Persekutuan melalui platform MTPMA63, komited untuk merundingkan kadar Pemberian Khas baharu kepada negeri Sabah selaras dengan Perkara 112D PP dengan mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(KUALA LANGAT)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI ( KUALA LANGAT )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya pelaksanaan subsidi diesel bersasar hanya di Semenanjung dengan tidak melibatkan Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel di Sabah dan Sarawak memandangkan sebahagian besar mod pengangkutan untuk menjalankan aktiviti ekonomi serta program dan projek pembangunan di kedua-dua negeri itu menggunakan bahan api diesel. Tambahan pula, keadaan geografi di situ mengehadkan kebolehlaksanaan mekanisme *fleet card* yang memerlukan kemudahan dan infrastruktur yang lebih canggih terutamanya di kawasan pedalaman.

Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia juga adalah sebagai langkah fasa pertama yang memberi ruang kepada syarikat-syarikat minyak untuk membangunkan dan melengkapkan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan supaya dapat bersedia sekiranya langkah ini diperluas ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY (KOTA BELUD)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY ( KOTA BELUD )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada tahun 2021 hingga tahun 2023 :

- (a) berapa jumlah duti setem yang dikutip di Sabah; dan
- (b) berapa jumlah kutipan cukai pelancongan yang dikutip dan jumlah yang dipulangkan semula kepada Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengutip hasil cukai langsung yang merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula mengutip hasil cukai tidak langsung yang terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan.

Jumlah kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Dokumen tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada portal belanjawan tahunan di laman web Kementerian Kewangan.

Sebagai contoh, dalam Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024, jumlah keseluruhan kutipan duti setem bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM6.34 bilion, bagi tahun 2022 sebanyak RM8.04 bilion, manakala anggaran disemak hasil kutipan duti setem bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM8.4 bilion. Jumlah ini meliputi duti setem yang dipungut dari semua negeri.

Bagi cukai pelancongan, jumlah keseluruhan kutipan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM1.12 juta, manakala bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM1.03 juta. Kutipan cukai pelancongan bagi tempoh tersebut adalah rendah berikutan pelaksanaan sekatan perjalanan dan penutupan sempadan di peringkat global susulan pandemik Covid-19. Anggaran disemak hasil kutipan cukai pelancongan bagi tahun 2023 pula adalah sebanyak RM120 juta yang meliputi keseluruhan cukai pelancongan yang dipungut dari semua negeri. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, 50% daripada hasil kutipan cukai pelancongan akan disalurkan kepada setiap negeri mengikut jumlah yang dikutip di negeri berkenaan.

Ini bertujuan untuk meningkatkan sumber kewangan Kerajaan Negeri khususnya untuk merancakkan lagi sektor pelancongan tempatan.

Sungguhpun begitu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah kutipan hasil duti setem dan cukai pelancongan di Sabah adalah berkaitan dengan salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat terperinci mengenainya atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) berapa jumlah terkini pemegang-pemegang dokumen IMM 13 di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ; dan
- (b) bilakah penghantaran balik ke negara asal untuk mereka-mereka yang memiliki dokumen IMM 13 dan berstatus PATI dapat dimuktamadkan secara holistik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang IMM13 merupakan warga asing yang dibenarkan tinggal secara sementara di dalam Persekutuan atau Sabah atau Sarawak selaras dengan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Sehingga 12 Jun 2024 pemegang Pas Lawatan IMM13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebanyak 13,622 orang di Sabah dan 823 orang di Labuan.

Bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 12 Jun 2024, seramai 61,152 orang PATI di depot imigresen telah diusir pulang. Jumlah PATI yang diusir pulang mengikut pecahan warganegara adalah seperti berikut:

- i. warganegara Indonesia seramai 25,671 orang;
- ii. warganegara Myanmar seramai 12,679 orang;
- iii. warganegara Filipina seramai 6,660 orang;
- iv. warganegara Bangladesh seramai 3,624 orang;
- v. warganegara Thailand seramai 3,495 orang; dan
- vi. lain-lain warganegara seramai 9,023 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [ MUAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang tercicir dan tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Parlimen Muar dan apakah tindakan susulan Kementerian bagi menangani isu ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa data kehadiran calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 mengikut Parlimen adalah merujuk kepada calon sekolah KPM sahaja yang pertama kali menduduki peperiksaan SPM.

Bagi Parlimen Muar, seramai 1,348 orang calon iaitu 98.6 peratus hadir menduduki peperiksaan, manakala 19 orang calon iaitu 1.4 peratus tidak hadir menduduki semua mata pelajaran yang didaftar dalam peperiksaan SPM Tahun 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa prihatin terhadap calon yang tidak menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023 termasuk calon yang tidak layak memperoleh sijil. Sebagai usaha membantu calon tersebut, KPM menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun.

Peperiksaan SPMU menawarkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Bagi tahun 2024, peperiksaan SPMU dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2024. Calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya.

Selain itu, KPM turut menawarkan perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang membolehkan beberapa keputusan peperiksaan yang terbaik calon digabungkan dalam satu sijil peperiksaan SPM sahaja. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada calon yang telah memperoleh sijil peperiksaan SPM kali pertama mulai tahun 2009.

KPM yakin dengan ruang dan peluang yang ditawarkan dapat membantu calon peperiksaan SPM Tahun 2023 untuk memperbaiki keputusan peperiksaan bagi tujuan melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau mencari peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN  
[ KANGAR ]**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [ KANGAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah intervensi Kementerian dalam mengatasi kes salah buli di semua institusi pendidikan termasuk penambahbaikan terhadap saluran portal aduan buli yang sedia ada serta Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di setiap sekolah agar setiap aduan kes buli di sekolah dapat ditangani secara lebih berkesan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu buli yang melibatkan murid sekolah bawah KPM. Antara usaha berterusan yang diambil bagi memastikan gejala ini ditangani ialah KPM telah melancarkan tujuh teras Nadi Keunggulan KPM. Menerusi teras dua Nadi Keunggulan KPM, KPM memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi menghindari gejala negatif seperti gangguan seksual, buli, ekstremisme, gengsterisme dan vandalisme.

KPM konsisten dalam menangani isu buli dengan memantau dan mengambil langkah proaktif untuk menangani gejala sosial dalam kalangan murid sekolah oleh semua pengetua dan guru besar. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 Tahun 2000: Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gengster. Antara tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah adalah mengadakan peti aduan di sekolah dan asrama, mengukuhkan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama serta mengambil tindakan dan menghukum murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah atau asrama. Jawatankuasa anti buli telah diwujudkan di setiap JPN melalui Jawatankuasa Menangani Gejala Disiplin Negeri;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyediakan saluran pelaporan bagi membolehkan pihak sekolah melaporkan kes buli. Pihak sekolah hendaklah merekodkan salah laku buli dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM). KPM juga telah menyediakan portal aduan buli yang membolehkan warga sekolah termasuk murid, ibu bapa dan orang awam membuat aduan terus kepada pihak Kementerian dan maklumat yang diterima akan dilindungi. Terdapat empat saluran utama Portal Aduan Buli iaitu melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KPM, e-mel, talian telefon dan aplikasi *WhatsApp*;

KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2002 : Pelaksanaan Program Sekolah Selamat. Program Sekolah Selamat dilaksanakan di semua sekolah seluruh negara. Program ini bertujuan

## **SOALAN NO : 74**

mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat agar warga sekolah dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta kegiatan kokurikulum tanpa gangguan daripada mana-mana pihak, termasuk perbuatan pengsterisme, dadah dan buli dalam kalangan murid;

Terkini, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2023: Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Di Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis panduan ini menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam menjelaskan kefahaman tentang salah laku buli, tatacara menanganinya dan implikasi serta peranan masing-masing dalam pengurusan salah laku buli terutamanya terhadap pembuli dan mangsa buli

KPM sentiasa komited untuk meningkatkan lagi kesedaran murid bagi mencegah gejala buli di sekolah. KPM juga amat menghargai peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat yang sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah bagi menangani gejala buli dalam kalangan murid di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan maritim Malaysia terjamin, terutamanya di perairan yang mempunyai tuntutan yang bertindih dengan negara lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih kawasan perairan dengan Negara jiran terutamanya Laut China Selatan (LCS) dan beberapa kawasan lain di Perairan Selat Melaka serta Perairan Ambalat adalah amat jelas dan konsisten. Isu tuntutan bertindih ini perlu diselesaikan secara diplomasi di mana semua tuntutan dan penyelesaian mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS 1982). Dalam mengendalikan isu tuntutan ini, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa mengutamakan kepentingan negara sebagai asas utama dalam setiap tindakan yang diambil bagi memastikan kedaulatan, keselamatan dan keamanan perairan negara kekal terpelihara.

Polisi dasar luar Malaysia adalah *non-aligned movement* yang tidak memihak kepada mana-mana Negara kuasa besar bagi mengelakkan campur tangan yang boleh menjadi ancaman dan pergolakan di kawasan tuntutan terutamanya di LCS. Kerajaan Malaysia telah menggunakan pendekatan *non-provocative* dan bersikap berhati-hati terhadap pertikaian wilayah tersebut. Selain itu, bagi mengelakkan ketegangan antara Malaysia dan Negara jiran di perairan ini, konsep *White Hull Diplomacy* telah diguna pakai. Kehadiran asset Agensi Penguatkuasaan Maritim Negara secara konsisten ini adalah imperatif dalam menunjukkan komitmen Negara untuk memelihara keselamatan perairan negara.

APMM juga melaksanakan operasi khas secara berterusan di perairan negara terutama di kawasan perairan tuntutan seperti OP RAJA LAUT di perairan LCS manakala OP TANJUNG di bahagian utara Selat Melaka selain beberapa operasi rutin yang dilaksanakan di semua Maritim Negeri (MN) di seluruh Malaysia. Selain itu, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh APMM bagi memastikan perairan Malaysia bebas dari pencerobohan entiti asing adalah seperti berikut:

## SOALAN NO: 75

- i. **Meningkatkan rondaan harian dengan menggunakan aset laut dan udara** menerusi pengoperasian sebanyak 45 buah vesel laut dan juga aset udara dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Zon Maritim Malaysia (ZMM) sentiasa terjamin dan terpelihara dari sebarang pencerobohan BNA yang mencuri hasil laut di seluruh perairan negara. Pengawasan melalui udara dari semasa ke semasa juga akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan BNA yang memasuki perairan negara kerana ianya dapat membantu memantau aktiviti jenayah maritim dalam skala pemantauan yang lebih luas;
- ii. **Mengoptimumkan aset bersaiz besar** menerusi pengoperasian tiga (3) buah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel*) KM PEKAN, KM ARAU dan OPV 1 di perairan laut dalam hingga Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (sehingga 200 batu nautika atau 370.4 km). Pengoperasian kapal-kapal OPV ini telah dioptimumkan kerana kemampuannya untuk berlayar dalam tempoh yang lama;
- iii. **Mengenal pasti dan sentiasa mengemas kini kawasan titik panas (*hot spot*) aktiviti bot nelayan asing** memandangkan modus operandinya sentiasa berubah tempat atau kawasan. Oleh yang demikian, kerjasama komuniti maritim untuk menyalurkan maklumat terkini amatlah dialu-alukan dalam usaha APMM menguatkuasakan undang-undang;
- iv. **Pemantauan melalui Radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA)** yang banyak membantu dalam menghasilkan tangkapan di perairan negara. APMM juga bertekad untuk terus meningkatkan keupayaan sistem radar SWASLA sedia ada memandangkan sistem tersebut membantu APMM dalam menggerakkan aset laut dan udara secara optimum untuk memintas (*intercept*) objek curiga dengan cara *vector* (pandu tuju) dengan lebih cepat dan tepat; dan
- v. **Pelaksanaan Program ‘Sahabat Maritim’** seperti Program Mesra Rakyat Maritim bersama persatuan-persatuan nelayan serta komuniti selain dari nelayan (pihak swasta) bagi menyebar luas isu-isu

## **SOALAN NO: 75**

keselamatan dan pelanggaran undang-undang yang perlu dititikberatkan semasa berada di laut. Program ini juga akan menggalakkan komuniti maritim untuk menjadi sebagai mata dan telinga kepada agensi di dalam menyalurkan maklumat yang diyakini bagi membantu APMM dalam melaksanakan tugas secara lebih berkesan terutama dalam menangani isu pencerobohan BNA di laut.

Selain itu, di bawah PPM pula, pelbagai operasi khusus dan bersepadu telah dilaksanakan bagi mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang di perairan negara seperti Ops Taring Gelora dan Ops Taring Gelora Khas yang dilaksanakan khusus bagi menangani isu pencerobohan entiti asing ke perairan negara. PPM juga menjalankan rondaan terkoordinasi di antara penguatkuasa bersama negara jiran, perkongsian maklumat risikan dan pelantikan *focal point (Point Of Contact)* di peringkat Kerajaan dan *Working Level Committee* dalam usaha menangani ancaman pencerobohan nelayan asing dan jenayah rentas sempadan.

Selain itu, APMM dan Pasukan Polis Marin (PPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan penguatkuasaan dengan berpandukan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) *Common Guidelines* di antara Wakil Kerajaan Malaysia - Indonesia Berhubung Garis Panduan Layanan Terhadap Nelayan Malaysia Dan Indonesia oleh penguat kuasa kedua-dua negara dalam melaksanakan penguatkuasaan di kawasan perairan yang mempunyai tuntutan bertindih.

Secara keseluruhannya, APMM dan PPM sentiasa bersifat dinamik dalam beradaptasi dengan sebarang perubahan ekosistem cabaran penugasan di perairan negara. Pada masa yang sama, APMM dan PPM memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan perairan negara di samping kekal menjaga keharmonian di antara negara-negara jiran serantau yang bersempadan dengan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [ KANGAR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [ KANGAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti kadar kecinciran murid terutama dalam kalangan pelajar miskin bandar, luar bandar dan pinggir bandar, kanak-kanak Orang Asli dan tidak berdokumen, serta apakah strategi dan usaha pembaharuan Kementerian dalam usaha mengurangkan jurang pendidikan termasuk dari segi kaedah pembelajaran dan pengajaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada definisi keciciran iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. Pada tahun 2023, kadar keciciran murid pada peringkat sekolah rendah ialah 0.06 peratus, manakala 0.83 peratus pada peringkat sekolah menengah.

Bagi murid Orang Asli, tiada murid yang keluar dari sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) direkodkan pada peringkat rendah dan menengah. Bagi kategori miskin bandar, peratus murid sekolah rendah yang keluar daripada sistem APDM adalah 0.04 peratus, manakala murid sekolah menengah yang keluar APDM adalah 1.42 peratus. Untuk miskin luar bandar pula, peratus murid sekolah rendah yang keluar daripada sistem APDM adalah 0.04 peratus, manakala murid sekolah menengah yang keluar APDM adalah 0.56 peratus. Walau bagaimanapun, statistik ini merangkumi murid sekolah KPM yang keluar daripada sistem APDM sahaja.

KPM telah mengenal pasti sebab keciciran murid, antaranya adalah kurang minat untuk belajar, kemiskinan, masalah disiplin, perceraian ibu bapa, kurang kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan gejala sosial.

KPM sentiasa prihatin dalam menangani isu keciciran murid dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan kanak-kanak mendapat akses pendidikan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC), modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) serta Buku Penulisan Kajian Kes Murid Berisiko Cicir dan Murid Cicir bagi membantu pihak sekolah mengurus murid berisiko cicir;
- ii. menyediakan sebanyak 18 jenis bantuan persekolahan yang terdiri daripada 13 jenis Bantuan Khusus dan 5 jenis Bantuan Umum;

## **SOALAN NO : 76**

- iii. melaksanakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) supaya semua murid dapat kekal bersekolah terutamanya murid di kawasan luar bandar dan pedalaman;
- iv. turut memperluaskan konsep K9 kepada Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11). Konsep Sekolah K11 ini juga dijangka mampu mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tingkatan 3 ke Tingkatan 4. Sebagai permulaan, KPM telah memulakan program rintis K11 di SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang yang sekarang dikenali sebagai SMK RPS Betau khas bagi murid Orang Asli di kawasan tersebut. Di samping itu, program rintis ini juga dilaksanakan di SK Long Bedian, Baram, Sarawak;
- v. peluasan konsep Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Sekolah Kebangsaan Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa mengambil berat terhadap akses pendidikan murid tanpa dokumen warganegara. KPM telah menyediakan akses pendidikan bagi kanak-kanak ini melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009. SPI ini membolehkan kanak-kanak tanpa dokumen warganegara memasuki sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan dengan syarat salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak itu mestilah warganegara Malaysia.

Antara strategi KPM bagi mengatasi masalah ini adalah dengan melaksanakan ziarah cakna dan jerayawara melalui sesi town hall seperti yang dilaksanakan oleh jabatan pendidikan negeri (JPN) Pulau Pinang dengan pengisian ceramah motivasi keibubapaan serta sesi bicara strategik bersama-sama agensi kerajaan seperti Pusat Zakat, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Majlis Bandaraya Seberang Jaya dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, GIATMARA Pulau Pinang, Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG), Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta (PIBKS), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Kolej Komuniti Kepala Batas, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Politeknik Seberang Perai, Institut Teknikal Jepun Malaysia, Ibu Pejabat

## **SOALAN NO : 76**

Polis Kontinjen Pulau Pinang, Institut Kemahiran Tinggi PERDA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang. Pihak swasta serta badan-badan bukan kerajaan juga turut membantu seperti Bank Rakyat, Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, Chumbaka, Perlis Centre of Educational Excellence, Adabi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Sabah Electric Sendirian Berhad dan lain-lain.

Selain daripada itu, bantuan daripada semua pemimpin masyarakat termasuk Ahli Yang Berhormat juga diperlukan dalam memberikan kefahaman kepada rakyat agar mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa dengan mendaftarkan perkahwinan dan kelahiran anak-anak supaya masalah tiada dokumen warganegara atau pengenalan diri yang sah dapat diatasi.

KPM juga berusaha mengurangkan jurang pendidikan dari segi kaedah pembelajaran dan pengajaran. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. menyediakan guru pemulihan di sekolah rendah;
- ii. menyediakan modul dan bahan sokongan; dan
- iii. pelaksanaan rintis kelas hibrid.

KPM yakin semua usaha serta inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan ini dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara sehingga tamat tempoh persekolahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [ BUKIT BENDERA ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan statistik terkini Tanah Rizab Melayu setiap negeri bagi tahun 2023.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pihak Berkuasa Negeri (kecuali Pulau Pinang dan Melaka), keluasan keseluruhan Tanah Rizab Melayu sehingga 30 Jun 2023 adalah 4,977,083.37 hektar. Keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI (TERMASUK WILAYAH PERSEKUTUAN)</b>	<b>KELUASAN TRM (HEKTAR)</b>
1.	Kelantan	1,361,114.00
2.	Perak	955,587.80
3.	Kedah	829,782.06
4.	Johor	561,787.83
5.	Pahang	444,074.90
6.	Terengganu	
	(i) Tanah Rizab Melayu	1,822.42
	(ii) Tanah Pegangan Melayu	400,585.31
7.	Negeri Sembilan	226,410.02
8.	Selangor	161,375.45
9.	Perlis	33,540.02
10.	Kuala Lumpur	1,003.56
	<b>JUMLAH KELUASAN</b>	<b>4,977,083.37</b>

Untuk makluman Yang Berhormat, Negeri Pulau Pinang dan Melaka tidak memiliki Tanah Rizab Melayu (TRM)

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [ BAGAN SERAI ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) faktor yang menyebabkan vendor yang menguruskan sistem MBike sejak tahun 2016 di Johor diberhentikan; dan
- (b) usaha pihak Kementerian terhadap isu keselamatan yang berisiko tinggi berlaku di laluan pintu masuk motosikal Johor-Singapura memandangkan masih tiada sistem yang setara dapat menggantikan MBike.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam menambah baik mutu perkhidmatan operasi pusat pemeriksaan sempadan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor.

Sistem MBike merupakan antara inisiatif Kerajaan untuk menambah baik kawalan keselamatan di pintu masuk negara yang mana sistem ini adalah khusus bagi penunggang dan pembonceng motorsikal warganegara Malaysia berdaftar menjalani pemeriksaan Pasport Malaysia Antarabangsa secara automatik melalui pintu masuk Malaysia-Singapura.

Kontrak perjanjian MBike di pintu masuk Malaysia-Singapura adalah selama enam (6) tahun bermula pada 1 Mac 2016 hingga 28 Februari 2022 dan seterusnya dilanjutkan selama dua (2) tahun iaitu sehingga 28 Februari 2024. Dalam hal ini, istilah penamatkan pihak syarikat adalah tidak tepat walhal ianya disebabkan oleh kontrak yang telah tamat pada 28 Februari 2024.

Kementerian dalam masa yang sama sentiasa meningkatkan usaha dalam mengambil berat terhadap isu keselamatan dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KDN melalui JIM dengan perlaksanaan Kod QR. Inisiatif pelepasan imigresen menggunakan Kod QR ini dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan di pintu masuk negara dengan signifikan tanpa berkompromi dengan isu keselamatan. Pelaksanaan *Proof of Concept* (POC) pelepasan imigresen menggunakan Kod QR di CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan CIQ Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) berlangsung selama 3 bulan bermula 1 Jun hingga 31 Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI ( PASIR MAS )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan nilai mata wang Ringgit terus stabil sekaligus memastikan pelaburan asing keluar dan masuk dalam pasaran ekuiti Malaysia sentiasa konsisten.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pergerakan ringgit dipengaruhi oleh pelbagai faktor global dan domestik** yang turut merangkumi harga komoditi dan sentimen pasaran kewangan.

Bagi menguruskan tekanan jangka masa pendek terhadap ringgit, pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah terselaras untuk menggalakkan aliran yang lebih konsisten ke dalam pasaran kewangan domestik. Langkah ini termasuk menggalakkan penghantaran balik dan pertukaran pendapatan pelaburan asing oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC/GLICs) yang telah memberikan kesan yang positif terhadap prestasi ringgit.

Sehubungan dengan itu, pihak BNM akan terus mengambil langkah yang wajar untuk memastikan kestabilan mata wang dan pasaran pertukaran asing domestik. Langkah ini termasuk melakukan intervensi untuk membendung pergerakan mata wang yang dianggap berlebihan. Di samping itu, BNM juga giat menjalankan sesi libat urus dan pemantauan penukaran hasil eksport kepada ringgit terhadap syarikat pengeksport. BNM akan meneruskan usaha untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam penyelesaian eksport bagi mengurangkan kebergantungan terhadap mata wang dolar AS.

Selain itu, Malaysia terus merekodkan kejayaan dalam menarik pelaburan asing dengan pelaburan diluluskan melonjak pada suku pertama tahun ini. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pelabur semakin yakin terhadap perkembangan ekonomi negara dan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan. Aliran masuk dana dan pelaburan asing ini dijangka berterusan dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Dalam jangka masa panjang, Kerajaan kekal komited dan fokus dalam usaha pelaksanaan polisi-polisi pembaharuan struktur dan pengukuhan fiskal. Hal ini dijangka dapat meningkatkan daya tarikan jangka masa panjang Malaysia kepada pelabur asing yang seterusnya akan menyumbang terhadap pengukuhan nilai ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [ LIBARAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah dalam Parlimen Libaran yang telah menerima bekalan Smart TV dan peralatan ICT untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam memastikan sistem pendidikan terus diperkasakan sejajar dengan keperluan masa depan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyahut cabaran pembelajaran digital Abad Ke-21.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah ke arah melengkapkan sekolah bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara digital, KPM telah menyediakan kemudahan *information and communication technologies* (ICT) kepada semua sekolah di bawah Parlimen Libaran. Perkakasan ICT yang dibekalkan ke sekolah tersebut melibatkan sebanyak 861 buah peranti yang merangkumi 769 unit komputer riba, 36 unit pencetak, 43 unit projektor dan 13 unit *Charging Cart*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN  
[ SRI GADING ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [ SRI GADING ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk memperbaiki pencapaian murid dalam STEM yang dilihat jauh lebih rendah berbanding negara jiran seperti Vietnam dan Singapura.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pelbagai program dan inisiatif sebagai usaha bagi memperbaiki kualiti murid dalam bidang STEM dan pentaksiran pada peringkat antarabangsa.

Inisiatif ini memastikan negara mempunyai bakat STEM yang berkelayakan dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja profesional bidang STEM. Sehingga Jun 2024, data KPM menunjukkan bahawa peratusan enrolmen murid aliran sains, termasuk aliran teknikal dan vokasional, telah menunjukkan peningkatan daripada 40.95% pada tahun 2021 kepada 50.83% pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil langkah komprehensif untuk meningkatkan minat dan peratusan penyertaan murid dalam bidang STEM berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu:

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum;
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam; dan
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Langkah strategik tersebut ialah:

- i. menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- ii. menyediakan peluang untuk murid mengembangkan bakat dan potensi melalui aktiviti kokurikulum bidang STEM pada pelbagai peringkat;
- iii. mengutamakan pembangunan kompetensi guru bidang STEM, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), pemimpin sekolah dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP);
- iv. mereka bentuk semula ruang pembelajaran yang luwes dan inklusif;
- v. membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang inovatif dan holistik;
- vi. mengukuhkan kerjasama strategik bagi melestarikan ekosistem STEM; dan
- vii. menubuhkan Pusat Pendidikan STEM.

Selain itu, KPM telah melaksanakan reformasi pendidikan dengan menubuhkan *Task Force Pendidikan STEM* bagi memperkasakan haluan pendidikan STEM negara.

## **SOALAN NO : 81**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, STEM adalah bidang yang merentas sektor dan perlu dilaksanakan secara kolektif melalui sinergi semua pihak yang terlibat dalam ekosistem STEM nasional. Dalam hal ini, sinergi antara Kementerian seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa diperkuuh untuk mengupayakan ekosistem pendidikan STEM. Jawatankuasa Khas STEM KPT-KPM-MOSTI akan ditubuhkan bagi merancang dan memantau inisiatif merentas kementerian bagi meningkatkan enrolmen murid aliran STEM.

Kerjasama dengan pihak industri dan rakan strategik turut dipergiat dengan menyokong program dan aktiviti yang memberi pendedahan mendalam kepada murid. Sebagai contoh, KPM sedang bekerjasama dengan Yayasan PETRONAS (YP) untuk melaksanakan Program Duta Guru YP-KPM bagi memperkasakan 4,500 orang guru STEM dalam meningkatkan KBAT melalui pendidikan STEM.

Komitmen KPM untuk meningkatkan minat murid dalam bidang STEM bagi menyediakan bakat STEM yang berkelayakan dan mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan keperluan dasar berkaitan sains, teknologi dan inovasi seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 82**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL  
TLDM (BERSARA) [ LUMUT ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)  
[LUMUT]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan mengenai status projek 2 buah Kapal Peronda Luar Pesisir (OPV) bagi Agensi Pengawalkuasa Maritim Malaysia (APMM) yang dimaklumkan akan disiapkan tahun ini dan adakah ia akan dapat direalisasikan sebelum akhir tahun ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Sebagai agensi penguatkuasaan maritim utama yang beroperasi di Zon Maritim Malaysia (ZMM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) perlu dilengkapi dengan pelbagai aset yang meliputi aset di laut, udara dan juga aset strategik lain. Dalam hal ini, perolehan kapal yang bersaiz besar adalah imperatif bagi memantapkan pengawasan keselamatan ZMM terutamanya di perairan laut lepas. Perolehan kapal peronda luar pesisir, *Offshore Patrol Vessel* menjadi aset terbaik yang diperlukan oleh APMM untuk melaksanakan pengoperasiannya mengambil kira ketahanan OPV menghadapi keadaan laut serta keupayaannya untuk menjadi platform pendaratan helikopter.

APMM telah diluluskan projek perolehan tiga (3) buah kapal OPV di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), tahun 2016. OPV yang pertama telah diterima oleh APMM pada 2 Januari 2024 dan kemudian secara rasmi telah dinamakan Kapal Maritim (KM) Fatimah pada 2 Mac 2024. Pengoperasian KM Tun Fatimah ini dapat memperkuatkan lagi keselamatan ZMM khususnya di kawasan Laut China Selatan yang menjadi tumpuan aktiviti ekonomi. Pengoperasian KM Fatimah ini juga menjadikan kapal itu sebagai OPV kelima milik APMM selain KM Arau, KM Pekan, KM Langkawi dan KM Banggi.

Bagi pembinaan OPV 2 dan 3, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang dalam tindakan bagi mengenal pasti dan memuktamadkan kaedah perolehan yang terbaik mengikut tatacara perolehan dan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa bagi menyiapkan baki kerja pembinaan OPV 2 dan 3 tersebut iaitu selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024. Dalam hal ini, beberapa syarikat yang berkelayakan dan kompeten sedang dikenal pasti untuk menyiapkan baki kerja OPV 2 dan OPV 3 tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) apakah wujud perincian garis panduan yang digunakan oleh Kerajaan bagi menentukan sesuatu perkara itu tergolong dalam kesalahan 3R; dan
- (b) status hasil siasatan kes 3R yang melibatkan pemimpin parti dalam Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

- (a) Akta Hasutan yang diperkenalkan sejak 1948 telah melalui beberapa kali pindaan sehingga kini bagi memastikan peruntukan di dalamnya kekal relevan untuk mengawal selia isu melibatkan elemen 3R di Malaysia. 3R merujuk kepada isu-isu berkaitan institusi diraja (*Ruler*), agama (*Religion*) atau kaum (*Race*).

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengalu-alukan pandangan dan idea penambahbaikan baharu dari pelbagai pihak termasuk Yang Berhormat Kota Bharu. Sekiranya bersesuaian, cadangan yang diutarakan akan dikaji dan diperhalusi dengan sewajarnya.

**Tuan Yang Di Pertua,**

- (b) Memandangkan Yang Berhormat Kota Bharu tidak bertanyakan secara spesifik mana-mana individu dari parti Kerajaan, saya ingin memberikan jaminan bahawa semua kes 3R yang disiasat oleh PDRM adalah *without fear and favour*, tanpa mengira latar belakang parti.

Saya juga telah memberikan kebebasan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan dengan telus dan tanpa gangguan. Justeru, ingin saya ingatkan kepada semua pihak agar tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyentuh elemen 3R.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Chiew Choong Man [ Miri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kementerian dapat meluluskan dan mengangkat projek menaik taraf ICQS Sungai Tujoh untuk menyelesaikan masalah kesesakan secara jangka panjang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa meneliti keperluan pembangunan baharu atau menaik taraf kemudahan imigresen di pintu-pintu masuk dari semasa ke semasa termasuklah di kesemua Kompleks ICQS dan Pos Imigresen di Sarawak.

Ketika ini, Kerajaan telah meluluskan sejumlah peruntukan bernilai RM193.6 juta bagi kerja-kerja membina dan menaik taraf beberapa ICQS dan Pos Kawalan Imigresen di sekitar persempadanan Sarawak. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah Projek Menaik Taraf Kompleks ICQS Tebedu, Pembinaan ICQS dan Kuarters Imigresen Serikin, Pembinaan Pos Kawalan dan Kuarters Imigresen Ba'kelalan serta Pembinaan Pos Kawalan dan Kuarters Imigresen Telok Melano.

Selain itu, Kementerian ini juga sedang memperincikan keperluan-keperluan bagi menaik taraf ICQS yang lain termasuklah ICQS Sungai Tujuh yang sering berlaku kesesakan pada hujung minggu dan musim perayaan untuk diangkat bagi mendapatkan peruntukan di bawah Peruntukan Pembangunan daripada Kementerian Ekonomi. Sementara menunggu kelulusan tersebut, JIM telah mengguna pakai peruntukan mengurus bagi memperbaiki segala kerosakan-kerosakan kecil. Untuk tahun 2023, RM226,075.00 telah dibelanjakan bagi maksud pembaikan kecil dan naik taraf.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY  
GAPARI KITINGAN  
[ KENINGAU ]

**TARIKH :** 9 JULAI 2024 (SELASA)

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan isu extremisme rasis dan ketaksuhan kaum semakin berluasa dan serius sehingga keganasan seperti terorisme, yang bercanggah dengan asas Sabah Sarawak bersetuju bergabung membentuk Persekutuan Malaysia, adakah Kerajaan akan membiarkan ianya berterusan sehingga menggugat dan memusnahkan asas tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih diucapkan kepada YB Keningau di atas soalan yang dikemukakan kepada Kementerian.
2. Perkataan ‘rasis’ atau ‘rasisme’ merupakan satu bentuk kepercayaan, sikap dan amalan yang mendiskriminasi segolongan manusia berdasarkan ciri-ciri perkaumannya. Konsep rasisme sangat berkaitan dengan perkauman dan semangat assabiyah apabila berlaku zalim terhadap kaum lain.
3. Manakala istilah ‘terorisme’ pula disinonimkan maksudnya dengan penggunaan kekerasan dalam memastikan segala matlamat yang dikehendaki tercapai termasuklah melalui aktiviti penculikan, rampasan, pembunuhan dan peperangan.
4. Di pihak Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian akan sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui sistem e-SEPAKAT yang dibangunkan sejak tahun 2010. Hasil laporan daripada sistem e-SEPAKAT, Kerajaan mengambil langkah-langkah intervensi berdasarkan isu atau insiden yang berlaku di peringkat akar umbi.
5. Untuk makluman sidang dewan, Kementerian ini turut melaksanakan kajian bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai kenyataan berbaur kebencian di Malaysia bagi mengukur tahap pengaruh kenyataan berbaur kebencian terhadap tingkah laku masyarakat.
6. Ini membuktikan hanya sebilangan kecil sahaja masyarakat Malaysia yang menerima pengaruh sangat negatif terhadap kenyataan berbaur kebencian, sebahagian besar masyarakat pula menerima pengaruh dalam konteks yang positif. Ini kerana masyarakat multi-etnik Malaysia rata-ratanya telah memahami konteks sebenar kenyataan berbaur kebencian di Malaysia

## NO. SOALAN : 86

dan sedar akan kesan negatif terhadap hubungan dalam pelbagai kumpulan etnik dan perbezaan anutan agama.

7. Di samping itu, Kementerian Perpaduan Negara juga sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif program-program bagi memperkuuh semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia melalui tiga (3) kluster program di bawah *flagship* program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

8. Di samping pelaksanaan program-program bagi memupuk semangat perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara juga mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian terhadap isu yang menggugat perpaduan termasuk ekstremisme dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:

- (i) **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha’l;
- (ii) **Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (akademik, korporat, ngo, swasta, belia); dan
- (iii) **Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MexUnity)** yang bertindak sebagai forum bagi membincangkan isu dan masalah yang berkaitan dengan perpaduan termasuk suasana perpaduan dan hal integrasi nasional melalui perkongsian maklumat bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

9. Di samping itu, Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang mengganggu gugat perpaduan dan mengancam keharmonian rakyat. Oleh itu, Kerajaan berusaha mengekalkan

## NO. SOALAN : 86

keharmonian antara kaum dengan melaksanakan melalui perundangan sedia ada iaitu:

- (i) **Akta Hasutan 1948 [Akta 15]** iaitu akta bagi mengawal kesalahan menghasut.
  - (ii) **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]** bagi mengawal kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan atau perkhidmatan rangkaian.
  - (iii) **Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574]** – iaitu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang dihukum atas kesabitan jenayah, di mana ia terdapat **7 Seksyen yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan keagamaan**.
10. Langkah-langkah yang diambil Kementerian ini merupakan antara usaha kerajaan dalam memelihara keharmonian antara kaum dan mendidik rakyat bagi menghormati undang-undang sedia ada. Dengan mewujudkan jawatankuasa keharmonian kaum dan memperketat penguatkuasaan serta mengenakan hukuman setimpal terhadap individu yang mencetus isu perkauman dan keagamaan dapat membuka mata rakyat supaya menghormati undang-undang berkuatkuasa.

11. Namun begitu, pemimpin perlu juga memainkan peranan untuk menjadi *role model* masyarakat yang mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kenyataan berbaur kebencian. Mereka bukan sahaja menjadi *role model* yang terbaik, malah pemimpin politik atau masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk menetapkan standard moral dan nilai-nilai yang dipegang oleh negara. Mereka harus menegaskan penolakan terhadap kenyataan berbaur kebencian dan mengukuhkan komitmen terhadap toleransi, kesetaraan dan penghormatan terhadap kepelbagaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA  
[ PASIR SALAK ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [ PASIR SALAK ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha proaktif yang diambil Kementerian dalam menangani prospek kekurangan tenaga kerja profesional seperti doktor dan saintis memandangkan semakin ramai pelajar sekolah menengah yang tidak lagi cenderung mengikuti pelajaran dalam jurusan Sains Tulen.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPM sentiasa komited untuk memupuk minat dan menggalakkan murid sekolah memilih jurusan STEM, termasuk sains tulen. Inisiatif ini memastikan negara mempunyai bakat STEM yang berkelayakan dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja profesional bidang STEM merangkumi doktor dan saintis. Sehingga Jun 2024, data KPM menunjukkan bahawa peratusan enrolmen murid aliran sains, termasuk aliran teknikal dan vokasional, telah menunjukkan peningkatan daripada 40.95% pada tahun 2021 kepada 50.83% pada tahun 2024.

Langkah proaktif yang telah diambil dalam Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM termasuklah:

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum;
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam; dan
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Langkah strategik tersebut ialah:

- i. menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- ii. menyediakan peluang untuk murid mengembangkan bakat dan potensi melalui aktiviti kokurikulum bidang STEM pada pelbagai peringkat;
- iii. mengutamakan pembangunan kompetensi guru bidang STEM, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), pemimpin sekolah dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP);
- iv. mereka bentuk semula ruang pembelajaran yang luwes dan inklusif;
- v. membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang inovatif dan holistik;
- vi. mengukuhkan kerjasama strategik bagi melestarikan ekosistem STEM; dan
- vii. menujuhkan Pusat Pendidikan STEM.

Selain itu, KPM telah melaksanakan reformasi pendidikan dengan menujuhkan *Task Force Pendidikan STEM* bagi memperkasakan haluan pendidikan STEM negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, STEM adalah bidang yang merentas sektor dan perlu dilaksanakan secara kolektif melalui sinergi semua pihak yang terlibat dalam ekosistem STEM nasional. Dalam hal ini, sinergi antara Kementerian seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa diperkuuh untuk mengupayakan ekosistem pendidikan STEM.

Selain itu, KPM juga merupakan ahli dalam Jawatankuasa Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang dianggotai bersama MOSTI, KPT, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Jawatankuasa STI ini memberi fokus kepada pembangunan bakat STI / STEM.

Kerjasama dengan pihak industri dan rakan strategik turut dipergiat dengan menyokong program dan aktiviti yang memberi pendedahan mendalam kepada murid. Sebagai contoh, KPM sedang bekerjasama dengan Yayasan PETRONAS (YP) untuk melaksanakan Program Duta Guru YP-KPM bagi memperkasakan 4,500 orang guru STEM dalam meningkatkan KBAT melalui pendidikan STEM.

Selain itu, kerjasama dengan badan bukan kerajaan seperti Association of Science, Technology and Innovation (ASTI) turut menyumbang kepada pemerkasaan pendidikan STEM melalui program seperti ASTI Progressively Learning and Understanding Science (A-PLUS), ASTI Young Inventors Challenge dan Green Maker Challenge.

Komitmen KPM untuk meningkatkan minat murid dalam bidang STEM bagi menyediakan bakat STEM yang berkelayakan dan mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan keperluan dasar berkaitan sains, teknologi dan inovasi seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan terkini Projek Air Perak - Pulau Pinang. Adakah perjanjian projek berkaitan dapat dimeterai dan dapat dilaksanakan pada tahun ini juga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Batu Kawan yang dijadualkan pada 9 Julai 2024 mengenai perkara yang sama.
2. Skim Penyaluran Air Mentah dari Sungai Perak merupakan cadangan yang dizahirkan semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi menyalurkan air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah untuk menampung keperluan air di Utara Perak dan Pulau Pinang. Skim ini juga bertujuan mengurangkan kebergantungan air mentah negeri Pulau Pinang dari Sungai Muda, Kedah. Mesyuarat antara Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 November 2023 secara dasarnya bersetuju bahawa Negeri Perak akan menyalurkan air mentah daripada Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah dan seterusnya akan menyediakan bekalan air terawat untuk Utara Perak dan Pulau Pinang.
3. Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP pada 15 Jun yang lalu, Kerajaan akan melaksanakan Projek Penyaluran Air Mentah dari Perak untuk bekalan air di kawasan utara Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang dengan kapasiti 1500 Juta Liter Sehari (JLH) termasuk rawatan air dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM 4 Bilion.
4. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan pembangunan kawasan perindustrian *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) semasa pembentangan Bajet 2024. KIGIP merupakan perancangan untuk membina ekosistem industri yang lebih luas di utara semenanjung melalui pembangunan kawasan perindustrian eko dan berteknologi tinggi di daerah Kerian, Perak. Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2024 telah mengumumkan peruntukan pelaksanaan projek ini dengan anggaran RM4 bilion yang merangkumi pembangunan infrastruktur bekalan air di Daerah Kerian.
5. YAB Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) juga bertanggungjawab

**SOALAN NO : 88**

mempengerusikan Mesyuarat Khas Penyelarasan Keperluan Utiliti (Tenaga, Bekalan Air dan Pembetungan) bagi menyokong pelaksanaan projek KIGIP ini.

6. Persetujuan Kerajaan Negeri Perak untuk membekalkan air ke Negeri Pulau Pinang akan menyelesaikan masalah bekalan air di Pulau Pinang dan juga memenuhi keperluan Utara Perak termasuk keperluan terkini bagi pembangunan kawasan KIGIP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN (KUBANG KERIAN)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN ( KUBANG KERIAN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan Kerajaan dalam memastikan bahawa penstrukturran semula akaun KWSP, termasuk pengenalan Akaun 3 benar-benar membantu ahli dalam mengimbangi keperluan kewangan jangka pendek dan persaraan mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Penstrukturran Semula Akaun KWSP dibuat adalah untuk **memastikan kesejahteraan kewangan semasa persaraan** yang lebih mapan dan pada masa yang sama **mengimbangi keperluan semasa** ahli. Inisiatif ini juga dapat **membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli** supaya mereka mempunyai pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

**Jumlah Ahli Yang Membuat Pilihan Amaun Permulaan Ke Akaun Fleksibel**

Ahli boleh membuat pilihan sama ada ingin mempunyai **Amaun Permulaan dalam Akaun 3** iaitu dengan memindahkan sebahagian simpanan dalam Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel **mulai 12 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024**. Untuk makluman, pindahan simpanan adalah daripada Akaun Sejahtera (Akaun 2) ke Akaun Persaraan (Akaun 1) dan Akaun Fleksibel (Akaun 3) sahaja. Pilihan amaun permulaan tidak melibatkan apa-apa pindahan simpanan daripada Akaun Persaraan (Akaun 1) ke Akaun Fleksibel (Akaun 3).

**Setakat 24 Jun 2024, seramai 3.61 juta** atau 27.8% daripada jumlah 13.01 juta keseluruhan **ahli KWSP di bawah umur 55 tahun** telah memilih untuk mempunyai amaun permulaan di dalam Akaun Fleksibel dengan **jumlah perpindahan sebanyak RM11.52 bilion**, manakala sejumlah RM5.12 bilion pula telah dipindahkan ke Akaun Persaraan. Seramai **3.16 juta ahli** atau 24.3% daripada jumlah 13.01 juta keseluruhan ahli KWSP **di bawah umur 55 tahun** telah membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel yang melibatkan amaun pengeluaran **sebanyak RM7.81 bilion**.

Untuk makluman Yang Berhormat, di kalangan ahli yang membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, **seramai 41 ribu ahli** yang sebelum pindahan dilakukan tidak mencapai simpanan asas mengikut umur kini **mencapai simpanan asas mengikut umur berikut** **pindahan sebahagian simpanan Akaun Sejahtera (Akaun 2) mereka ke Akaun Persaraan (Akaun 1)**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**] TARikh : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status dan penyelesaian terkini penaiktarafan Remote Terminal Unit (RTU) dalam Sistem Amaran dan Ramalan Banjir yang tidak dapat berfungsi. Nyatakan sama ada projek berbilion-bilion ini berkesan dan berbaloi kepada rakyat dan mengapa tidak guna duit ini dalam projek tebatan banjir.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 118 stesen hidrologi di bawah Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) telah terjejas akibat penutupan rangkaian 3G di seluruh negara. Sehingga kini, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah selesai menukar *Remote Terminal Unit (RTU)* di 43 stesen daripada 118 stesen terlibat. Penukaran RTU ini adalah demi memastikan data hidrologi daripada semua stesen dihantar ke server Pusat Data Sektor Awam (PDSA) mengikut jadual dan secara konsisten. Proses penukaran RTU untuk baki 75 stesen sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak JPS dan dijangka akan siap sepenuhnya pada November 2024.

**SOALAN NO : 90**

2. Program Ramalan dan Amaran Banjir yang juga dikenali sebagai PRAB adalah pendekatan bukan struktur bersifat pencegahan (*preventive*) dalam pengurusan banjir di Malaysia. Objektif utama pelaksanaannya adalah:

- i. Membangun sistem yang berupaya meramal kejadian banjir monsun 7-hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca daripada Jabatan Meteorologi Malaysia;
- ii. Meningkatkan keupayaan sistem amaran dan hebahan banjir monsun dari enam (6) jam kepada seawal dua (2) hari kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat banjir; dan
- iii. Meningkatkan ketepatan amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras banjir lebih satu (1) meter kepada kurang 0.5 meter.

4. *Outcome* program ini berbeza jika dibandingkan dengan projek tebatan banjir melalui pendekatan kaedah struktur (*curative*). Dengan kombinasi pelaksanaan projek melalui pendekatan struktur (*curative*) dan pelaksanaan program yang bersifat pencegahan, sebanyak 30% kerugian harta benda awam dapat dikurangkan selain dari mengurangkan risiko kehilangan nyawa. Selain itu, PRAB juga berjaya meningkatkan tahap keyakinan pemegang taruh sehingga 70% terhadap sistem amaran dan hebahan banjir kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE  
BIN HAJI APDAL [ SEMPORNA ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]**  
minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
menyatakan:

- (a) secara terperinci pelan bayaran ansuran yang telah dipersetujui antara SESB dan Kementerian Kewangan bagi pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan oleh SESB yang berjumlah RM2.45 bilion; dan
- (b) adakah Kerajaan Sabah ada memohon hapus kira hutang pinjaman mudah ini kepada Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik Negeri Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah, Fasa 1 telah dimuktamadkan dan berkuatkuasa pada 3 Januari 2024. Manakala bagi penyerahan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), ia akan dilaksanakan melalui Fasa 2 yang dijangka akan selesai pada tahun 2030.
2. Kerajaan Persekutuan pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan oleh SESB yang berjumlah RM2.45 bilion tidak dihapus kira dan perlu diselesaikan oleh SESB berdasarkan kepada pelan bayaran ansuran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Perkara ini merupakan salah satu item yang dipersetujui secara bersama dalam Pakej Penyerahan Kuasa Kawal Selia Bekalan Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB KAPTEN DATO' DR. ZULKAFFPERI BIN HANAPI (BERSARA) (TANJUNG KARANG)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFFPERI BIN HANAPI (BERSARA) (TANJUNG KARANG )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan atau perancangan bagi menaikkan STR pada masa akan datang bagi mengurangkan beban kos rakyat bagi menghadapi kenaikan harga barang runcit dan kos sara hidup yang semakin meruncing mutakhir ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2024, **sebanyak 10 bilion ringgit disediakan untuk program Sumbangan Tunai Rahmah (atau STR) bagi memanfaatkan hampir 9 juta penerima.** Program ini merupakan bantuan tunai Kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

**STR merupakan bantuan tunai paling tertinggi dalam sejarah** di mana Kerajaan sentiasa peka dengan perkembangan semasa terutamanya melibatkan situasi ekonomi dan kos sara hidup rakyat.

Kerajaan juga mengambil berat ke atas golongan B40 yang benar-benar terkesan dengan menambahbaik program bantuan tunai dari tahun ke tahun termasuk dengan **memperkenalkan program Sumbangan Asas Rahmah (atau SARA)** sebagai **bantuan subsidi bersasar** kepada rakyat yang paling terkesan dengan gelumang kos sara hidup.

Setakat ini, Kerajaan telah menyalurkan **bayaran STR Fasa 1 dan Fasa 2 kepada mereka yang layak** dengan peruntukan sebanyak **3.6 bilion ringgit daripada 2.93 bilion ringgit pada tahun lepas** dalam usaha membantu sebilangan besar rakyat menangani peningkatan kos sara hidup.

Seramai **8.4 juta penerima yang layak telah berdaftar untuk STR 2024**. Walau bagaimanapun angka ini dijangka naik ke hampir 9 juta penerima bagi tahun ini mengambil kira proses permohonan baharu dan kemas kini dibuka sepanjang tahun, berbanding setahun sekali sebelum ini.

**Kerajaan sentiasa cakna dengan penambahbaikan berterusan program bantuan tunai Kerajaan** demi memastikan golongan terkesan terus terbela dan dijaga. Kerajaan kekal komited dan sentiasa memantau situasi semasa dalam memastikan program bantuan tunai Kerajaan terus disalurkan kepada golongan rentan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan perlombongan nadir bumi tidak memberi kesan terhadap kelestarian alam sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di Malaysia diperolehi daripada lempung jerapan ion yang tertabur secara meluas terutama di kawasan batuan granitik terluluhawa di Malaysia.
2. Bagi memastikan aktiviti perlombongan sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) dijalankan secara teratur, Kementerian telah membangunkan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengawal selia aktiviti perlombongan NR-REE. SOP ini menyediakan panduan lengkap bagi aktiviti di peringkat pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca-perlombongan secara teratur.
3. SOP ini dibangunkan berdasarkan SOP perlombongan NR-REE di Negeri Perak yang telah diguna pakai untuk pembangunan Projek Perintis

## **SOALAN NO : 93**

Perlombongan NR-REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak. Berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan di Projek Perintis, ianya boleh disimpulkan bahawa SOP ini mampu dijadikan panduan bagi mengawal selia aktiviti perlombongan.

4. Seterusnya, Kementerian telah menetapkan bahawa kaedah perlombongan secara *in-situ leaching* (ISL) digunakan bagi mengekstrak sumber NR-REE. Kaedah ini lebih selamat dan mesra alam jika dibandingkan dengan kaedah perlombongan terbuka yang lazim digunakan. Kaedah ISL dapat meminimumkan impak terhadap permukaan bumi, kadar pelepasan gas rumah hijau, serta gangguan habuk dan bunyi. Namun, ianya tertakluk kepada syarat pengoperasian serta kawal selia air permukaan dan bawah tanah yang mampan sebagaimana yang disyaratkan dalam kelulusan Skim Pengendalian Melombong (*Operational Mining Scheme* – OMS) dan Kelulusan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment* – EIA).
5. Bagi memastikan aktiviti perlombongan tidak memberikan impak kepada alam sekitar dan kacau ganggu kepada penduduk setempat, pemantauan dan kawalan secara berterusan akan dilaksanakan melalui pelbagai mekanisma termasuklah pemantauan kualiti efluen / air di bawah Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Efluen) 2016, Pelan Pengurusan Alam Sekitar di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan juga Pelan Pemulihian Lombong. Penekanan terhadap kawalan alam sekitar ini telah dinyatakan dengan jelas dalam SOP perlombongan NR-REE.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR  
[ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [ KEMAMAN ]**  
minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk mewujudkan pemimpin universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas dalam membangunkan negara melalui pembangunan bakat berpengetahuan tinggi, profesional, kreatif dan inovatif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara dan masa hadapan. Pihak Kementerian telah merancang dan melaksanakan pelbagai program kepimpinan kepada mahasiswa agar hasrat untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara akan tercapai.
2. Antara program yang dilaksanakan dibawah inisiatif Pembangunan Pemimpin Masa Hadapan adalah Program Pewaris Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS TUNAS KARISMA); Program Permukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA); Semarak Siswa Madani (*Student for Society*); *Global Student Leadership Summit (GSLS)*; *Program University-Community Social Enterprise (UCSE)* dan *University Social Enterprise Competition (USEC)*; Kem jati Diri Siswa SULUNG; dan Program-program Kesukarelawanan.
3. Selain daripada itu, terdapat juga program-program lain yang direncanakan bagi membentuk kepimpinan pelajar seperti Parlimen Mahasiswa Kebangsaan; dan Program Pemerkasaan Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18).
4. Menerusi program-program tersebut, mahasiswa dilatih dengan ilmu-ilmu kepimpinan yang dapat meningkatkan kesedaran dalam teras jati diri, kepimpinan, komunikasi, integriti, organisasi, pengurusan aktiviti kreatif dan inovatif. Ia juga mampu untuk melahirkan pelajar dengan nilai kepimpinan yang unggul serta semangat jati diri yang kukuh serta menjadi modal insan yang boleh dicontohi dengan sifat dan sikap yang bertanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia.
5. Selain itu, progam ini juga berupaya untuk membangunkan kemahiran, kepakaran dan sifat kemasyarakatan yang tinggi dalam diri pelajar untuk lebih bersedia menghadapi cabaran negara pada masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik berkenaan penahanan, pertuduhan dan sabitan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) untuk tempoh 5 tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), statistik tangkapan SOSMA untuk tempoh lima (5) tahun yang lalu dari tahun 2020 hingga 31 Mei 2024, seramai 2,623 orang telah ditahan di bawah SOSMA. Daripada jumlah tersebut:

- 487 orang telah ditahan kerana terlibat dengan kesalahan jenayah terancang;
- 2,181 orang ditahan kerana terkait dengan kesalahan penyeludupan migran; dan
- 33 orang ditahan kerana terlibat dengan kesalahan keganasan.

Daripada 487 orang telah ditangkap di bawah kesalahan jenayah terancang, seramai 242 orang telah didakwa di mahkamah, 219 telah dibebaskan, satu (1) masih dalam siasatan, dan 25 telah ditahan di bawah POCA. Daripada 242 orang telah didakwa, 182 daripadanya telah dijatuhkan hukum, 38 masih dalam bicara, 17 telah perintah untuk dilepas tanpa dibebaskan (*discharge not amounting to acquittal*) (“DNAA”), dan 5 telah perintah untuk dilepas dan dibebaskan (*discharge and acquittal*) (“AND”).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha untuk memajukan industri NR-REE serta cabaran yang dihadapi masa kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Menyedari potensi NR-REE untuk dibangunkan sebagai salah satu mineral strategik negara, Kementerian telah mengambil beberapa inisiatif dalam membangun dan memajukan industri NR-REE. Untuk tujuan ini, Kementerian telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk membangunkan Projek Perintis Perlombongan NR-REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak, Perak. Pelaksanaan Projek Perintis ini telah bermula pada Oktober 2022 dengan menggunakan kaedah perlombongan secara *in-situ leaching* yang lebih selamat dan mesra alam.
2. Seterusnya, Kementerian telah membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan NR-REE di Malaysia berdasarkan kepada SOP Perlombongan NR-REE di Negeri Perak. SOP Perlombongan NR-REE di Malaysia telah diedar ke semua negeri sebagai rujukan dan panduan kepada negeri-negeri untuk menjalankan perlombongan NR-REE. Namun begitu, pemakaian SOP ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan penyelarasan Pihak-pihak Berkuasa Negeri.
3. Bagi memastikan sumber NR-REE diproses dalam negara yang bertujuan memberi nilai tambah dan membawa impak yang signifikan kepada ekonomi negara, Kementerian telah menetapkan moratorium pengeksportan mentah NR-REE di seluruh negara mulai 1 Januari 2024. Ketetapan moratorium ini berasaskan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 27 Oktober 2023.
4. Selain itu, bagi merealisasi potensi nilai ekonomi mineral NR-REE ini, pembangunan industri ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi peringkat huluan, pertengahan dan hiliran selaras dengan pernyataan kerangka Dasar Mineral Negara 3. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk melantik Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai rakan strategik untuk melaksanakan kajian model perniagaan yang komprehensif bagi pembangunan industri NR-REE di Malaysia. Dokumen kajian ini dibangunkan sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan khususnya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan penggiat industri yang berminat untuk membangunkan industri ini.

**SOALAN NO : 96**

5. Bagi memastikan industri NR-REE dapat dibangunkan di setiap peringkat rantai nilai khususnya di peringkat huluan dan pertengahan, terdapat keperluan untuk mengukuhkan sektor huluan yang secara langsung akan mewujudkan sektor pertengahan dan hiliran yang berdaya saing. Pada masa ini, terdapat kekangan dalam memajukan aktiviti perlombongan iaitu negara tidak memiliki keupayaan tempatan dari segi kepakaran dan teknologi untuk mengusaha hasilkan lombong NR-REE.
6. Seterusnya, Malaysia diyakini mempunyai potensi besar untuk terlibat secara langsung dalam industri di peringkat hiliran sebagai salah satu negara pengeluar super magnet dan motor elektrik di dunia bagi menyokong perkembangan industri pembuatan kenderaan elektrik. Namun demikian, ia hanya boleh direalisasikan dengan adanya industri pertengahan tempatan bagi memproses sumber RE Carbonate yang dihasilkan oleh loji pemprosesan NR-REE tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan adakah sasaran Kementerian untuk memperuntukkan anggaran RM637 bilion sehingga 2050 bagi pelaksanaan tenaga boleh diperbaharui dapat dicapai sederap dengan fasa-fasa yang dirancang (31% menjelang 2025, 40% menjelang 2035 dan 70% menjelang 2050).**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan bahawa pelaburan yang dianggarkan berjumlah RM637 billion sehingga tahun 2050 akan diperoleh dari kedua-dua sektor awam dan swasta, termasuk dari pasaran modal domestik dan asing.
2. Berdasarkan jumlah nilai pelaburan yang diunjurkan tersebut, dianggarkan sebanyak 30% adalah menerusi pelaburan awam, terutamanya dalam pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur grid. Manakala baki 70% nilai pelaburan yang diperlukan merangkumi pelaburan dalam penghasilan tenaga, sistem penstoran tenaga dan bateri serta teknologi berkaitan penangkapan karbon, yang dijangka diperolehi daripada pelaburan sektor swasta.
3. Keperluan pelaburan bagi menjayakan usaha peralihan tenaga bagi sektor bekalan elektrik negara bergantung kepada perancangan pembangunan dan penjanaan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan akan dibuat secara berperingkat mengikut keutamaan. Unjurian keseluruhan pelaburan sebanyak RM 637 billion tersebut dijangka mencukupi bagi mencapai sasaran yang ditetapkan khususnya pembangunan sistem dan infrastruktur bekalan elektrik.
4. Bagi menggalakkan dan menarik pelaburan yang diperlukan, perancangan dan kelulusan pembangunan projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) dilakukan berdasarkan perancangan perbatuan TBB negara, iaitu untuk mencapai sasaran TBB 31% menjelang 2025, 40% menjelang 2035 dan sekurang-kurangnya 70% menjelang 2050.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [ LIBARAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Pos Keselamatan baharu di Kampung Luboh Batu 12, Kampung Semawang dan Kampung Tanjung Pisau bagi meningkatkan keselamatan penduduk kampung sekaligus mencegah aktiviti penyeludupan dan pencerobohan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan negara sentiasa terpelihara. Justeru, bagi menangani ancaman keselamatan di sempadan Negara, Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melaksanakan pembinaan pos-pos keselamatan baharu khususnya di bawah pengoperasian Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia (PGA, PDRM).

Untuk makluman, jarak di antara Kampung Luboh Batu 12 dan Kampung Semawang hanya lebih kurang 2 kilometer yang mana Kampung Luboh Batu 12 terletak di selatan dan Kampung Semawang pula terletak di utara Kampung Luboh Batu 12. Manakala bagi Kampung Tanjung Pisau pula terletak 2 km dari Kuala Sungai Luboh. Kawasan kampung-kampung tersebut terletak di dalam operasi Kawasan Tanggungjawab (KTJ) dan rondaan keselamatan di bawah Pondok Polis Sungai Manila, Sandakan.

Tambahan daripada itu, kawasan laut yang berhampiran dengan kampung tersebut turut terletak dalam kawasan rondaan Pos Libaran dan Komtak Kuala Gum Gum iaitu dalam kawasan operasi Ronda Jarak Jauh (RJJ) pasukan Batalion 15 Pasukan Gerakan Am (PGA), PDRM. Pada masa yang sama, kawasan kampung tersebut juga berada dalam kawasan rondaan agensi keselamatan lain seperti Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM), PDRM.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB (GERIK)**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah kontigensi jangka masa pendek dan panjang bagi mengatasi isu gangguan gajah liar di sepanjang Jalan Raya Timur Barat, Jeti Awam Pulau Banding dan perkampungan di kawasan tersebut memandangkan telah berlaku serangan gajah liar kepada manusia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia sentiasa mengambil perhatian serius terhadap konflik manusia dan hidupan liar termasuk gangguan gajah liar di sepanjang Jalan Raya Timur Barat (JRTB), Jeti Awam Pulau Banding, Perak dan kawasan perkampungan yang berdekatan.
2. Antara langkah jangka pendek yang diambil oleh Jabatan PERHILITAN bagi menangani konflik manusia dan gajah di kawasan tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) membina 4 unit Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) kekal di Kg. Bukit Sapi - Kg. Batu Reng, Rancangan Penempatan Semula (RPS) Air Banun, Bersia, dan Pos Kemar;
  - (ii) melaksanakan 89 kawalan rondaan serta pemantauan di kawasan konflik hidupan liar apabila menerima aduan daripada penduduk setempat bagi tahun 2022 hingga Jun 2024;
  - (iii) melaksanakan 53 tindakan tembak halau bagi menghalau gajah untuk masuk semula ke kawasan hutan berdekatan bagi tahun 2022 hingga Jun 2024;
  - (iv) melaksanakan aktiviti pengayaan habitat dengan mewujudkan 2 jenut tiruan di bawah *viaduct* Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) bagi menarik hidupan liar terutamanya gajah supaya tidak melintas di atas jalan raya;
  - (v) memasang 144 tiang lampu jenis LED di 17 lokasi hotspot kawasan lintasan gajah bagi menghalau gajah memasuki kawasan kampung;
  - (vi) memasang 12 unit papan tanda lintasan gajah di JRTB termasuk 2 billboard besar; dan

(vii) membuat hebahan melalui kenyataan media, video pendek dan poster lintasan gajah semasa musim perayaan bagi meningkatkan kesedaran pengguna JRTB mengenai langkah-langkah keselamatan sekiranya berlaku pertembungan dengan gajah.

3. Selain itu, sebagai langkah jangka panjang, Jabatan PERHILITAN membangunkan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (2023-2030) (NECAP 2.0) sebagai panduan dalam melaksanakan pengurusan gajah dengan lebih menyeluruh. Ini termasuklah mengadakan perbincangan bersama pemegang taruh bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tindakan-tindakan yang digariskan dalam NECAP 2.0 dan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) yang dibangunkan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PlanMalaysia) dalam menangani masalah konflik manusia dan hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang telah serta bakal dilaksanakan oleh Kementerian dalam merealisasikan fokus bagi melahirkan bakat terbaik negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi); dan
- (b) perincikan perangkaan kekosongan tenaga kerja di setiap sektor utama dalam negara mengikut pecahan negeri dan tahap akademik/kemahiran yang diperlukan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**a)**

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPMPT) adalah merupakan rancangan strategik dan komprehensif KPT yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan daya saing institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan seterusnya melahirkan bakat terbaik negara.
2. PPMPT telah menggariskan 10 lonjakan di mana empat (4) lonjakan untuk keberhasilan bakat terdiri daripada warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam (6) lonjakan seterusnya memberi tumpuan kepada pemboleh (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi untuk menjayakan matlamat PPMPT, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.
3. KPT sentiasa memastikan program pengajian di IPTA kekal relevan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti graduan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:
  - i. Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;
  - ii. Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPTA;
  - iii. Memperkenal Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik, Penyampaian Transformatif PdP dan Pentaksiran Holistik; dan
  - iv. Memperkuuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i.

4. Bagi program pengajian yang bernaung di bawah badan profesional, penawaran kursus pengajian yang berkaitan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
5. Kementerian turut memberi fleksibiliti kepada UA untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambahbaik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti program pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.
6. Kementerian juga menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.
7. Selain itu, politeknik dan kolej komuniti memfokus kepada lonjakan keempat dalam keberhasilan graduan TVET berkualiti dengan memupuk bakat berkemahiran untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat dan kian berubah, serta menggalakkan pembangunan kerjaya individu.

**b)**

Tuan Yang Di-Pertua,

8. Bagi soalan kedua YB Batu Kawan berkenaan perincian perangkaan kosongan tenaga kerja di setiap sektor utama dalam negara, ianya berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan guru mengajar murid terlalu ramai di sekolah-sekolah terutamanya murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) di mana jurang nisbah guru dan murid terlalu besar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM sentiasa memastikan keperluan guru mengikut opsyen mata pelajaran mencukupi bagi memastikan setiap murid dapat menjalani proses pembelajaran yang optimum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu kekurangan guru termasuk guru Pendidikan Khas, beberapa kaedah dan pendekatan strategik telah dipersetujui dan telah dilaksanakan untuk membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru seperti berikut:

## **SOALAN NO : 101**

- i. peluasan kluster mata pelajaran;
- ii. pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara;
- iii. pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswa Pendidikan (PDPP) selama setahun di IPGM;
- iv. pengambilan calon guru bagi Program Praperkhidmatan PISMP lepasan STPM, STAM dan Program Matrikulasi dalam beberapa bidang pengkhususan untuk keperluan guru sekolah rendah bermula tahun 2024; dan
- v. penubuhan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

KPM akan sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Bumiputera (pecahan Islam dan bukan Islam), pelajar bukan Bumiputera dan pelajar asing untuk program akademik dalam Universiti Teknologi Mara (UiTM) setiap tahun sejak 2017. Nyatakan kos perbelanjaan oleh Kerajaan dan yuran yang dibayar oleh pelajar tempatan dan luar negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa komited dan memberi keutamaan dengan menyediakan peruntukan mencukupi kepada Universiti Awam (UA) bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan yang kondusif dapat diberikan kepada rakyat.
2. Oleh itu, Kerajaan masih mengekalkan pemberian geran mengurus tahunan kepada semua UA di mana kaedah penyaluran geran mengurus berasaskan keperluan emolument UA dan siling indikatif (SI) Anggaran Perbelanjaan Mengurus (ABM) tahunan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Penyaluran ini dilakukan sebanyak empat (4) kali setahun seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan P.B 1.2 Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2024 Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan geran mengurus bagi Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebanyak **RM1,817,096,200** yang terdiri daripada 100% keperluan emolumen iaitu sebanyak **RM1,760,466,200** dan sebahagian keperluan non-emolumen iaitu sebanyak **RM56,630,000**.
4. Sehubungan dengan itu, kerajaan adalah ke arah mengurangkan kebergantungan UA terhadap peruntukan kerajaan selaras dengan hasrat yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan ke-5 “Kemampanan Kewangan” di mana UA adalah digalakkan untuk memperkuuhkan kewangan sendiri dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjaskan kualiti pendidikan sedia ada. Antara sumber penjaaan pendapatan dalaman UA termasuklah hasil yuran dan hasil bukan yuran seperti pelaburan simpanan tetap, wakaf, endowment, zakat dan sumbangan tunai dan sebagainya.
5. Sehingga Mac 2024, terdapat seramai 166,741 orang pelajar Bumiputera yang beragama Islam dan yang bukan Islam adalah seramai 7,004 orang pelajar.
6. Selain itu, untuk program akademik, sehingga Mac 2024, terdapat 1,337 orang pelajar pelajar asing yang mengikuti program pengajian peringkat PhD manakala seramai 264 orang pelajar asing yang mengikuti program peringkat Sarjana.
7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yuran pelajar tempatan dikenakan per semester adalah sebanyak RM540.00 untuk program asasi dan diploma. Manakala yuran pelajar tempatan per semester untuk program Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak RM590.00.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 103**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (sELASA)**

**SOALAN**

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil di semua pintu pemeriksaan imigresen lapangan terbang antarabangsa di negara kita bagi memudah dan melancarkan kemasukan pelancong asing kerana sejak kebelakangan ini terdapat banyak aduan mengenai kejadian kesesakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memberi keutamaan dalam menguruskan kelancaran operasi bagi memudahcara dan melancarkan kemasukan pelancong asing ke negara ini terutamanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Utama negara.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan bagi mempercepatkan proses pemeriksaan imigresen adalah dengan menawarkan kemudahan *autogate* kepada pengembara asing. Untuk makluman dewan yang mulia, bermula pada 27 Februari 2023, kemudahan *autogate* telah diberikan kepada 10 Negara iaitu Amerika Syarikat, Arab Saudi, Australia, Brunei, Jerman, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Singapura dan United Kingdom.

Berdasarkan kepada sambutan yang baik dikalangan pengembara, Kementerian pada 27 Mei 2024 telah bersetuju untuk memperluaskan kemudahan ini kepada pengembara dari 53 buah Negara iaitu;

- (i) **26 negara Kesatuan Eropah (EU)** iaitu Austria, Belgium, Bulgaria, Croatia, Cyprus, Czech Republic, Denmark, Estonia, Finland, France, Greece, Hungary, Ireland, Italy, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Netherlands, Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Spain dan Sweden;
- (ii) **17 negara-negara Eropah di luar EU** yang tidak memerlukan visa iaitu Albania, Andorra, Armenia, Azerbaijan, Belarus, Bosnia and Herzegovina, Georgia, Iceland, Liechtenstein, Moldova, North Macedonia, Norway, Russia, Sam Marino, Switzerland, Turkiye dan Ukraine;
- (iii) **enam (6) negara Arab** iaitu Bahrain, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Jordan, Oman dan Qatar; dan

- (iv) **empat (4) negara lain** iaitu China, Kanada, Hong Kong dan Taiwan.

Dengan kebenaran ini, bilangan negara yang boleh menggunakan kemudahan *autogate* di Lapangan Terbang Antarabangsa Utama adalah **sebanyak 63 buah negara**. Kemudahan *autogate* ini juga dipanjangkan kepada semua diplomat yang berkhidmat di Malaysia dan ahli keluarga mereka.

Selain itu, usaha-usaha lain yang telah dilaksanakan adalah seperti:

- (i) Perluasan kemudahan *Autogate* kepada pemegang 8 jenis Pas Lawatan Jangka Panjang meliputi Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), Pas Pasangan kepada Warganegara, Pas Pelajar, Pas Residen, Pas Malaysia My Second Home, Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Penggajian dan Tanggungan Pas Lawatan Sosial;
- (ii) Penubuhan dan perluasan 100 orang pegawai *Quick Response Team* (QRT) dalam membantu pemeriksaan di kaunter manual;
- (iii) Penempatan Pegawai Lantikan Baharu seramai 260 orang bagi mengisi kekosongan perjawatan di pintu masuk KLIA;
- (iv) Penyediaan kaunter Helpdesk; dan
- (v) Pembukaan tambahan 10 kaunter pemeriksaan dan 2 kaunter Penyelia yang baharu di Balai Ketibaan, KLIA Terminal 1.

Usaha-usaha yang dilaksanakan ini telah berjaya mengurangkan waktu menunggu bagi pelawat asing melepas pemeriksaan imigresen terutamanya di Balai Ketibaan. Pencapaian semasa proses pelepasan pemeriksaan imigresen di Balai Ketibaan adalah seperti berikut:

- (i) Balai Ketibaan: 85% pelawat dapat diselesaikan dalam tempoh 25

**SOALAN NO: 103**

- minit;
- (ii) Balai Pelepasan: 85% pelawat dapat diselesaikan dalam tempoh 20 minit; dan
  - (iii) Balai Transborder – 90% pelawat dapat diselesaikan dalam tempoh 10 minit.

Tanggungjawab di pintu masuk bukan sahaja melibatkan JIM sahaja tetapi turut melibatkan agensi-agensi lain antaranya seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status permohonan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk kelulusan peruntukan menaik taraf Empangan Air Mengkuang dan Loji Rawatan Air Sungai Dua serta Stesen Pam Air.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Empangan Mengkuang merupakan empangan strategik yang dibina bagi menampung permintaan bekalan air di Pulau Pinang dengan kapasiti takungan sebanyak 73.5 juta meter padu. Kapasiti penyaluran air mentah adalah sebanyak 600 Juta Liter Sehari (JLH) daripada empangan ke Terusan Sg. Dua dan berperanan sebagai sumber air apabila paras Sungai Muda rendah terutamanya semasa musim kemarau.
2. Berdasarkan kepada penilaian oleh Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), keupayaan Rumah Pam Mak Sulong adalah mencukupi untuk mengepam air dari Sg. Kulim ke Empangan Mengkuang dan tiada keperluan untuk membina Rumah Pam Lahar Yooi. Selain itu, adalah lebih wajar lebihan air yang ada di Terusan Sungai Dua disalurkan terus ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. Dalam hal ini, BBA telah memaklumkan Kerajaan Negeri bahawa permohonan ini tidak *viable* untuk dilaksanakan.
3. Status projek menaik taraf LRA Sungai Dua melalui Pakej 12A untuk menambah kapasiti tambahan pengeluaran air terawat sebanyak 114 JLH adalah 96.52% (Sebenar) berbanding 99.91% (Jadual). Lanjutan Masa No.1 (EOT No. 1) telah tamat pada 4 Mei 2024 dan pada masa ini permohonan EOT No. 2 sedang dalam pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 105**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang kewarganegaraan berkenaan *foundlings* dan sekiranya ya, nyatakan pindaan-pindaan yang dicadangkan tersebut dan sebab-sebab pindaan-pindaan tersebut dicadangkan sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bacaan Pertama dan Kedua Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2024 telah dibentangkan di Parlimen pada 25 dan 27 Mac 2024 yang lalu. Walau bagaimanapun, setelah mempertimbangkan pandangan dan input daripada pelbagai pihak yang berkepentingan, Kementerian ini telah mendapatkan ketetapan dasar baharu, terutamanya berhubung Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua dan Seksyen 1(e) Bahagian II Jadual Kedua.

Namun demikian, Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa keputusan muktamad mengenai pindaan perkara ini adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri, persetujuan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 161E(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, serta perkenan Majlis Raja-Raja (MRR) selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI  
[ IGAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang masih tidak mempunyai kebolehan asas 3M ( Membaca, Menulis, dan Mengira ) di kawasan Parlimen Igan. Apakah tindakan dan perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap murid yang masih tidak mempunyai kebolehan asas untuk menulis, membaca dan mengira (3M), termasuk di kawasan Parlimen Igan, Sarawak.

Berdasarkan dapatan Ujian Diagnostik Pengesahan Awal (saringan pengesanan) bagi murid sekolah rendah yang berakhir pada 26 April 2024 menunjukkan bahawa terdapat seramai 664 orang (0.36) peratus murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang masih belum menguasai asas kemahiran 3M di Parlimen Igan berbanding 18,432 orang murid Tahun 2 hingga Tahun 6 yang belum menguasai 3M di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif yang telah dan sedang diambil oleh KPM bagi membantu murid di semua sekolah rendah untuk menguasai kemahiran asas literasi antaranya Program Pemulihan Khas. Murid yang telah dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas 3M akan diberi bimbingan secara berfokus bagi membantu mereka menguasai kemahiran asas 3M supaya dapat membina keyakinan diri untuk belajar dan berkomunikasi dengan berkesan.

KPM juga memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN). Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk membantu memantapkan kemahiran asas 3M. Antara aspek yang diberi penekanan dalam program ini ialah pemugaran literasi dan numerasi.

Selain itu, KPM turut mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Bantu Baca. Murid sekolah rendah yang dikenal pasti belum menguasai kemahiran membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu diberi bimbingan secara berfokus dengan kerjasama daripada sukarelawan Institut Pendidikan Guru dan juga komuniti.

KPM turut memerkenalkan inisiatif Pengesahan Awal Literasi dan Numerasi untuk murid Tahun 1. Pengesahan awal ini bertujuan untuk

## **SOALAN NO : 106**

mengenal pasti murid yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) serta memerlukan intervensi awal yang bersesuaian dengan kebolehan, keupayaan dan gaya pembelajaran mereka.

Seterusnya Program Intervensi Tahun 1. Program ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan oleh guru mata pelajaran Tahun 1. Murid diberi bimbingan secara berfokus di bilik berasingan. Pentaksiran berterusan dilaksanakan dalam tempoh tersebut dan murid yang telah menguasai literasi dan numerasi boleh kembali ke kelas masing-masing. Murid yang masih belum menguasai literasi dan numerasi akan kekal dalam program tersebut bagi tempoh tiga (3) bulan selanjutnya. Bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi pada akhir sesi persekolahan, mereka akan mengikuti Program Pemulihan Khas apabila berada di Tahun 2.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak turut mengambil inisiatif bagi membantu menangani isu 3M peringkat negeri Sarawak. Antara inisiatif yang telah dan sedang diambil antaranya mengadakan kerjasama dengan Yayasan Sarawak melalui Bengkel Program Celik Huruf dan Angka Murid Pemulihan Khas (Pro-CHAMP) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran asas 3M dalam kalangan murid pemulihan khas di negeri berkenaan. Program ini bertujuan untuk memastikan murid-murid yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran asas dapat menerima sokongan yang lebih berfokus dan berkesan.

Seterusnya Program Penentuan Saringan Murid Bekeperluan Pendidikan Khas (PROSPER) kerjasama Pusat 3PK, Hospital Pakar, Bank Simpanan Nasional dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. PROSPER adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menilai murid yang mempunyai keperluan pendidikan khas tetapi berada dalam Program Pemulihan Khas. Murid yang telah dikenal pasti dan disahkan sebagai murid berkeperluan pendidikan Khas (MBPK) akan diberi intervensi dan sokongan yang sesuai untuk memastikan mereka mendapat pendidikan yang setara dan berkesan.

JPN turut mengadakan Bengkel Pelaksanaan Penataran Pedagogi Terbeza bertujuan untuk memantapkan pengetahuan pegawai PPD

## **SOALAN NO : 106**

berkaitan pedagogi terbeza dalam membimbing guru pemulihan di daerah masing-masing.

KPM juga telah memberi autonomi kepada pihak sekolah melaksanakan pelbagai intervensi mengikut kesesuaian persekitaran murid. KPM turut membekalkan bahan bantu belajar untuk murid dan modul bimbingan kepada guru khususnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran terbeza.

KPM yakin dengan pelbagai program, intervensi, dan langkah strategik yang dilaksanakan dapat membantu murid menguasai kemahiran asas 3M, terutamanya di peringkat sekolah rendah, seterusnya meningkatkan pencapaian akademik dan menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [  
TUARAN ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha-usaha bagi mencegah banjir dan hakisan sungai dan tanah di kawasan Parlimen Tuaran. Apakah langkah-langkah bagi memastikan penduduk mempunyai kesedaran dan terlibat dalam penanaman pokok-pokok.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil usaha untuk mengurangkan impak banjir dan hakisan tebing sungai melalui pelaksanaan beberapa projek di Parlimen Tuaran.
2. Sebagai penyelesaian jangka pendek, di bawah Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir RMKe-12 sebanyak RM2.03 juta telah disalurkan untuk melaksanakan 11 projek di Parlimen Tuaran. Sehingga kini, sembilan (9) kerja telah siap sepenuhnya dan dua (2) kerja dijangka siap pada penghujung tahun 2024.
3. Bagi tujuan penyelesaian banjir jangka masa panjang, tiga (3) projek telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah RMKe-12 iaitu:
  - i. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Tangulan, Tuaran dengan kos sebanyak RM81.2 juta;
  - ii. Projek Pemuliharaan Sungai Tuaran di Kampung Tompinahaton, Kiulu, Sabah dengan kos sebanyak RM2.08 juta; dan
  - iii. Projek Pemuliharaan Sungai Tuaran Sepanjang Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Fuad Stephens, Kiulu, Tuaran, Sabah dengan kos sebanyak RM9.8 juta.
4. Sebagai langkah jangka panjang untuk memastikan kelestarian sungai sebagai sumber air di Parlimen Tuaran, JPS turut melaksanakan pendekatan bukan struktur dengan melaksanakan kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*) di Parlimen Tuaran. Kajian tersebut telah bermula pada Ogos 2023 dan dijangka siap pada Februari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan berhasrat memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta SKMM 1998 (serta Akta Hasutan 1948) selaras perjuangan Pakatan Harapan sejak sekian lama.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan setiap individu berhak kepada kebebasan bercakap atau bersuara, tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu melalui undang-undang yang boleh memberi manfaat kepada negara. Namun, pada masa yang sama, jaminan hak kebebasan bercakap atau bersuara ini hendaklah tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan negara, hubungan baik antara negara-negara lain, ketenteraman awam, elemen 3R mahupun prinsip moral.

Kerajaan komited untuk mengkaji setiap akta yang berkuat kuasa bagi memastikan sistem perundangan yang diguna pakai di negara ini adalah secara keseluruhannya efektif dan relevan dengan keadaan semasa selari dengan prinsip dan agenda Kerajaan pada masa ini. Di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) terdapat sebanyak 51 Akta yang sedang berkuat kuasa. Dalam hal ini, KDN sentiasa mengkaji kesesuaian pemakaian akta-akta di bawah Kementerian selaras dengan situasi semasa,

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 merupakan suatu mekanisme yang diwujudkan oleh kerajaan bagi mengawal selia dan mengekang sebarang bentuk kekacauan yang boleh mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam menerusi hasil-hasil penerbitan tidak diingini seiring dengan peredaran masa dan ledakan digitalisasi.

Bagi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mac 2024 secara dasarnya telah meluluskan pindaannya dan RUU tersebut dicadang untuk dibentangkan di Parlimen pada sesi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB  
AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengkaji dan memansuhkan akta-akta zalim seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang masih diguna pakai sehingga kini yang dijanjikan dalam Manifesto PRU-15 Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kerajaan komited untuk mengkaji setiap akta yang berkuat kuasa bagi memastikan sistem perundangan yang diguna pakai di negara ini adalah secara keseluruhannya efektif dan relevan dengan keadaan semasa selari dengan prinsip dan agenda Kerajaan pada masa ini. Di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) terdapat sebanyak 51 Akta yang sedang berkuat kuasa.

Dalam hal ini, KDN sentiasa mengkaji kesesuaian pemakaian akta-akta di bawah Kementerian selaras dengan situasi semasa, termasuk Akta Hasutan 1948. Pada masa ini, Akta Hasutan 1948 diguna pakai bagi mengawal selia dan menangani isu melibatkan **3R (Race, Royalty, Religion)**. Namun, kajian sedang dilaksanakan berhubung pelaksanaan Akta tersebut dalam konteks isu semasa bagi membolehkan penguatkuasaan undang-undang dalam negara berkait isu 3R dapat diperkuuhkan bagi menjamin kesejahteraan dan ketenteraman awam di kalangan masyarakat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING  
[BEAUFORT]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi memperkasakan golongan OKU dalam mendapatkan peluang pekerjaan dan peluang bantuan perniagaan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa prihatin dan komited dalam melaksanakan inisiatif dan perancangan yang lebih efektif dan bersifat inklusif termasuk melibatkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).
2. Antara program dan inisiatif oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP yang telah dilaksanakan khusus bagi golongan tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) Skim Pembiayaan Orang Kurang Upaya (SP-OKU), di bawah TEKUN Nasional yang menyediakan pembiayaan mikro khusus kepada usahawan OKU dengan mudah dan cepat bagi mengembangkan perniagaan mereka. Mulai Januari sehingga 31 Mei 2024, seramai 37 usahawan OKU telah menerima bantuan pembiayaan dari TEKUN yang berjumlah RM662,000;
  - (ii) Program Insentif Usahawan UDA (PIUU) yang dilaksanakan oleh UDA Holdings Berhad menyediakan program bagi semua usahawan termasuk golongan OKU. Program ini menawarkan ruang niaga kepada usahawan untuk menjalankan perniagaan di premis milik UDA atau premis di bawah pengurusan UDA dengan menyediakan insentif seperti rebat sewa dan manfaat fasiliti iaitu bantuan kepada penyediaan fasiliti di premis perniagaan seperti menyediakan kiosk, bantuan kos ubah suai pada kadar yang bersesuaian, pembelian produk dan lain-lain kepada usahawan untuk memulakan perniagaan di bangunan atau premis bangunan milik UDA. Mulai Januari hingga 31 Mei 2024, seramai 4 usahawan OKU telah menerima manfaat daripada program ini;

- (iii) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corporation Malaysia (SME Corp.). menyediakan geran permulaan perniagaan, bantuan pembangunan kapasiti berbentuk latihan dan khidmat nashiat kepada golongan belia termasuk OKU. Mulai Januari hingga 31 Mei 2024, seramai 3 usahawan OKU telah menerima manfaat dengan kelulusan geran sebanyak RM45,000; dan
  - (iv) Kursus Asas Pembangunan Produk dan Servis (KAPPS) oleh INSKEN yang memberikan latihan secara teori dan teknikal mengenai proses pembangunan dan penambahbaikan produk dan servis. Mulai Januari hingga 31 Mei 2024, seramai 11 orang peserta dalam kalangan OKU telah menerima latihan di bawah program KAPPS.
3. Selain itu, golongan OKU juga boleh mengikuti pelbagai program keusahawanan dan koperasi yang ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP yang terbuka kepada semua golongan usahawan dan koperasi. Bagi memberi galakan kepada golongan istimewa ini untuk menceburi bidang perniagaan dan mengusahakan perniagaan sendiri, KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa menjalankan kerjasama rentas Kementerian bagi memastikan golongan sasar ini terus diberikan perhatian dan bantuan yang selayaknya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN (BACHOK)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN ( BACHOK )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan usahasama yang berjaya dicapai bersama negara-negara Islam yang lain dalam membangunkan ekonomi Islam secara lebih meluas dan lebih praktikal sebagaimana resolusi 'Global Forum on Islamic Economic and Finance' anjuran Bank Negara Malaysia pada Mei 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*Global Forum on Islamic Economics and Finance* (GFIEF) yang berlangsung pada 28 hingga 29 Mei 2024 dianjurkan dengan tujuan untuk menekankan kepentingan ekonomi dan kewangan Islam serta potensinya sebagai solusi dalam usaha membangunkan ekonomi dunia yang lebih berdaya tahan, mampan dan saksama.

GFIEF telah dihadiri oleh lebih 2,300 peserta daripada 75 negara termasuk ahli anggota negara *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC). Pengajuran GFIEF juga disokong oleh lebih 50 organisasi tempatan dan antarabangsa termasuk agensi pelbagai hala (*multilateral*) seperti Islamic Development Bank (IsDB), Bank Dunia dan Islamic Financial Services Board (IFSB).

Antara perbincangan yang diketengahkan di GFIEF termasuk hubungan dinamik antara dasar ekonomi kontemporari dengan prinsip ekonomi Islam, pemacuan ekonomi yang berdaya tahan berdasarkan Maqasid Syariah, pembangunan ekonomi yang adil, inklusif dan mampan melalui kerjasama global serta usaha pembaharuan berdasarkan nilai (*values-based reforms*). Perbincangan di GFIEF telah menyediakan platform untuk para peserta mengeratkan lagi kerjasama bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan yang mampan pada peringkat global serta memanfaatkan prinsip ekonomi dan kewangan Islam untuk mencapai kemakmuran dan ekuiti bersama. Perhimpunan wakil dari negara, agensi dan organisasi yang pelbagai di GFIEF telah menyaksikan pengukuhan hubungan dua hala negara Malaysia, termasuk negara-negara Asia Tengah. Usaha ini akan menggalakkan penerokaan peluang baharu bagi mengembangkan ekonomi dan kewangan Islam yang lebih meluas.

Selain itu, GFIEF juga menggembungkan kerjasama global melalui usaha sama pihak berkepentingan yang mengambil pendekatan aktif untuk membangunkan kewangan Islam. Antara inisiatif berimpak yang berjaya dilancarkan dan diumumkan di GFIEF termasuk:

- a. Pelancaran Kertas Cadangan (*Position Paper*) MIFC *Leadership Council* (MLC) yang bertajuk ‘*Establishing Islah (reform) through Islamic Finance*’. Kertas ini mengandungi tindakan dan peralihan secara bersama oleh industri bagi memupuk perubahan masyarakat yang positif melalui kewangan Islam. Sebanyak 18 Projek Berimpak MLC telah digariskan dengan tumpuan diberikan pada inisiatif yang memberikan impak pada usaha memupuk rangkuman, kemampanan, amalan beretika dan inisiatif untuk memajukan agenda *Malaysia International Islamic Finance Centre* (MIFC) bagi mengukuhkan jalinan kewangan Islam dalam pasaran global.
- b. Pertukaran Memorandum Kerjasama (*Memorandum of Collaboration*, MOC) antara MLC dengan rakan sejawatnya dari Indonesia, Republik Türkiye, United Kingdom and Hong Kong. Kesemua MOC ini memberikan penekanan pada inovasi produk kewangan Islam, menggalakkan perdagangan dan aktiviti kewangan rentas sempadan serta menggalakkan pembinaan keupayaan dan pendidikan.
- c. Perjanjian Induk Murabahah antara IsDB dengan institusi-institusi kewangan Malaysia yang bertujuan memudahkan penempatan dana antara institusi. Perjanjian tersebut merupakan hasil hubungan rapat Malaysia dan IsDB, yang seterusnya memupuk rangkaian pelaburan yang mantap antara IsDB dengan institusi-institusi kewangan tempatan.
- d. Pelancaran Rangka Kerja Penilaian ESG-i (*ESG-i Assessment Framework*) oleh INCEIF University dan Ficus Capital, iaitu firma modal teroka ESG-i yang pertama di dunia, bagi memperkasakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia melalui amalan lestari. Rangka kerja tersebut menggabungkan prinsip Syariah dan konsep *quadruple bottom line* iaitu *Planet, People, Profit and Principle*.

- e. Pelaburan patuh Syariah sebanyak RM3 bilion oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) melalui Dana Pemacu bagi menyokong syarikat tempatan yang mempunyai pertumbuhan tinggi serta menjadi pemangkin kepada ekosistem pelaburan modal teroka. Dana Pemacu memberikan tumpuan pada sektor ekonomi yang penting termasuk keterjaminan makanan, pendidikan, ekonomi perak dan penjagaan kesihatan, peralihan tenaga, ekonomi digital serta rangkuman kewangan.
- f. Bursa Sosial (*Social Exchange*) yang bakal dilancarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada akhir tahun 2024. Bursa Sosial ini dijangka menjadi platform yang akan menyenaraikan program atau projek yang akan digunakan untuk kepentingan masyarakat.
- g. Pembangunan program global bagi ahli ekonomi Islam yang diterajui oleh Malaysia. Program ini bertujuan untuk membentuk sekumpulan ahli ekonomi yang dinamik dan berkemahiran tinggi serta mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang tepat dalam ekonomi Islam bagi menjana penyelesaian yang dapat menangani cabaran global terkini.
- h. Program perintis *Greening Halal Businesses* bersama-sama dengan IsDB, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Bank Dunia. Program ini bertujuan membantu perniagaan halal di Malaysia untuk beralih kepada amalan yang lebih hijau dan lestari dengan menyediakan akses kepada latihan teknikal dan perisian pengukuran pelepasan gas rumah hijau, selain pemberian peralihan dan pensijilan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan penubuhan satu Majlis Prasekolah Negara, sebagaimana Majlis TVET Negara, dengan tujuan meningkatkan penyelarasan ekosistem kesemua prasekolah di negara ini sebagai usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan di negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan pendidikan prasekolah, serta aktiviti pembangunan yang berkaitan sebagai sebahagian daripada agenda KPM sejak tahun 1991.

Bagi memastikan kualiti pendidikan prasekolah terus dimartabatkan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Januari 2024 telah bersetuju supaya semua prasekolah diletakkan di bawah penyelarasan KPM. Keputusan ini merupakan antara usaha kerajaan menangani isu keciciran dari peringkat awal pendidikan serta memberi peluang kepada semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang terbaik dan percuma melalui penyediaan bantuan yang disediakan serta kurikulum yang lebih standard.

Secara rasionalnya, penyelarasan prasekolah diletakkan di bawah

KPM adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut:

- i. semua guru prasekolah di bawah KPM adalah berkelayakan dan terlatih selain struktur perjawatan guru prasekolah KPM menjamin laluan kerjaya guru prasekolah;
- ii. program Bantuan Makanan Prasekolah (BMP) yang disediakan di prasekolah KPM diperluaskan ke semua prasekolah Kerajaan akan dapat membantu menangani isu malnutrisi dalam kalangan murid pada peringkat awal; dan
- iii. pelaksanaan intervensi terhadap prasekolah KPM dapat menangani isu keciciran dari peringkat awal persekolahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melaksanakan penyelarasan ini, KPM telah menujuhkan Pasukan Petugas Khas Penyelarasan Prasekolah bagi merancang dan menentukan cadangan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan meliputi aspek kurikulum, guru, infrastruktur dan peruntukan kewangan. Penyelarasian ini melibatkan sistem pendidikan prasekolah yang berada di bawah agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

KPM berharap penyelarasan terhadap semua prasekolah kerajaan ini dijangka akan dapat menjadikan sistem prasekolah di Malaysia lebih tersusun dan komprehensif dalam konteks memastikan pendidikan prasekolah adalah terjamin serta dapat menyediakan murid untuk memasuki pendidikan rendah seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN LIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa aduan telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak IPCC ditubuh dan adakah Kerajaan bercadang menggantikan IPCC dengan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] telah berkuatkuasa pada 1 Julai 2023. Sejak penubuhannya, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) telah menerima aduan yang dikemukakan oleh pengadu-pengadu melalui pelbagai saluran seperti e-mel, *google forms* atau hadir sendiri ke IPCC untuk memudahkan proses aduan dilakukan. Bilangan aduan yang telah diterima oleh IPCC mulai 1 Julai 2023 hingga 14 Jun 2024 adalah sejumlah 305 aduan.

Akta 839 ini telah mendapat perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8 Oktober 2022 dan pewartaan telah dibuat pada 18 Oktober 2022.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) berpandangan bahawa Akta 839 yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2023 ini adalah lebih menyeluruh. Ia bukan hanya memberi fokus kepada aspek integriti anggota pasukan polis, malah turut memberi ruang kepada IPCC untuk menasihati Kerajaan mengenai penambahbaikan kesejahteraan dan kebajikan anggota pasukan polis termasuk di tempat bertugas dan kuarters kediaman mereka. Akta ini juga memberikan kuasa yang mencukupi kepada IPCC untuk melaksanakan fungsi dan peranan yang termaktub dalam Akta 839 dengan efektif.

KDN juga ingin menjelaskan bahawa peranan dan fungsi yang dilaksanakan oleh IPCC adalah selari dengan amalan antarabangsa seperti yang dilaksanakan oleh *Independent Office for Police Conduct* (IOPC) United Kingdom dan *Independent Police Conduct Council* (IPCC) Hong Kong iaitu sebagai *oversight body* dan tidak mempunyai bidang kuasa tatatertib. Bagi pasukan polis, Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Polis (SPP) seperti mana diperuntukkan oleh Perkara 140(1) Perlembagaan Persekutuan. Peranan SPP ini turut dilaksanakan oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya lain yang ditubuhkan melalui Perlembagaan Persekutuan seperti Majlis Angkatan Tentera (MAT), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan

## **SOALAN NO : 113**

Perundangan (SPKU), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPPj).

Semua pihak seharusnya memberi peluang kepada IPCC untuk melaksanakan fungsi dan peranan seperti yang telah termaktub dalam Akta 839 terlebih dahulu. Dalam hal ini, KDN komited untuk memastikan IPCC berfungsi sebagai sebuah badan penyiasat yang bebas dan efektif bagi menyiasat salah laku dalam kalangan anggota pasukan polis. Kementerian akan memantau dengan dekat pengoperasian IPCC dan bersedia untuk melaksanakan penambahbaikan semasa pelaksanaannya jika terdapat keperluan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang selalunya menyebabkan masalah perselisihan secara komunikasi dan fizikal di laluan pejalan kaki dan kenderaan di CIQ Johor Bahru terutamanya pada waktu puncak dan cuti umum.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam menangani kesesakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan (ICQS) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Bangunan Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor seterusnya memberi keselesaan dan kemudahan kepada semua pengguna khususnya rakyat Malaysia yang berulang-alik setiap hari.

Usaha untuk menangani kesesakan ini telah dilaksanakan secara berterusan dan berfasa sejak 2019 melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan Tambak Johor.

**Status Pelaksanaan Fasa 1**

Sebanyak RM92.6 juta telah diluluskan bagi Fasa 1 untuk pelaksanaan kesemua 21 inisiatif bagi menangani kesesakan di BSI dan KSAB. Daripada jumlah tersebut, RM47.1 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif di kedua-dua ICQS, manakala sebanyak RM45.5 juta diperuntukkan bagi 34 projek di bawah Inisiatif 15.

Status pelaksanaan 21 inisiatif di Fasa 1 sehingga 15 Jun 2024 adalah seperti berikut:

- (a) 81% atau 17 inisiatif telah siap sepenuhnya;
- (b) 14% atau 3 inisiatif sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2025; dan
- (c) 5% atau 1 inisiatif belum dilaksanakan.

## **Status Pelaksanaan Fasa 2**

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bilangan 1 pada 6 Mac 2023 telah bersetuju supaya Kerajaan menimbang kelulusan peruntukan sebanyak RM67,717,100.00 yang merangkumi empat (4) inisiatif di Fasa 2.

Status pelaksanaan bagi empat (4) inisiatif baharu di Fasa 2 sehingga 15 Jun 2024 adalah seperti berikut:

- (a) 2 inisiatif telah siap sepenuhnya; dan
- (b) 2 inisiatif sedang dalam pelaksanaan.

## **Status Pelaksanaan Inisiatif Fasa 3**

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bilangan 2 pada 11 Oktober 2023 juga telah bersetuju supaya Kerajaan menimbang kelulusan peruntukan sebanyak RM168.70 juta yang merangkumi empat (4) inisiatif di Fasa 3.

Status pelaksanaan bagi empat (4) inisiatif baharu di Fasa 3 sehingga 15 Jun 2024 adalah seperti berikut:

- (a) tiga (3) inisiatif masih dalam peringkat perancangan awal melibatkan proses penyediaan dokumentasi; dan
- (b) satu (1) inisiatif telah digugurkan iaitu pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung kerana tidak disyorkan oleh pihak JKR Johor memandangkan isu ruangan yang terhad dan peningkatan kos.

## **Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bilangan 1 pada 27 Mei 2024**

Selain daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bilangan 1 pada 27 Mei 2024 telah memperakukan 26 cadangan inisiatif baharu dengan jumlah anggaran peruntukan sebanyak RM130 juta untuk dilaksanakan di fasa 4. Walau bagaimanapun, jumlah ini akan diperincikan selanjutnya berdasarkan keperluan kos sebenar inisiatif. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) inisiatif *quick win* berjumlah RM1.75 juta akan dilaksanakan segera menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian Dalam Negeri. Manakala, baki 19 cadangan inisiatif baharu yang lain dengan anggaran jumlah RM128.25 juta memerlukan permohonan baharu daripada Kementerian Ekonomi.

### **Pelaksanaan Kod QR untuk Pemeriksaan Imigresen di BSI dan KSAB**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah memperkenalkan penggunaan kod QR bagi memudahkan proses pergerakan di pintu masuk seterusnya menangani Kesesakan di kedua-dua ICQS. *Proof of Concept* (POC) pelaksanaan Kod QR ini telah bermula pada 1 Jun 2024 melibatkan warganegara Malaysia terlebih dahulu di BSI dan KSAB bagi mod perjalanan bas dan motosikal dan inisiatif ini akan diperluaskan kepada semua pengguna termasuk bukan warganegara dan pemegang pas jangka panjang serta mod perjalanan termasuk kereta di fasa seterusnya.

Pelaksanaan kod QR ini akan mengurangkan tempoh menunggu pengguna bas pada waktu puncak di BSI daripada 120 minit kepada 15 minit bersamaan 83% penjimatan masa. Manakala, tempoh menunggu bagi pengguna bas di KSAB dapat dikurangkan daripada 90 minit kepada 15 minit bersamaan 74% penjimatan masa.

Penggunaan kod QR ini juga dapat mengurangkan tempoh menunggu pada waktu puncak bagi pengguna motosikal di BSI daripada 40 minit kepada 30 minit bersamaan 19% penjimatan masa. Manakala, tempoh menunggu bagi pengguna motosikal di KSAB dapat dikurangkan daripada 45 minit kepada 30 minit bersamaan 23% penjimatan masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR ( TEMERLOH ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- (a) adakah hasil cukai dan rizab negara meningkat selepas SST diperkenalkan semula; dan
- (b) adakah SST antara penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a. Kutipan hasil cukai berasaskan penggunaan (*consumption based tax*) telah berkurang setelah cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) dilaksanakan semula bagi menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Kutipan GST selepas diperkenalkan pada April 2015 adalah sebanyak RM37.7 bilion bagi tahun 2015, RM55.7 bilion bagi tahun 2016, RM60.5 bilion bagi tahun 2017 dan RM30.9 bilion bagi tahun 2018, iaitu sehingga Mei 2018 sahaja.

Setelah SST dilaksanakan semula, kutipan SST adalah sebanyak RM5.4 bilion bagi tahun 2018, iaitu dari September 2018 hingga Disember 2018, RM27.6 bilion bagi tahun 2019, RM25.2 bilion bagi tahun 2020, RM25.5 bilion bagi tahun 2021, RM31.3 bilion bagi tahun 2022 dan RM35.4 bilion bagi tahun 2023.

Secara keseluruhan, kutipan GST bagi tempoh dari April 2015 hingga GST dimansuhkan pada Mei 2018 adalah berjumlah **RM184.8 bilion**. Jumlah kutipan SST pula adalah sebanyak **RM150.4 bilion** bagi tempoh dari September 2018 hingga akhir tahun 2023.

Jika dibandingkan jumlah kutipan hasil di antara tempoh pelaksanaan GST dan SST, purata kutipan SST secara tahunan adalah **51.6%** lebih rendah daripada purata kutipan tahunan GST. Faktor utama jumlah kutipan SST menjadi lebih rendah adalah skop kenaan SST adalah lebih kecil, iaitu meliputi **41%** daripada keseluruhan barang dan perkhidmatan yang dijual dalam pasaran berbanding **76%** daripada barang dan perkhidmatan yang dijual di bawah skop kenaan GST.

- b. Pengenaan SST tidak boleh dianggap sebagai penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan kerana terdapat faktor lain seperti permintaan dan penawaran, harga komoditi global, harga barang import serta kadar tukaran mata wang asing yang turut mempengaruhi penetapan harga barang dan perkhidmatan oleh perniagaan. Selain itu, terdapat juga peniaga dan penyedia perkhidmatan yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang yang dijual bagi mengaut keuntungan berlebihan walaupun tidak terkesan dengan pengenaan SST.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY  
BIN BANDY (KALABAKAN)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY ( KALABAKAN )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk meningkatkan lagi jumlah dana persaraan para pencarum terutamanya di dalam prospek pelaburan berimpak tinggi bagi mengelakkan para pencarum terjebak di dalam krisis kemiskinan hari tua kelak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **objektif pelaburan KWSP** sebagai sebuah dana persaraan jangka panjang adalah untuk **melindung dan menambah nilai simpanan ahli** melalui **pengisytiharan kadar dividen yang stabil dan mapan**. Keupayaan KWSP untuk mengisyiharkan dividen dalam sesuatu tahun adalah bergantung kepada keadaan pasaran modal, persekitaran ekonomi dan strategi pelaburan KWSP.

Pelaburan KWSP mempunyai **strategi pelaburan jangka panjang berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA)** yang **mengalokasikan aset secara optimal** dengan mengambil kira had **toleransi risiko KWSP** sebagai sebuah dana simpanan persaraan. SAA ini **dikaji semula secara berkala** bagi memastikan jangkaan pulangan dan risiko adalah **relevan dengan situasi dan keadaan pasaran modal semasa**, perubahan polisi, regulatori, perakaunan dan profil aset-liabiliti KWSP.

**Strategi pendiversifikasi merentasi kelas aset, geografi serta pelbagai sektor** yang berpotensi memberi pulangan baik dan mampan terbukti berdaya tahan dan dinamik dengan mengambil kira ketidaktentuan pasaran dan ekonomi serta keadaan portfolio pelaburan KWSP. Strategi ini telah membolehkan KWSP mengisyiharkan dividen yang kompetitif berpadanan dengan profil risiko pulangannya sebagai sebuah dana persaraan.

Jadual 1: Kadar Dividen KWSP bagi Tahun 2015 – 2023

Tahun	Simpanan Konvensional	Simpanan Shariah
2015	6.40%	
2016	5.70%	
2017	6.90%	6.40%
2018	6.15%	5.90%
2019	5.45%	5.00%
2020	5.20%	4.90%
2021	6.10%	5.65%
2022	5.35%	4.75%
2023	5.50%	5.40%

Nota: Simpanan Shariah diperkenalkan bermula tahun 2017

Untuk makluman YB juga, pengumpulan baki simpanan ahli adalah bergantung kepada tren caruman dan pengeluaran oleh ahli. Caruman yang konsisten dan pengeluaran yang hanya dilaksanakan untuk tujuan yang berpatutan akan membantu ahli membina baki simpanan persaraan mereka.

KWSP akan kekal komited untuk terus memberi pulangan yang kompetitif kepada para pencarum dalam usaha meningkatkan baki simpanan persaraan mereka dan mengelakkan para pencarum terjebak dalam krisis kemiskinan hari tua kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2024**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan menyedari bahawa mewujudkan kesalahan yang disebut kesalahan 3R (Race, Religion and Royalty iaitu kaum, agama dan Raja) yang tidak wujud di bawah Akta yang bernama sedemikian telah menyekat kebebasan akhbar dan rakyat bersuara seperti dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Malaysia mendokong hak kebebasan bersuara selaras dengan hak yang diberikan di bawah Perkara 10 Fasal 1 (a) Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

***“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan***

***10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—***

***(a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;***

***(b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;***

***(c) semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.”***

Namun, Perlembagaan juga memperuntukkan di bawah Perkara 10 Fasal 2 bahawa:

*“Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—*

*(a) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau moraliti dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan;”*

Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 merupakan perundangan utama yang digunakan untuk siasatan berkait 3R yang mampu mengganggu gugat keharmonian melibatkan Institusi Diraja, Agama dan Bangsa.

Kesemua perundangan ini bukan untuk menyekat kebebasan bersuara, namun ia untuk menjamin kesejahteraan dan ketenteraman awam terutamanya melibatkan isu 3R di kalangan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK (BALIK PULAU)**

**TARIKH : 09 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK ( BALIK PULAU )**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) apakah format yang digunakan dalam pelaksanaan subsidi bersasar; dan
- (b) bagaimana Kerajaan dapat menjimatkan kos sekiranya pengguna diesel yang layak menerima Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel pada realitinya berbelanja sebanyak RM70 sebulan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk menyasarkan subsidi diesel bagi **memastikan kemampaman ekonomi negara dengan mengurangkan ketirisan susulan aktiviti penyeludupan dan mengurangkan impak kepada kos sara hidup rakyat**. Melalui pendekatan ini, penyasaran subsidi diesel dijangka menjana penjimatan sebanyak **4 bilion ringgit** kepada Kerajaan.

Bagi memastikan kebajikan majoriti rakyat terus terpelihara, Program Bantuan Subsidi MADANI (atau BUDI MADANI) diperkenalkan sebagai **platform penyasaran semula subsidi hanya kepada yang memerlukan** bagi membendung kenaikan kos sara hidup dan juga berperanan **memusatkan serta memudahkan proses permohonan secara dalam talian** kepada pemilik kenderaan jenis diesel merangkumi kenderaan pengangkutan darat awam, pengangkutan darat barang, kenderaan persendirian milik individu dan golongan petani kecil serta pekebun kecil komoditi di Semenanjung Malaysia untuk terus menikmati subsidi diesel melalui kaedah *fleet card* atau bantuan tunai sebanyak 200 ringgit melibatkan **MySubsidi Diesel, BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi**.

Ketetapan jumlah bantuan tunai sebanyak 200 ringgit sebulan adalah **hasil kajian mendalam dan perundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pemilik kenderaan, pakar ekonomi serta industri**. Berdasarkan data daripada Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (atau HIES) 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (atau DOSM) berkaitan perbelanjaan bulanan bahan bakar diesel isi rumah, dianggarkan **200 ringgit adalah jumlah yang mencukupi untuk menampung kos diesel bulanan tambahan bagi 80% isi rumah di Semenanjung Malaysia**.

Kerajaan akan sentiasa memantau situasi semasa termasuk pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dan sekiranya perlu, **penambahbaikan dari semasa ke semasa** akan dibuat dalam memastikan golongan yang benar-benar layak terus mendapat perhatian Kerajaan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI  
[ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan pelan konkrit pengurusan perkhidmatan pembentungan dan rawatan kumbahan awam di dalam Parlimen Kuala Kedah selaras dengan pertambahan penduduk domestik.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek-projek pembetungan bagi meningkatkan liputan perkhidmatan pembetungan di Malaysia. Bagi Parlimen Kuala Kedah, sehingga Mei 2024, terdapat 134 buah Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Awam dengan rangkaian paip pembetungan sepanjang 119.7 kilometer bagi menampung populasi setara bersambung sebanyak 87.3 ribu. Jumlah kapasiti reka bentuk bagi 134 buah LRK ini adalah sebanyak 94.8 ribu populasi setara bagi membolehkan loji-loji ini menampung kenaikan pertambahan penduduk domestik di masa hadapan.
2. Selain itu, sehingga Mei 2024, terdapat 48 buah LRK yang berstatus persendirian, 68 buah tangki septik komunal (CST) dan 16,867 buah tangki septik persendirian (IST) dalam kawasan Parlimen Kuala Kedah. IWK juga menyediakan perkhidmatan pengosongan IST and CST kepada semua kategori pelanggan. Melalui perkhidmatan ini, enap cemar yang melimpah keluar daripada IST dapat dielakkan dan seterusnya pencemaran alam sekitar serta sungai dapat dihindari.
3. Berdasarkan kepada status semasa kapasiti LRK sedia ada dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, didapati pelan konkrit pengurusan perkhidmatan pembetungan dan rawatan kumbahan awam di dalam Parlimen Kuala Kedah ini adalah mencukupi selaras dengan pertambahan penduduk domestik.

Sekian, terima kasih.